



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014	(Halaman 20)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
Penangguhan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 85)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Pembinaan Bangunan Baru SJKT Gunung Rapat - <i>Y. B. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)</i>	(Halaman 85)
■ Kedudukan Perkhidmatan KTMB - <i>Y. B. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)</i>	(Halaman 87)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO [memangku]
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
16. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRs
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] - UPKO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
9. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/ Jaganathan - *Senator*
17. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
18. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
20. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
22. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
24. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO

3. Yang Berhormat Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Dato’ Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepangar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA

36. Yang Berhormat Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
39. “ Dato’ Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P. [Telok Intan] - GERAKAN
40. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
41. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
42. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
43. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
44. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
45. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
46. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
47. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
49. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
50. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
51. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
52. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
53. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
54. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
55. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
56. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
57. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
58. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
59. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
60. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
61. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
62. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
63. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
64. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
65. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
66. “ Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA

67. Yang Berhormat Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
68. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
69. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
70. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
71. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
72. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
73. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
74. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
75. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
76. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
77. “ Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
78. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
79. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
80. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
81. “ Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
6. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
7. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
8. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
9. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
10. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
11. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
12. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
13. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
14. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
15. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
16. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
17. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]

18. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
19. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
20. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
21. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
22. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
23. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
24. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
25. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
26. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
27. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
28. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
29. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
30. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Siti Aishah binti Md. Nasir

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA

Rabu, 11 Jun 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah bentuk atau tindakan yang diambil oleh pihak kementerian dalam membendung aktiviti dan gejala yang kurang sihat (contoh penganjuran konsert yang tidak terkawal) yang boleh mendorong belia melakukan aktiviti sedemikian.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membendung aktiviti dan gejala yang kurang sihat di kalangan belia, kementerian ini daripada semasa ke semasa berusaha merancang dan melaksanakan program-program yang memfokuskan kepada pengisian berbentuk pembangunan jati diri dan sahsiah, patriotisme serta modal insan kepada golongan muda secara menyeluruh. Program-program yang dilaksanakan oleh pihak kementerian adalah meliputi aspek pembangunan kemahiran, asas keusahawanan, kesukarelawan, kepimpinan dan program-program berbentuk aktiviti sukan dan rekreasi seperti berikut:

- (i) program-program kepimpinan sahsiah dan sosial;
- (ii) Program Fellows Perdana;
- (iii) Parlimen Belia Malaysia;
- (iv) Anugerah Perdana Belia Negara;
- (v) Program Kepimpinan Belia Muda Islam;
- (vi) Majlis Perundingan Belia Negara di peringkat negeri dan daerah; dan
- (vii) KLD Tunas Samudera.

Seterusnya program keusahawanan adalah seperti berikut:

- (i) 3K Belia Bestari;
- (ii) kursus asas keusahawanan;
- (iii) promosi dan pameran keusahawanan;
- (iv) kursus perniagaan intensif; dan

Program Kemahiran adalah:

- (i) Institut Kemahiran Belia Negara; dan
- (ii) program latihan kemahiran tidak formal.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengambil kira keperluan dan kehendak semasa, Kementerian Belia dan Sukan telah menambah pengambilan ataupun program-

program Institut Kemahiran Belia Negara ditambah sehingga dua syif. Program kesukarelawan adalah seperti berikut:

- (i) Program Jati Diri Kesukarelawan Nasional;
- (ii) MyCorps;
- (iii) Youth Icon;
- (iv) Program Rakan Muda;
- (v) Program Pengupayaan Gerakan Belia;
- (vi) kursus kepimpinan organisasi;
- (vii) *star rating* pertubuhan belia; dan
- (viii) bantuan pentadbiran dan aktiviti persatuan belia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian juga merancang dan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sukan yang berpaksikan kepada minat, bakat dan kehendak generasi muda pada masa kini. Antara program yang dianjurkan ialah merangkumi program sukan rekreasi, sukan permotoran, sukan kecergasan, sukan OKU, sukan wanita serta turut memperkenalkan dan menganjurkan sukan baru yang diminati oleh generasi muda. Inisiatif yang dilaksanakan kementerian ini adalah bukan sahaja melahirkan generasi muda yang aktif tetapi juga ke arah pembentukan masyarakat yang sihat, cergas dan bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, KBS turut menyediakan kemudahan-kemudahan dan prasarana kepada golongan muda bagi mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Kementerian telah menyediakan pelbagai kemudahan sukan, di antaranya ialah membina 1,871 buah gelanggang futsal 1Malaysia di seluruh negara, 90 buah gim 1Malaysia hampir di semua daerah, kompleks belia dan sukan di negeri-negeri dan 14 buah kompleks sukan komuniti dan juga Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara. Kesemua kemudahan yang disediakan ini bertujuan meningkatkan serta memperkasakan kegiatan positif di kalangan belia. Sekian, terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan belia atau remaja mudah terpengaruh dengan budaya luar termasuk ketaksuban melampau terhadap muzik luar khususnya yang dipelopori oleh kumpulan-kumpulan muzik Barat. Akibatnya golongan remaja atau belia semakin hilang identiti ketimuran atau identiti Malaysia dan tidak berada dalam realiti kehidupan sebenar. Mereka akan sedar hanya apabila mereka dewasa dan ketika itu sudah terlambat untuk berpatah balik. Soalan saya ialah, bagaimanakah kementerian boleh membantu menangani isu ini daripada segi menyediakan alternatif kepada remaja atau belia yang khususnya mudah terpengaruh dengan hiburan melampau dari Barat ini? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya konsert-konsert ataupun hiburan-hiburan seperti ini adalah di luar daripada bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, ini menjadi tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan memastikan supaya kita mendorong golongan belia di jalan yang sah dan untuk melaksanakan itu, Kementerian Belia dan Sukan telah mengaturkan pelbagai aktiviti untuk mengisi masa lapang mereka dalam aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Yang penting hari ini adalah walaupun Kementerian Belia dan Sukan mengadakan pelbagai aktiviti, apa yang penting pada hari ini penyertaan golongan belia. Maka agensi-agensi lain dan juga badan-badan bukan kerajaan termasuk wakil-wakil rakyat harus memainkan peranan yang penting untuk memastikan golongan belia ini menyertai dalam program-program yang diaturkan oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita kena faham apabila kita sebut tentang pembinaan sahsiah remaja bukan soal program semata-mata tetapi kita melihat pengisiannya. Saya ingin tahu sejauh mana setakat yang telah dilaksanakan program-program di bawah Kementerian Belia dan Sukan ini telah berjaya memberi kesan terhadap pembinaan sahsiah belia.

■1010

Apakah kebersamaan telah dilakukan dengan kementerian yang lain, terutama dalam berdepan dengan serangan yang boleh memberi kesan kepada belia hari ini. Terutama serangan daripada media elektronik dan juga penganjuran konsert-konsert antarabangsa yang seharusnya diberi garis panduan yang tegas. Oleh sebab kita tidak mahu remaja apabila kita terlibat dengan budaya terlompat sana-sini di atas pentas, dengan buka baju di atas pentas, dengan mabuk dadah. Sebagaimana yang telah berlaku pada bulan Mac yang lalu sehingga ada enam yang mati akibat daripada ketagihan dadah dan alkohol dalam penganjuran konsert yang sangat meruntuhkan moral dan akhlak belia negara kita.

Jadi, sejauh mana kerjasama yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan bersama dengan kementerian yang lain. Untuk memastikan supaya apa sahaja program yang dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan ini memberi kesan yang positif kepada pembinaan akhlak belia remaja kita hari ini, minta penjelasan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, mengenai setakat manakah kejayaan program-program Belia dan Sukan. Kita lihat sejak kita telah memperkenalkan Festival Hari Belia ataupun Karnival Hari Belia di Putrajaya, hampir setiap tahun penyertaan telah meningkat sehingga mencecah 2 juta pada tahun ini. Ini membuktikan bahawa program-program belia berjaya dan telah menarik minat golongan belia. Sebagai satu perubahan yang telah dibuat pada tahun ini, festival belia di Putrajaya telah dipindah dari Putrajaya kepada peringkat akar umbi. Di mana bermula dari peringkat daerah sehingga kita mengadakan secara besar-besaran di Putrajaya sehingga telah menerima penyertaan lebih kurang 2 juta belia.

Yang kedua, mengenai program-program bersama-sama dengan agensi lain. Baru-baru ini kita lihat satu sektor yang sedang dan saya yakin akan menarik perhatian atau minat golongan belia adalah sektor pertanian untuk usaha tani muda. Di mana golongan belia, khususnya belia bermasalah, yang mereka tidak dapat melanjutkan pendidikan dan sebagainya boleh mendapat pendapatan yang cukup lumayan. Kementerian Belia dan Sukan menerusi beberapa agensi bekerjasama dengan Kementerian Pertanian untuk melibatkan golongan belia dalam sektor pertanian yang akan memperkasakan ekonomi belia. Ini kedua.

Dari segi konsert yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat, kita harus memahami konsert ini telah dianjurkan oleh agensi lain, yang pertama. Yang kedua, hampir beribu-ribu belia telah menyertai dan hampir semuanya telah berkelakuan baik kecuali yang enam yang telah terlibat dengan kes pengambilan ubat dan dadah seperti ini. Kita harus melihat keseluruhan. Bukan semua belia yang menyertai konsert ini telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti seperti ini. Semua aktiviti ada yang negatif ada yang positif. Akan tetapi kita harus mengkaji secara keseluruhan, beribu-ribu belia telah menyertai sebuah konsert. Akan tetapi yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti ini adalah seramai enam orang sahaja. Maka, kita harus mengkaji secara mendalam sama ada aktiviti seperti ini membawa keburukan atau kebaikan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tidak munasabah jawapan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil serius. Saya bagi jaminan, kami begitu sensitif dan peka terhadap isu-isu seperti ini dan kita akan memastikan golongan belia didorong secara baik dan berkesan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai penganjuran konsert antarabangsa ini saya tidak risau, kerana ini dia datang sekali sekala. Apabila dia dapat permit dari kerajaan dia datang, dia tidak dapat permit, dia tidak datang. Akan tetapi yang merisaukan saya, saya mahu tahu Kementerian Belia dan Sukan ini sama ada terlibat untuk membanteras gejala-gejala sosial. Ini kerana sekarang ini di seluruh negara, termasuk kampung-kampung di Kalabakan, belia-belia terlibat dengan gejala-gejala ini.

Jadi, saya mahu tahu Kementerian Belia dan Sukan ini jaga apa? Kalau jaga belia, mesti terlibat untuk membanteras gejala-gejala sosial. Jadi, saya mahu tahu kementerian ini, kalau ada gejala-gejala di luar bandar, kita bukan boleh bagi kuasa kepada

polis sahaja. Saya mahu tahu sampai mana nampaknya kementerian terlibat untuk membanteras gejala-gejala sosial di luar bandar ini.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang ini menjadi tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan golongan generasi muda didorong secara betul dan sah. Perlu mengadakan pelbagai program untuk mengisi masa lapang mereka supaya mereka tidak menceburi diri dalam gejala-gejala sosial seperti ini. Akan tetapi keseluruhan kita harus mengkaji semula golongan belia...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada program di luar bandar untuk membanteras gejala ini, untuk makluman.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sedia sebut tadi, program-program kesukarelaan, Program Jati Diri, MyCorps, YouthCorps, dan iKon sedang diaturkan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui jabatan-jabatan belia dan sukan di peringkat daerah. Semua harus memainkan peranan untuk memastikan belia menyertai program ini. Itu harus menjadi tanggungjawab, itu yang penting.

Yang kedua, yang hari ini kita melihat satu masalah besar, khususnya golongan yang tidak dapat melanjutkan pendidikan. Kumpulan yang bermasalah hari ini adalah mereka yang tidak dapat melanjutkan pendidikan di peringkat tinggi dari sekolah menengah dan sebagainya ataupun *drop outs*. Ini yang menjadi kumpulan sasaran. Masalah hari ini, sebelum ini kita lihat secara akar umbi, 20 tahun dahulu mereka ada peluang-peluang pekerjaan di ladang-ladang di kebun dan sebagainya. Hari ini semua peluang pekerjaan ini telah diambil alih oleh pekerja asing.

Maka, seorang *drop out* sekiranya tidak ada pendidikan, tidak ada peluang pekerjaan di negara ini. Maka, Kementerian Belia dan Sukan dengan agensi-agensi lain, khususnya dengan Kementerian Pertanian, menganjurkan program-program untuk memperkasa ekonomi belia. Itu salah satu cara, salah satu program di mana kita boleh membantu golongan belia untuk tidak menceburi diri dalam gejala-gejala sosial. Yang persoalan pokok hari ini adalah memperkasa ekonomi belia. Itu yang menjadi isu pertama. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jenis bantuan yang diberikan dalam menangani masalah penyelenggaraan dan kerosakan lif di rumah pangsa kos rendah.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Untuk makluman Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, saya ingin memaklumkan bahawa dalam merangka polisi dan juga semua program yang berkaitan dengan perumahan, kerajaan bukan sahaja sekadar menekankan jumlah unit yang diperlukan, bukan sahaja menekankan kepada soal yang berkaitan dengan kualiti perumahan, penyelenggaraan, malah juga untuk mewujudkan budaya tadbir urus perumahan yang baik di kalangan masyarakat. Yang paling penting sekali ialah untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan rakyat yang ada, yang duduk di perumahan-perumahan yang disebutkan dalam soalan Yang Berhormat.

Kerajaan amat prihatin terhadap soal yang berkaitan dengan rumah pangsa kos rendah awam dan juga swasta yang tidak mempunyai sebarang tabungan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan juga kerja-kerja penyelenggaraan yang berkaitan dengan bangunan tempat tinggal. Maka oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ataupun kita panggil TP1M bagi membantu meringankan beban rakyat dalam menyelenggarakan semua rumah kos rendah dan rumah-rumah kos sederhana rendah.

Bagi perumahan awam yang dibina oleh kerajaan Yang Berhormat, kerajaan telah pun mewujudkan program penyelenggaraan perumahan ataupun PPP iaitu untuk membantu semua jenis perumahan, *flat* kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibina oleh kerajaan. Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan tabungan di bawah TP1M yang saya sebutkan itu iaitu merupakan bantuan kewangan yang disediakan kepada mana-

mana *flat* kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibina oleh pihak swasta yang sudah berusia 10 tahun ke atas.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Program TP1M dan PPP yang saya sebutkan tadi, ia dilaksanakan berasaskan kepada kaedah geran sepadan ataupun kita sebut *matching grant*, 90% datang daripada pihak kementerian, 10% datang daripada pihak JMB ataupun MC. Itu bagi perumahan kos rendah manakala 70% daripada pihak kementerian 30% daripada pihak JMB ataupun MC bagi mana-mana *flat* kos sederhana rendah. Melalui nisbah 90:10 dan 70:30 ini, kementerian akan menampung 90% keseluruhan daripada kos baik pulih kepada perumahan kos rendah dan 70% keseluruhan daripada kos yang ada untuk perumahan kos sederhana rendah.

■1020

Kerajaan juga telah pun menetapkan Tuan Yang di-Pertua, lapan skop bantuan yang dapat disalurkan di bawah Program TP1M ataupun PPP ini dan antaranya Yang Berhormat ialah membaiki ataupun mengganti lif-lif yang ada di projek perumahan *flat* kos rendah ataupun *flat* kos sederhana rendah. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga melalui kementerian telah pun menetapkan kriteria-kriteria pemilihan kepada projek yang terbabit dalam peruntukan PPP ataupun TP1M.

Pertama ialah bangunan yang didiami itu mesti lebih daripada sepuluh tahun, yang kedua keutamaan diberikan kepada mana-mana kerja baik pulih ke atas mana-mana kerosakan yang membahayakan penghuni kepada bangunan yang tersebut dan yang ketiga ia hanya melibatkan lapan skop sahaja dan kos baik pulih hendaklah melebihi daripada RM50,000. Selain daripada itu mesti terdapat pengurusan JMB ataupun MC ataupun persatuan penduduk.

Akhir sekali ialah pihak pemohon melalui JMB ataupun MC ataupun Persatuan Penduduk mempunyai dana yang perlu kepada 10% kos rendah dan 30% kepada sederhana rendah. Pihak pengurusan kepada rumah-rumah pangsa berkenaan Tuan Yang di-Pertua, boleh juga mengemukakan borang-borang permohonan untuk mendapatkan bantuan ini melalui kementerian dan melalui kepada Pesuruhjaya Bangunan iaitu COB dalam kawasan masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun 2013 sebanyak 13 kawasan perumahan bertingkat, *flat* yang terlibat dengan kerja-kerja baik pulih dan penggantian lif di bawah program TP1M dan juga PPP dan sejumlah 35 buah lif telah dibaiki, sembilan buah lif telah pun diganti baru dan kos keseluruhan kepada kerja-kerja baik pulih dan juga penggantian lif-lif yang tersebut Yang Berhormat, adalah sebanyak RM7.5 juta iaitu RM6.5 juta datang daripada tabung 90%. Manakala sehingga April 2014 Tuan Yang di-Pertua, KPKT telah pun meluluskan kerja baik pulih dan juga penggantian lif di sepuluh kawasan perumahan bertingkat awam dan swasta dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM5.4 juta dan sebanyak 26 buah lif lagi akan dibaiki dan enam lif lagi akan diganti baru.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan dan juga penyelenggaraan bangunan bertingkat ini ataupun berstrata ini sebenarnya adalah tanggungjawab bersama. Selain ia menjadi tanggungjawab pengguna melalui JMB ataupun MC, ia juga menjadi tanggungjawab kepada kerajaan melalui kementerian dan juga menjadi tanggungjawab kepada kerajaan negeri.

Jadi ingin saya mengambil kesempatan pada hari ini, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan supaya kerajaan-kerajaan negeri turut sama membantu dan bukan sahaja mengharap kepada tabungan yang kecil ini yang disediakan oleh pihak kementerian malah kerajaan negeri juga boleh mewujudkan tabungan yang sama untuk membantu menyelaraskan semua keperluan yang diperlukan di semua *flat* kos rendah dan juga kos sederhana rendah yang ada di negeri masing-masing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah sekarang ini di pangsapuri kos rendah terutama di awam atau swasta ini masalah lif yang mereka gunakan ini, mereka guna jenama yang memang masalah susah hendak dapat *spare part*. Tidak tahu macam mana hendak dapatkan *spare part*. Susah kalau hendak dapat pun bukan beribu-ribu ringgi, berpuluh ribu sampai masalah di mana JMB tidak ada kemampuan untuk menjalankan tugas ini.

Saya hendak ingin merujuk kepada masalah di kawasan saya, di Apartmen Impian Baiduri, Seksyen 51A Petaling Jaya, Blok A, Blok B, Blok C dan Blok D di mana keadaan lif sekarang ini mereka hanya guna lif yang sedia ada lif itu tidak ada sijil daripada JKKKP. Mereka terpaksa gunakan juga walaupun mereka terpaksa menanggung masalah keselamatan. Mereka sudah pun buat permohonan kepada kementerian tetapi malangnya, malangnya sampai sekarang jawapan daripada kementerian mengatakan perlu tunggu, tunggu giliran nombor 61 sampai tahun hadapan sebab yang diberi kerana walaupun...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Apa masalah Yang Berhormat Putatan, hendak berucap? Berdirilah. *[Dewan riuh]* *Very specific*, lif, masalah lif di kawasan saya. Oleh sebab itu saya harap kementerian memberi perhatian yang serius terhadap masalah lif di kawasan di bandar raya.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Di Baling tidak ada apartmen atau kos rendah, di Putatan tidak ada. *[Dewan riuh]* Ini masalah berlaku di bandar raya bukan di kampung Baling.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat yang lain, sila senyap. Ahli Yang Berhormat adalah Ahli Yang Berhormat penggal kedua, tidakkah pada waktu sesi soal jawab ini soalan tidak dapat dikemukakan. Terlampau panjang mukadimah itu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Soalan, soalan. Soalan saya bilakah permohonan untuk JMB Apartmen Impian Baiduri ini dapat diluluskan? Bukan tunggu sampai tahun depan, sekarang lif sudah daif sudah, tidak boleh digunakan lagi. Tidak ada sijil JKKKP dan oleh kerana *apartment* ini usianya hanya sembilan tahun tidak cukup sepuluh tahun lif ini telah rosak selepas lima tahun sahaja. Dia boleh tahan lima tahun, tidak boleh tahan sepuluh tahun. So, saya minta kementerian supaya bagi pandangan serius dalam lif-lif di pangsapuri ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena faham jawapan yang saya berikan tadi dan saya pernah jawab soalan tentang lif ini. Untuk makluman Yang Berhormat, semua lif penumpang ini, semua lif penumpang tadi Yang Berhormat sebutkan sudah minta lesen sudah berzaman tidak dapat dan sebagainya. Semua permohonan lif penumpang ini Yang Berhormat, dia mesti melalui Kementerian Sumber Manusia iaitu melalui di bawah Lesen Mesin Angkat dan mesti melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu JKKKP, Kementerian Sumber Manusia bukan di bawah saya- bomba.

Bomba ini kita cuma memberikan sijil perakuan bahawa lif itu selamat untuk digunakan oleh penumpang. Jadi saya hendak nasihatkan kepada Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Taman Impian Baiduri yang tersebut kenapa hendak tunggu lama sangat, patut daripada awal sudah buat kerja ini, daripada awal sudah buat kerja ini dan tidak akan hendak bawa dalam Parlimen pula hendak membangkitkan isu Taman Impian Baiduri ini.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Saya sudah bangkitkan dua, tiga tahun sudah tetapi tidak ada juga.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tidak payah tunggu dua, tiga tahun, patut boleh berurusan sahaja dengan kerajaan negeri. *[Dewan riuh]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Kementerian segerakan jangan beri alasan lagi. Segerakan, segerakan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tidak apa Yang Berhormat saya hendak menjawab dengan Yang Berhormat ini. Saya hendak nasihatkan kepada semua Ahli Parlimen di kawasan sebelah sana. Tidak payah hendak tunggu sampai dua, tiga tahun hendak bawa ke Parlimen baru hendak tanya kenapa tidak selesai dan sebagainya. Itu tugas kita di peringkat Parlimen.

Jadi sekarang ini satu tadi perkara Yang Berhormat bangkitkan soal lif tidak ada lesen, sila berurusan dengan JKPP, Kementerian Sumber Manusia untuk mendapatkan lesen mesin angkat yang berkaitan dengan lif penumpang, itu yang pertama. Kedua Yang Berhormat, tadi saya sudah sebut TP1M dia untuk perumahan *flat* kos rendah dan kos sederhana yang dibina oleh syarikat swasta, ya Yang Berhormat yang sudah berusia sepuluh tahun. Kalau dia sudah sampai sembilan tahun lebih pun tidak apalah kita boleh pertimbangkan. Kita tidak suruh JMB ataupun MC pergi beli *spare part* lif itu, tidak perlu. Buat sahaja permohonan melalui COB kawasan PBT yang berkenaan Yang Berhormat, kita yang akan uruskan bukan JMB yang pergi pasang *spare part* lif itu. Kita yang uruskan Yang Berhormat.

Jadi balik ini Yang Berhormat tengok balik yang Taman Impian Baiduri itu maklumkan kepada COB supaya COB boleh angkat permohonan itu kepada kementerian, ya Yang Berhormat. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan tadi Kerajaan Barisan Nasional ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab. [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Kerajaan yang bertanggungjawab. Kita tidak ada memilih-milih ataupun menganaktirikan mana-mana yang lif yang tidak ada.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Sudah tiga, empat tahun sudah permohonan sudah dibuat. Cepat sedikit.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Jadi pada makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri, kesejahteraan rakyat adalah menjadi tanggungjawab kepada kerajaan yang ada pada hari ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ingat, di Parlimen saya yang bertanggungjawab. Sila Yang Berhormat Putatan.

■1030

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya segan-segan juga hendak tanya dengan Menteri ini sebab suara dia lebih tinggi daripada suara-suara yang lain.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Segankah takut?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Walau bagaimanapun, saya telah mendengar jawapan yang sungguh hebat, sungguh dahsyat kerana inilah satu-satunya jawapan yang paling tepat. [*Disampuk*] Dengar, kamu tidak buat kerja. Jadi jawapan yang paling baik. Saya sokong semua cadangan, usaha yang sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Walaupun bagaimanapun, saya melihat Menteri Wilayah Persekutuan juga ada di sini, supaya dengar. Saya melihat bangunan-bangunan bukan sahaja di *Klang Valley*, Wilayah Persekutuan tetapi di seluruh negara ini kita harus lihat secara keseluruhan supaya program, usaha ataupun yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara maju dan rakyat berpendapatan tinggi. Akan tetapi bila kita melihat bangunan-bangunan kita, kita telah diuar-uarkan bahawa penyokong di kawasan-kawasan bandar ini melihat kerajaan seolah-olah tidak mepedulikan atau gagal terutama sekali yang tinggal di rumah-rumah pangsa.

Jadi adakah, walaupun sedang, adakah pihak kementerian melihat perkara ini dengan serius terutama sekali cara kebersihan dan juga penghuni-penghuni yang banyak burung gagak yang tinggal di rumah-rumah pangsa ini terutama sekali Menteri Wilayah Persekutuan ini? Jadi apakah usaha kedua-dua kementerian ini supaya melihat perkara ini, kekotoran, sampah sarap yang saya lihat belum ditarkan lagi, tempat *parking* pun tidak tentu, yang penghuni juga, *parking* pun tidak tentu? Jadi adakah pihak kementerian, oleh sebab pihak kementerian telah memperuntukkan RM70.5 juta untuk menyelenggarakan ini, adakah dalam yang sedang, sekali lagi, sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian? Sila jawab Menteri. Suara itu bagi *tone down* sedikit.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Suara mana boleh *tone* Yang Berhormat Putatan. Sudah tentu suara saya lebih baik daripada Yang Berhormat Putatan. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi Yang Berhormat Putatan, RM7.5 juta bukan RM70.5 juta. RM7.5 juta itu ialah peruntukan yang telah kita keluarkan untuk baik pulih lif yang menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat Putatan, Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2014 ini di bawah program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M), untuk tahun ini sahaja pihak kementerian telah pun meluluskan sebanyak 83 buah projek yang berkaitan dengan rumah-rumah flat pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah. Tahun ini sahaja 83 projek yang bernilai RM46 juta dah diluluskan, bukan sedang lagi. Telah pun diluluskan, sekarang dalam proses untuk turunkan peruntukan untuk pelaksanaan di peringkat kerajaan. Jadi bukan lagi sedang. Bila saya jawab soalan ini, ia tidak ada sedang. Ia sedang dalam proses pelaksanaan begitu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah program TP1M yang saya sebutkan tadi kepada Yang Berhormat dari kawasan Petaling Jaya Selatan, antaranya, selain daripada menguruskan flat, kita boleh mengganti bumbung, kita boleh mengecat bangunan, kita boleh membaiki pulih semua jenis kemudahan termasuk sistem retikulasi, paipnya, tangganya. Apa sahaja yang berkaitan dengan kesejahteraan penduduk yang menjadikan tempat tinggal flat kos rendah dan kos sederhana rendah ini, semua perkara yang berkaitan dengan kebajikan dan kesejahteraannya termasuk dalam lapan skop yang saya sebutkan tadi di bawah program TP1M.

Jadi Yang Berhormat dari Putatan, tidak payah bimbang. Tentang pengisian yang hitam saya dengar tadi itu, kita di peringkat kementerian, kita binakan rumah, contohnya PPR, dan kita serahkan kepada kerajaan di peringkat negeri dan kerajaan yang akan selesaikan pengisian dari segi sama ada dimiliki ataupun disewa dan sebagainya. Bagi kawasan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan, saya serahkan kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri dari Putrajaya iaitu Menteri Wilayah Persekutuan. Terima kasih Yang Berhormat dari Putatan.

3. Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa] minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan khusus oleh pihak kementerian bersama Kerajaan Filipina bagi membantu membanteras penganas dari Perairan Filipina yang telah lolos ke perairan Sabah. Ini berikutan daripada beberapa insiden yang berlaku sejak kebelakangan ini yang melibatkan kes ancaman keselamatan di Perairan Sabah yang didalangi penganas dan militan dari Filipina. Selain inisiatif kerajaan melalui ESSCOM dan ESSZONE adakah kerajaan ada membuat perbincangan bersama Kerajaan Filipina sendiri bagi menangani masalah ini.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama pertahanan di antara Malaysia dan Filipina bermula secara rasmi dengan termeterainya *MoU Defense Cooperation* pada tahun 1994. MoU ini menggariskan jenis dan batas kerjasama yang boleh dilaksanakan di antara kedua-dua negara seperti latihan, *exercise* ketenteraan, kerjasama industri pertahanan, pertukaran pegawai dan lain-lain yang berhubungkait dengan isu keselamatan dan pertahanan.

Dalam aspek kerjasama keselamatan, Malaysia telah terlibat secara aktif dalam usaha perjanjian damai di antara pihak *Moro Islamic Liberation Front (MILF)* dan Kerajaan Filipina. Hasil usaha ini juga telah melancarkan proses damai yang telah membuahkan hasil apabila termeterainya perjanjian damai di antara MILF dan Kerajaan Filipina pada 27 Mac tahun ini. Pemeteraian *Comprehensive Agreement on Bangsamoro* turut disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak di Istana Malacanang, Manila.

Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan juga dipertanggungjawabkan sebagai peneraju Team Pemantauan Antarabangsa atau IMT bagi tujuan gencatan senjata di antara MILF dan GPH yang berpusat di Cotabato City, Mindanao. Sehingga kini, sebanyak sembilan siri IMT telah pun dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, terdapat juga kumpulan-kumpulan yang tidak berpuas hati dan melancarkan pencerobohan ke Pantai Timur Sabah khususnya di Lahad Datu. Dalam usaha menjamin keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara, kerajaan telah menubuhkan ESSCOM dan juga ESSZONE. Di bawah ESSCOM, tanggungjawab ATM adalah untuk mempertahankan sebarang bentuk ancaman dan pencerobohan melalui *security and surveillance*, *identification* dan *interception*, dengan izin dalam tiga lapisan pengoperasian. Lapisan pertama melaksanakan penguatkuasaan maritim dari udara dan laut. Lapisan kedua mengenal pasti dan memintas di laut. Lapisan ketiga melaksanakan operasi daratan.

Pada masa kini, operasi ATM di kawasan ESSZONE adalah seperti Ops Pasir, dilaksanakan oleh ATM; Ops Daulat dilaksanakan secara kerjasama ATM dan PDRM; Ops Serkap dilaksanakan oleh ATM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia; dan Ops Sanggah dilaksanakan oleh ATM.

Selain daripada inisiatif kerajaan melalui ESSCOM dan ESSZONE, Kementerian Pertahanan telah mewujudkan jalinan kerjasama erat di antara Angkatan Tentera Malaysia dengan *Arm Forces of the Philipines*. Antara kerjasama yang dijalankan ialah mewujudkan mekanisme pertukaran maklumat perisikan dan dengan izin, *intelligent exchange*. Di bawah mekanisme ini, satu platform pertukaran maklumat diketuai oleh Ketua Perisikan Angkatan Tentera kedua-dua negara. Sehingga kini, sebanyak 23 perjumpaan telah diadakan dan bagi tahun ini, perjumpaan akan diadakan di Manila pada suku terakhir tahun ini.

Kedua, mewujudkan mekanisme pertukaran maklumat keselamatan di antara penganalisis, dengan izin, *analyst to analyst exchange*. Mekanisme ini ialah pertukaran dan perbincangan maklumat perisikan secara aktif di peringkat penganalisis kanan, *senior analyst*. Sehingga kini, sebanyak tiga perjumpaan telah pun diadakan dan bagi tahun ini, perjumpaan telah diadakan pada bulan April yang lalu di Kuala Lumpur.

Ketiga, mengadakan latihan bersama Malaysia-Filipina. Pada setiap tahun, latihan telah dilaksanakan secara giliran di antara tentera Malaysia dan tentera Filipina di bawah kerjasama dua hala angkatan tentera. Latihan ini bagi memperkukuhkan hubungan dan meningkatkan tahap inter operasi ketiga-tiga perkhidmatan angkatan tentera iaitu darat, laut dan udara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 9 Jun di Dewan yang mulia ini, rancangan terkini operasi ATM di Pantai Timur Sabah adalah untuk menggunakan pelantar minyak yang terpakai sebagai *seabasing* bagi mobiliti ATM.

■1040

Konsep ini mempunyai kemampuan dari segi kemudahan domestik yang kondusif, bantuan logistik yang mencukupi, memiliki kemampuan pengawasan yang berkesan serta berupaya melaksanakan tugas kawalan dan pemerintahan yang efisien dan efektif di laut. Konsep ini dilaksanakan dengan kerjasama Petronas setakat ini. Terima kasih.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah strategi pertahanan Kementerian terutamanya Angkatan Tentera Malaysia bagi menghadapi masalah pencerobohan atau bolos yang menyebabkan penculikan yang berlaku baru-baru ini dan semalam telah diumumkan bahawa akan ada penggiliran tentang komander ESSCOM ini. Bermula daripada 1 Julai 2014, 18 bulan pertama akan diketuai oleh Angkatan Tentera Malaysia dan 18 bulan kemudian diketuai oleh PDRM yang pada hemat saya akan menyebabkan kecelaruan di mana 18 bulan itu pada hemat saya terlalu singkat.

By the time dia hendak *immerse* dengan izin mengetahui dengan lebih lanjut jawatannya, ia terpaksa ditukar pula dengan polis, 18 bulan kemudian dia ditukar. Adakah lebih elok sekiranya *joint command* dilakukan di mana angkatan tentera dan polis bersama supaya mereka ini mempunyai *knowledge* yang sama *all the time* dan tahap kesiapsiagaan kedua-dua pasukan ini berada dalam tahap yang sama. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Pertamanya berhubung kait dengan kenyataan IGP semalam merupakan sesuatu yang dibincangkan di peringkat ATM dan pihak PDRM dan juga pihak-pihak berkepentingan. Ia belum dibawa ke Majlis Keselamatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan pandangan Yang Berhormat akan saya panjangkan untuk kita fikirkan dari segi tempoh, dari segi cara dan kaedah penggiliran.

Akan tetapi yang penting kerjasama, saya setuju sangat di antara agensi-agensi termasuk juga ATM, APMM dan juga kastam, imigresen, Kerajaan Negeri Sabah itu sendiri cukup penting dalam kita memastikan bahawa kepimpinan dan koordinasi ke arah apa yang kita lihat sebagai satu ancaman ini dapat ditangani bersama tetapi kita tunggu sampai ia dibentangkan ke Majlis Keselamatan untuk diputuskan bersama dan itu akan diumumkan secara sah pada ketika itu.

Berhubung kait dengan penculikan, saya hendak terangkan di sini bahawa ancaman di Sabah ada beberapa kategori. Ia boleh melibatkan pengganas seperti apa yang kita lihat di Lahad Datu bulan Mac tahun lepas. Ia boleh melibatkan penjenayah yang menyeludup sama ada menyeludup senjata, dadah, tembakau, manusia dan ia juga melibatkan penculik dan pendatang dan setiap cara bagaimana hendak tangani mereka ini ada pendekatan-pendekatannya yang tersendiri.

Sebab itu apa yang kita lihat sebagai satu ancaman *insurgency* dengan izin pada bulan Mac tahun lepas sedikit-sebanyak dengan wujudnya ESSZONE dan ESSCOM, ia telah membantu kita memastikan setakat hari ini ia tidak berulang. Akan tetapi insiden-insiden penculikan memerlukan kita memikir semula pendekatan ESSZONE dan ESSCOM dan sebab itulah kita umumkan cara bagaimana kita hendak wujudkan *forward bases, sea bases* yang berkaitan dengan pelantar-pelantar minyak, berhubung kait dengan kapal-kapal tertentu sebagai *mothership, resorts* dan pulau-pulau tertentu.

Keduanya pengisian kepada ESSZONE, matlamat dan objektif sama ada ia hendak memastikan ancaman pengganas atau penculik atau penyeludup atau kesemuanya itu mesti jelas. Kedua, dari segi undang-undang. Ketiga dari segi *designated route* (laluhan) yang perlu kita tentukan. Itu saya anggapkan sebagai *software*. *The hardware* is dari segi aset. Aset melibatkan *vessels*, kapal-kapal, radar, melibatkan platform di lautan, di pesisiran pantai dan akhir sekali di dalaman.

Ketiganya ialah berhubung kait dengan *human ware* di mana apa yang kita hendak institusikan ini ialah untuk memastikan bahawa ancaman ini tidak akan berulang untuk generasi-generasi akan datang. Beri keyakinan kepada rakyat Sabah dan institusi itu mesti kita lihat dalam konteks latihan, cara untuk membanteras rasuah, bagaimana kita hendak pastikan bahawa ancaman-ancaman dalaman, *value system* iaitu sistem-sistem nilai di kalangan pihak-pihak berkuasa itu dapat ditangani sebab ancamannya datang daripada luar dan juga daripada dalam.

Akhir sekali berkaitan dengan soalan asal tadi ialah kerjasama dan juga sumbangan daripada risikan sama ada daripada cawangan khas atau daripada risikan tentera dan ini melibatkan kerjasama yang cukup erat dengan empat negara iaitu Philippine, Malaysia, Indonesia dan juga Brunei.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lanjut dengan soalan tadi. Pertama sekali saya ucapkan tahniah lah sebab kerajaan telah berjaya untuk menguruskan dan menyertai membantu perjanjian damai dengan MILF di Mindanao Selatan. Akan tetapi, saya juga ingin dapat tahu apakah tanggungjawab dari segi pihak angkatan keselamatan Filipina terhadap keselamatan negaranya dan juga dengan bantuan kita apakah Kerajaan Philippine akan mengambil satu pendirian yang *reciprocal* dengan berusaha tidak lagi menuntut kedaulatan Sabah kerana ini bagi saya juga punca daripada kenapa masalah ini tidak dapat diselesaikan.

Kedua ialah tadi Yang Berhormat Menteri telah sebut tentang ancaman keselamatan yang bersifat *insurgent*. Yang Berhormat Menteri pernah juga sebut bahawa ancaman keselamatan di Sabah ini berpunca daripada rasuah dan sehingga sekarang kami masih menunggu *white paper* yang telah dijanjikan. Adakah *white paper* ini akan memberi kesimpulan apakah masalah keselamatan di Sabah dan juga adakah ini juga mendapat bantuan daripada pihak keselamatan Philippine untuk menganalisa puncanya ancaman keselamatan di Sabah ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat daripada Batu, pertamanya berhubung kait dengan maklumat dan apa yang telah kita kenal pasti daripada siasatan dan pengalaman kita di Lahad Datu tahun lepas sama ada melalui *white paper* atau melalui CIAny akan melibatkan semua *stakeholders* dan apabila telah pun lengkap saya percaya bahawa tidak ada sebab ia tidak dapat diumumkan kepada orang ramai. Ini saya percaya memerlukan semua pihak bukan sahaja pihak Philippine tetapi negara-negara jiran yang lain bekerjasama dan melihat ancaman dunia yang tanpa sempadan hari ini sebagai satu ancaman baru yang akan menuntut kita melihat semula cara bagaimana kita dapat pastikan keselamatan dan peranan ketenteraan dalam dunia yang tanpa sempadan hari ini.

Saya senaraikan tadi pergerakan manusia dalam penyeludupan, pergerakan barangan seperti dadah dan juga senjata saya sebut berhubung kait dengan maklumat yang bocor yang sedikit-sebanyak tidak ada tapisan secara fizikal tetapi tapisan dalaman

pihak penguasa sendiri dalam konteks pegangan-penangan nilai itu semua perlu diinstitusikan untuk masa-masa yang akan datang.

Ini saya cukup yakin dapat ditangani dengan syarat semua pihak bekerjasama rapat lebih-lebih lagi orang Sabah itu sendiri kerana komponen *the civil component* di bawah ESSCOM, *the security component* iaitu komponen keselamatan tadi di bawah ATM, APMM dan juga PDRM merupakan struktur yang di atas kertas nampak cukup lengkap tetapi apabila kita kaji ancaman-ancaman yang terpaksa kita hadapi di ESSCOM sahaja di mana melibatkan 10 daerah - panjang pantai 1,733 kilometer, 361 pulau, keluasan daratan 31,158 kilometer persegi iaitu 42% Sabah.

■1050

Keluasan maritim ialah 53,420 kilometer persegi. Itu satu cabaran yang bukan mudah untuk sesiapa tangani dan sudah tentu kita terpaksa bekerjasama rapat dengan Philippine. Berhubung dengan perjanjian damai. Ada kumpulan tertentu yang terpinggir daripada pencarian yang tidak termasuk dan kumpulan inilah yang perlu kita pantau khususnya daripada risik kita supaya mereka yang tidak terlibat di dalam perjanjian damai tadi tidak mengambil tindakan-tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan rantau ini lebih-lebih lagi keselamatan di Sabah. Akan tetapi mereka yang terlibat dalam perjanjian damai itu saya yakin dengan kerjasama Philippine dan Malaysia, akan terjamin masa depan mereka.

4. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai kerajaan yang sepatutnya sudah pencen tetapi masih memegang jawatan mereka sama ada dalam pentadbiran awam dan institusi pendidikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat perkhidmatan awam persekutuan, seramai 36 orang pesara telah diluluskan untuk dilantik secara *contract of service* di pelbagai kementerian, jabatan dan juga agensi awam manakala di peringkat badan berkanun yang melibatkan universiti, seramai 704 orang pensyarah dan 232 orang pegawai lain dilantik semula untuk berkhidmat secara kontrak. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, saya ingin mendapat perincian ataupun penjelasan apakah dasar dan peraturan atau polisi dan *guideline* yang digunakan pada masa ini dalam melanjutkan tempoh pegawai-pegawai berkenaan? Tidakkah ia mengurangkan peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai muda dan juga mengurangkan peluang pekerjaan pegawai-pegawai ataupun siswazah menganggur yang saya difahamkan dalam jawapan di Parlimen pada 26 Jun 2013 iaitu sebanyak 75,800 orang. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan bocor tetapi soalan itu telah pun tersedia jawapan. Pelantikan pesara secara kontrak adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan serta kesinambungan kepakaran, pengalaman dan juga kepimpinan yang diperlukan dalam agensi yang berkenaan di samping keperluan memenuhi syarat prestasi perkhidmatan yang baik semasa berkhidmat dan diperakui sihat oleh pengamal perubatan berdaftar. Pelantikan dan penganjutan kontrak ini dilihat sebagai peluang kepada pegawai-pegawai terutamanya bakal pengganti untuk menerima ilmu pengetahuan, mendapatkan bimbingan dan memastikan aliran ilmu dimanfaatkan sepenuhnya.

Pelantikan ini juga adalah bagi membolehkan peralihan pucuk pimpinan jawatan pengurusan tertinggi kerajaan dapat dilaksanakan dengan lancar supaya keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dapat diteruskan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa akan memastikan supaya peluang dan ruang peningkatan kerjaya pegawai-pegawai awam yang lain tidak terjejas.

Bagi pensyarah, berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan, kepakaran pegawai serta prestasi kerja yang cemerlang. Universiti dibenarkan melantik semula secara kontrak sehingga umur 65 tahun tertakluk kepada pegawai yang disahkan sihat. Oleh kerana pegawai kontrak yang dilantik itu tidak ramai iaitu seramai 36 orang sahaja. Saya ada nama-nama di sini. Berdasarkan kepada bidang masing-masing, maka ia tidak menjejaskan pegawai-pegawai ataupun mereka yang belum lagi memegang jawatan. Semuanya jawatan

tertinggi iaitu di peringkat JUSA C sampai ke atas. Jadi, tidak ada kesan kepada pengisian kekosongan jawatan yang ada sekarang.

Yang Berhormat beri satu angka berhubung dengan kekosongan jawatan. Saya ada angka yang lain. Nilainya lebih besar daripada angkat tersebut yang melibatkan pelbagai peringkat perjawatan dan pihak kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan supaya kekosongan yang agak besar iaitu lebih kurang 10% ini dapat diisikan dengan secepat mungkin.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan mempunyai inisiatif untuk melakukan usaha-usaha penyerapan masuk kakitangan awam yang berstatus kontrak dan saya juga mohon untuk mendapatkan juga maklumat adakah pegawai kerajaan yang sepatutnya pencen ini masih menerima pembayaran-pembayaran seperti elaun tetap, elaun khas, sumbangan berkanun dan faedah-faedah kewangan yang lain? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan pegawai kontrak, ini saya sudah jawab Yang Berhormat, dalam beberapa kali pertanyaan yang dibuat di Dewan ini. Sekurang-kurangnya pegawai kontrak yang bertugas di mana-mana jabatan, dia sudah ada ilmu yang di satu tahap yang membolehkannya untuk memudahkan dia untuk mendapatkan jawatan. Akan tetapi kita juga maklum bahawa terdapat juga pegawai kontrak yang tidak disambung kontrak dan tidak mendapat apa-apa jawatan. Pada keseluruhannya, pegawai kontrak dia lebih untung untuk kerana pengalaman yang ditimba semasa menjadi pegawai kontrak itu membantunya untuk memasuki perkhidmatan awam yang mesti melalui proses biasa, sama seperti pegawai-pegawai yang lain.

Berhubung dengan sama ada pegawai kontrak ini mendapat kemudahan sama seperti pegawai-pegawai lain, jawapannya ya, berdasarkan kepada gred yang mereka yang terima. Contohnya mereka yang menerima gred A ataupun gred khas A, gred utama B kemudian gred utama C dan seterusnya. Mereka ini mendapat elaun sama seperti mereka yang berkelayakan dalam gred yang berkenaan. Tidak ada perbezaan.

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat mereka yang dilantik ini terutamanya bahagian pengurusan dan juga bahagian perubatan, kita lihat mereka ini memang diperlukan. Oleh sebab itu kita telah melantik semula secara kontrak pegawai-pegawai berkhidmat dalam jabatan kerajaan. Akan tetapi sekali lagi saya beritahu bahawa jumlahnya hanya 36 orang. Kalau mereka pergi, kita rasa kita rugi sebab ilmu yang mereka ada mereka boleh ajarkan ataupun mereka perturunkan kepada pegawai yang bakal menggantikan nanti.

Kontrak ini pun tidak lama. Lama sekalipun hanya berakhir pada tahun 2016. Yang lain kebanyakannya berakhir pada tahun 2015. Terima kasih.

5. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (a) bilakah tarikh kerajaan akan menetapkan harga lantai getah; dan
- (b) apakah langkah-langkah segera Kementerian untuk membantu penoreh getah yang telah mengalami kemerosotan pendapatan kerana kejatuhan harga getah di bawah RM2 satu kilogram.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato Sri Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan buat masa ini sedang mempertimbangkan satu mekanisme dengan izin, *social safety net* yang sesuai bagi membantu pekebun kecil getah menangani kesan kejatuhan harga getah. Di bawah mekanisme ini kerajaan akan menetapkan satu paras harga yang sesuai dan munasabah kepada pekebun kecil. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini mendapat pendapatan yang berpatutan serta mengurangkan beban kewangan mereka akibat kejatuhan harga getah. Tarikh pelaksanaan mekanisme ini akan ditentukan selepas cadangan ini diluluskan oleh kerajaan.

Menjawab soalan (b), apakah langkah-langkah segera kementerian untuk membantu penoreh getah yang telah mengalami kemerosotan pendapatan kerana kejatuhan harga getah. Untuk makluman Yang Berhormat, pada bulan Mei yang lepas, Kerajaan Barisan

Nasional telah pun memperuntukkan sebanyak RM130 juta di bawah skim bantuan khas kejatuhan harga getah.

■1100

Di bawah program ini setiap pekebun kecil yang layak akan diberi bantuan RM500. Ini adalah langkah yang segera untuk membantu setiap pekebun kecil yang layak di seluruh negara menghadapi kesan kejatuhan harga getah pada masa ini.

Kedua, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi juga dalam proses mendapatkan persetujuan Kabinet mengenai cadangan meningkatkan keberkesanan rantaian pemasaran yang sedia ada. Cadangan ini bertujuan untuk mengurangkan lapisan pemasaran bagi memastikan harga di ladang, *farm gate price* yang diterima oleh pekebun kecil adalah berpatutan.

Ketiga, pada masa yang sama menerusi *International Tripartite Tribal Council*, Malaysia bersama Thailand dan Indonesia sedang giat membincangkan langkah-langkah yang lebih berkesan yang harus diambil bagi memperkukuhkan harga getah di pasaran. Saya berharap satu persetujuan akan dicapai dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa sudah lama Yang Berhormat Menteri mengumumkan dalam Dewan ini, tahun lalu perbincangan dengan Thailand dan Indonesia. Satu tahun berlalu tanpa ada sebarang keputusan. Jadi, saya hendak tahu apa perkembangan terakhir berkenaan itu?

Soalan yang kedua ialah RM130 juta itu hanya untuk pekebun-pekebun kecil. Ia tidak melibatkan penoreh getah. Yang kita persoalkan sekarang ialah penoreh getah yang sekarang harga hanya RM1.70 satu kilogram, tidak dapat beli satu kilogram gula. Ini yang saya persoalkan dan rakan-rakan saya yang lain persoalkan. Kenapa terlalu lambat kerajaan bertindak untuk membantu penoreh-penoreh getah. Pekebun getah dapat RM500. Itu pun *one-off*, sekali sahaja. Jadi, ini persoalan yang saya dan rakan-rakan bangkitkan.

Jadi, persoalannya sekarang ini saya hendak tahu penoreh getah, apakah habuan mereka, bantuan mereka? Kalau para nelayan boleh dapat RM200 sebulan, apakah penoreh getah yang miskin ini tidak ada program untuk mereka?

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih kawan saya dari Pendang. Yang pertama mengenai *Tripartite Tribal Council* ini, kita menghadapi masalah kerana kita semua tahu Kerajaan Thailand menghadapi banyak masalah. Sehingga sekarang pun tidak ada yang berkuasa di Thailand. Jadi, apabila tidak ada pihak yang dapat membuat keputusan, maka apa-apa persetujuan yang harus dipersetujui oleh ketiga-tiga negara ini untuk mengambil tindakan menangani masalah getah ini tidak dapat diambil. Jadi, kita berharap masalah di Thailand dapat selesai dengan secepat yang mungkin.

Akan tetapi dalam masa yang sama kita telah pun mengarahkan pegawai-pegawai untuk terus berbincang dan dengan kerajaan baru di Thailand. Kita berharap perkara itu dan selepas keputusan pilihan raya di Indonesia nanti kita berharap perkara-perkara ini akan dapat kita selesaikan.

Mengenai isu penoreh getah ini, perkara ini telah pun dibincangkan di Kabinet dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengarahkan bantuan juga diberi kepada penoreh getah. Inilah saya sampaikan di sini pada hari ini.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Bantuan yang sama?

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Sama sekarang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada kawan sempadan saya daripada Pendang yang membawa soalan yang cukup baik yang boleh kita kongsi bersama. Pendang ada padi, ada getah. Pokok Sena pun ada padi, ada getah.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tanya soalanlah. Apa... [Ketawa] Jadi, depa tidak nampak kata Tuan Yang di-Pertua yang berkuasa. Macam Yang Berhormat Tenggara tadi dia dok perasan dia. Dia macam Siti Tanjung Perak sahaja. Okey, terima kasih. Isu harga getah, saya kira sudah berkali-kali soalan ini dibangkitkan.

Saya dan Yang Berhormat Baling juga membangkitkan persoalan masalah penoreh getah dan pekebun kecil yang menghadapi masalah akibat kejatuhan harga getah.

Kerajaan menjanjikan, mengambil masa sampai sekarang pun tidak dapat diselesaikan. Sekarang kita hendak tunggu masalah negara jiran kita dan sebagainya menyelesaikan masalah-masalah mereka baru kita ada rundingan-rundingan yang ada kaitan tadi. Akan tetapi saya lebih melihat bahawa kalau kerajaan boleh melihat dari segi supaya antara yang menyebabkan harga getah yang sampai kepada penoreh, yang kemudian akan dibahagi dua pekebun dengan penoreh ini adalah akibat daripada beberapa potongan yang dibuat. Asalnya, maknanya, kalau harga itu masih ada RM4, RM5 lebih tetapi akhirnya sampai kepada di bawah ini hanya tinggal RM1.70 akibat daripada cukai ses 14 sen sekilogram. Kemudian, kos pemprosesan kilang dan juga rantaian *dealer* adalah antara RM1.40 hingga RM2.30 berlaku.

Kemudian, DRC kandungan getah kering 50%. Itu pun dibuat atas andaian. Bukan dibuat berasaskan kepada alat tolok pengukur DRC yang tidak diguna pakai walaupun alat tolok DRC itu telah pun dikeluarkan oleh kerajaan. Akan tetapi macam tidak dipaksa atau tidak disyaratkan penggunaan alat tolok tersebut. Jadi, ini yang menyebabkan penganiayaan yang akhirnya harga itu sampai tinggal RM1.70. Jadi, saya hendak minta apakah boleh kerajaan mengkaji balik tentang cukai ses, kos pemprosesan kilang ini. Bagi saya tidak adil. Maknanya, kalau kilang hendak proses getah pun dia ambil daripada harga yang sepatutnya dapat kepada pengeluar.

Pengeluar getah ini ialah pekebun dan juga penoreh. Itu pengeluar. Ia kilang pemproses. Jadi, dia hendak proses kilang dia itu daripada getah yang dihantar itu dia ambil daripada harga. Akhirnya, dia ambil di pertengahan jalan. Jadi, akhirnya sampai di bawah ini tinggal RM1.70. Jadi, saya minta kalau boleh kerajaan mengkaji balik dan kerajaan juga saya minta mengkaji balik tentang lembaga penasihat yang terdiri daripada pengilang-pengilang besar. Saya nampak pengilang-pengilang ini lebih mengutamakan mereka. Lee Rubber dan sebagainya. Ini pengilang-pengilang besar. Kuala Pilah Rubber. Jadi, mereka tidak fikir lagi soal penoreh dan juga pekebun-pekebun kecil. Jadi, kena kaji baliklah tentang peranan-peranan mereka. Terima kasih.

Dato' Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat dari Pokok Sena. Yang Berhormat dari Pokok Sena memang berjiran dengan Yang Berhormat Pendang tetapi Yang Berhormat Pendang lebih prihatin kerana membangkitkan isu ini pada pagi ini. Okey, soalan yang pertama mengenai harga dan rantaian harga, kerajaan sedar isu itu. Inilah perkara yang kita akan bentangkan kepada Kabinet pada hari Jumaat ini yang saya sebut tadi mengenai satu kertas kerja, satu cadangan untuk meningkatkan keberkesanan rangkaian pemasaran. Ini kerana saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi memang sekarang dari segi diskaun atau pun keuntungan yang ditentukan adalah ditentukan oleh pasaran. Jadi, kita mendapati ada beberapa kelemahan.

Oleh kerana kita mengiktiraf ada kelemahan ini, maka kita telah pun akan mencadangkan kepada kerajaan untuk membenarkan Lembaga Getah Malaysia untuk menentukan diskaun supaya dia dapat menentukan harga di ladang. Caranya adalah untuk memberi kuasa kepada membantu koperasi supaya koperasi dapat membeli getah ini dari ahli-ahli mereka dan dapat menjual getah ini terus kepada kilang. Jadi, kita dapat mengelak daripada pelbagai eksploitasi oleh *middle man* yang ada di sepanjang rantaian ini.

Kita berharap dengan cara ini kita dapat menambah tokok harga dan memberi harga yang lebih baik kepada pekebun-pekebun getah kita. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) tidak hadir]

7. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan status projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang yang telah memakan masa yang cukup lama dan bila tarikh jangkaan siap sepenuhnya projek berkenaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1100

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Persekutuan 17 atau FT17 di Pasir Gudang Johor ialah projek baru yang diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh atau RMKe-10. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa di mana fasa 1 melibatkan skop menaik taraf jalan sedia ada kepada laluan enam lorong dua hala sepanjang lapan kilometer iaitu dari persimpangan bertingkat Kangkar Tebrau ke persimpangan bertingkat Plentong dengan konsep reka bentuk piawaian JKR R5 dan menaik taraf lapan unit jambatan di sepanjang laluan berkenaan.

Projek fasa 1 dengan harga kontrak sebanyak RM148.4 juta ini telah dimulakan pada bulan Julai 2012 dan dijangka siap pada bulan September 2015. Pada masa kini, kemajuan kerja di tapak agak perlahan iaitu 25% fizikal berbanding 35% jadual iaitu terdapat kelewatan selama 54 hari. Ini disebabkan oleh faktor penjadualan semula program kerja berikut terdapat kelewatan melaksanakan kerja-kerja pengalihan utiliti di sepanjang laluan berkenaan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya atau JKR sentiasa memantau kemajuan kerja di tapak dan telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menggiatkan kerja-kerja pembinaan. Ini untuk memastikan projek berkenaan dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh kontrak. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, saya hendak ambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri yang telah turun ke kawasan atas pelawaan saya untuk melihat sendiri keadaan sebenar dan saya yakin Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan apa yang saya laporkan adalah benar selama ini.

Jadi, saya hendak bertanya sebagai tambahan, apakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji atau menambah baik keadaan lebuhraya Pasir Gudang di KM21 sehingga KM35 kerana kawasan ini telah disenaraikan sebagai lokasi kerap berlakunya kemalangan oleh pihak polis juga diadakan laluan untuk motosikal kerana kebanyakan kemalangan di kawasan ini melibatkan kenderaan bermotosikal. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Memang benar pada 5 Jun lepas Yang Berhormat Menteri telah membuat lawatan kerja ke kawasan Yang Berhormat dan beliau sebenarnya telah mengarahkan pihak kontraktor untuk mempercepatkan pembinaan jajaran tersebut dan pada masa yang sama telah juga mengarahkan pihak kontraktor untuk mengadakan komunikasi berterusan dengan pihak orang ramai melalui media masa dan juga media sosial.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat khusus mengenai KM21 hingga KM35, saya akan panjangkan perkara ini kepada pihak kementerian untuk diteliti dan seterusnya diambil tindakan kerana ini merupakan laluan luar daripada FT17, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama-sama Yang Berhormat Pasir Gudang mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana laluan itu kawasan saya juga terlibat. Sebenarnya yang paling teruk ialah di kawasan saya.

Jadi, masalahnya ialah dekat dengan jejambat Taman Daya dan jalan itu sudah dikorek selama tiga bulan. Pengguna jalan tidak nampak ada pekerja dan banyak *accident* sudah berlaku. Jadi alasan yang diberikan oleh kontraktor ialah dia kata ada kabel, ada paip dan sebagainya. Akan tetapi pada kami, kami percaya ini semua mereka sudah tahu. Pada saya, saya fikir mereka harus merancang dengan TNB, SAJ dan sebagainya sebelum mereka korek jalan.

Jadi, saya berharaplah bahawa selepas ini, sekarang dia janji bahawa dalam sebulan akan beres kerja, saya berharap akan beres. Ini kerana banyak kali saya dan Yang Berhormat Pasir Gudang kata setiap hari orang guna jalan itu, setiap hari *we throw away our votes*. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tebrau, kenapa

pada jawapan awal saya, saya juga telah menyebut punca kelewatan adalah disebabkan oleh pengambilan utiliti dan pengalihan utiliti.

Jadi, ini adalah sebahagian daripada kesan daripada proses ini dan apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Tebrau itu kita akan sampaikan kepada pihak kontraktor supaya mereka dapat mempercepatkan proses tersebut bagi membolehkan perjalanan trafik lebih baik daripada apa yang berlaku sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa banyak Komputer Riba 1Malaysia yang diedarkan ke sekolah-sekolah Daerah Manjung didapati sangat rendah kualitinya dan kerap rosak serta tidak boleh dibaiki. Mohon Menteri memaklumkan kepada Dewan nama syarikat pembekal pada hematnya telah dianggap menipu wang rakyat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lumut atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, Program Komputer Riba 1Malaysia atau pun Netbook 1Malaysia telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaras dengan kelancaran jalur lebar berkelajuan tinggi negara pada tahun 2010. Di bawah program ini, Komputer Riba 1Malaysia diagihkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kepada kumpulan sasar menggunakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat atau USP secara berperingkat-peringkat setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengenal pasti kumpulan sasar khususnya murid-murid sekolah yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh SKMM.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri penjelasan secara terperinci kerana maklumat dan penjelasan ini akan membantu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang juga mengalami masalah-masalah seumpama ini ataupun aduan-aduan seumpama ini daripada pengguna-pengguna Netbook 1Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Netbook 1Malaysia yang diagihkan meliputi tempoh jaminan selama setahun oleh pembekal yang dilantik. Penerima *netbook* perlu berurusan terus dengan pembekal yang dilantik bagi melaporkan kerosakan yang dialami. Dengan itu, maklumat berkenaan dengan bilangan aduan yang diterima serta bilangan kes yang sudah diselesaikan tidak dapat dipastikan jumlah sebenarnya.

Selain itu, SKMM telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan kualiti Netbook 1Malaysia yang diedarkan adalah terjamin, dengan izin *standard operating procedure* telah dibangunkan yang merangkumi perkara-perkara yang perlu dipatuhi sebelum dan selepas pengagihan. SOP juga merangkumi penyelenggaraan terhadap Netbook 1Malaysia jika sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada *netbook* penerima.

Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah;

- (i) semua *netbook* yang dibekalkan mempunyai label SIRIM;
- (ii) melaksanakan pemeriksaan kualiti dengan mengambil lima sampel *netbook* bagi setiap penghantaran yang diterima dan;
- (iii) memastikan *netbook* yang dibekalkan mematuhi syarat-syarat spesifikasi yang ditetapkan.

■1120

Pemeriksaan kualiti yang telah dijalankan melibatkan pematuhan spesifikasi, pengoperasian, perkakasan dan perisian. Netbook 1Malaysia yang dibekalkan diberi jaminan selama setahun untuk sebarang kerosakan. Jika terdapat kerosakan kepada *netbook*, penerima hanya perlu menghantar kepada pusat servis yang dilantik oleh pembekal dan dibaikan adalah secara percuma.

Mengapa kerosakan berlaku? Kerosakan *netbook* boleh dikategorikan kepada dua iaitu yang pertama, kerosakan peralatan dan yang kedua, kerosakan perisian. Punca-punca kerosakan ini boleh disebabkan oleh cara penggunaan dan kerosakan komponen.

Kerosakan perisian tidak mengambil tempoh yang lama untuk diselesaikan dan boleh dibaiki dalam hari yang sama *netbook* itu dihantar. Kerosakan perisian ini boleh disebabkan oleh serangan virus ataupun kesilapan penggunaan semasa menggunakan *netbook*. Kerosakan peralatan yang memerlukan penggantian komponen akan mengambil masa yang panjang bergantung pada jenis kerosakan yang berlaku. Kerosakan serius melibatkan penukaran skrin dan *motherboard* yang memerlukan *netbook* dihantar kepada pengilang, manakala kerosakan *hard disk* dan *memory* boleh ditukar secara terus oleh pembekal.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk menanganinya adalah memastikan pembekal mempunyai *spare part* yang mencukupi, membuat penukaran semasa pengagihan dan memberikan panduan kepada penerima berkenaan penggunaan *netbook* secara bijak seperti memastikan anti virus sentiasa dikemas kini dan tidak memadam fail berkenaan perisian operasi.

Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk memaklumkan kepada penerima tentang cara kerosakan? Taklimat mengenai hal-hal berkaitan seperti jaminan atau *warranty*, cara-cara untuk menghubungi pembekal dan lokasi pusat servis yang dilantik penjagaan Netbook 1Malaysia dibuat kepada penerima pada setiap majlis pengagihan.

Selain itu juga, pembekal diwajibkan untuk melekatkan nombor telefon *hotline* pada setiap *netbook* untuk memudahkan penerima menghubungi pembekal untuk melaporkan berkenaan sebarang kerosakan. Pembekal juga ada menyediakan senarai alamat dan nombor telefon pusat servis yang boleh dihubungi terus oleh penerima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:

Tuan Yang di-Pertua, ini sindrom *denial* ini tidak habis-habis lagi, masih lagi terlekat di Kementerian Pendidikan. Oleh sebab kita tahu tempoh jaminan sudah lepas pun, kita gunakan *netbook* jenama lain boleh bertahan sampai lima tahun, enam tahun tidak ada masalah, tetapi masalahnya jenama yang dibekalkan ini baru setahun atau selepas setahun telah menghadapi masalah. Kita lihat jenama itu macam datang dari negara China. Mungkin harganya murah tetapi kerajaan bayar kepada pembekal lebih mahal. Ini biasa berlaku dan kita hendak hentikan perkara ini kalau boleh.

Jadi kita mintalah kepada Kementerian Pendidikan, bagi tahulah siapa pembekal yang membekalkan *netbook* ini oleh sebab kita dapati kualitinya ataupun prestasinya memang '*teghuk*', orang Perak kata, '*teghuk, teghuk*'. Jadi kita minta maklumat itu dan kalau boleh bagi tahu kita berapa kos kontrak pembekalan itu dan harga satu *netbook* tersebut supaya kita sama-sama tahu dan sama ada harga itu munasabah ataupun sebaliknya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Sedikit..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak akan komen tentang *denial syndrome* itu. Itu pendapat Yang Berhormat. Akan tetapi saya akan beri jawapan. Sama ada terima atau tidak terima, perkara yang kedua. Ini jawapannya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kos yang ditetapkan untuk *netbook* tidak melebihi RM1,000 setiap satu. Kita ada senarai 154 syarikat yang membekal *netbook* itu. Saya boleh baca satu demi satu tetapi akan mengambil masa. Untuk menjimatkan masa, saya boleh beri maklumat ini kepada Yang Berhormat secara terperinci. Yang Berhormat boleh mengambil maklumat ini daripada saya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di antara jenama-jenama yang kita beri kepada pelajar-pelajar adalah jenama-jenama yang ternama. Contohnya seperti HP, Lenovo, Acer. Ini jenama-jenama yang masyhur, yang baik penggunaannya. Akan tetapi kita harus sedar bahawa Netbook 1Malaysia ini satu produk yang mungkin boleh mengalami kerosakan dengan cara penggunaannya. Akan tetapi hasrat kita ikhlas. Hasrat kita untuk mengurangkan jurang komunikasi di antara bandar dengan luar bandar. Hasratnya ikhlas dan pencapaian setakat ini memang agak memberangsangkan. Kita telah pun mengedarkan lebih 800,000 Netbook 1Malaysia kepada rakyat Malaysia dan pelajar-pelajar mengikut kriteria-kriteria.

Kementerian juga, kita di pihak SKMM juga memastikan bahawa kita akan mengambil tindakan-tindakan terhadap mereka yang tidak melaksanakan janji-janji yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tersebut sehingga sekiranya syarikat-syarikat yang membekal Netbook 1Malaysia ini tidak mematuhi syarat-syarat, ada penalti. Contoh, pembekal yang berjaya dilantik dan tidak membekal produk-produk seperti yang dimaklumkan kepada mereka boleh dikenakan penalti sehingga RM300,000. Kita ada, kita akan mengambil tindakan sekiranya didapati mereka menyalahgunakan syarat-syarat atau menyalahgunakan kelulusan yang diberi. Kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengajukan satu soalan tambahan. Memang kita tidak nafikan komputer riba 1Malaysia ini adalah satu projek penting di bawah inisiatif Jalur Lebar Negara. Saya juga ingin memuji langkah kerajaan untuk memastikan akan mengambil tindakan kepada pembekal yang gagal mengikut *spec* yang telah diberikan kepada mereka.

Jadi soalan tambahan saya adalah, berapakah pecahan pemberian komputer riba ini mengikut negeri? Saya juga sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada maklumat ini, bolehlah dicakapkan di dalam Dewan. Akan tetapi sekiranya tiada, mungkin boleh dijawab secara bertulis. Negeri manakah yang menerima paling banyak komputer riba ini dan berapakah jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diguna pakai oleh kerajaan sejak program ini dilaksanakan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Ini contoh yang baik. Ahli Parlimen yang menghargai jasa baik kerajaan yang membantu rakyat. Jauh berbeza daripada Ahli Parlimen yang membangkitkan soalan ini. [*Dewan riuh*] Kita bersyukur kepada kerajaan yang menepati janji dan memastikan keperluan rakyat didahulukan.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yalah, yalah, yalah... [*Dewan riuh*]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, saya ada maklumat lengkap tentang pemberian ini mengikut negeri-negeri. Saya boleh memberikan maklumat ini tentang perincian yang ada, 14 buah negeri.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, negeri yang paling banyak menerima menurut data yang ada pada saya ialah negeri Sabah dan juga Labuan, lebih kurang 200,000 Netbook 1Malaysia telah diagihkan. Berikutnya diikuti dengan Sarawak sebanyak 183,000 unit, Johor sebanyak 113,000 unit. Yang Berhormat Lumut yang tanya tadi soalnya negeri Perak, yang keempat tinggi, 103,000 unit. Ini ada perinciannya, boleh saya beri maklumat kepada Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil kepada ketua-ketua jabatan yang tidak melaksanakan tugas masing-masing terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan kewangan seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara setiap tahun dan jika ada, sebutkan berapa ramai mereka yang ditegur, diambil tindakan tatatertib atau dipecat sejak 2010 hingga 2013.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi setiap teguran yang dilaporkan dalam melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas, siasatan perlu dijalankan bagi memperoleh bukti dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan. Sekiranya wujud asas kukuh bahawa pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiian, maka tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan terhadap pegawai.

Berdasarkan maklumat siasatan yang diperoleh, setakat ini penglibatan salah laku, kecuaiian, penyalahgunaan kuasa tidak melibatkan secara khusus terhadap ketua jabatan. Sebaliknya, kecuaiian dan penyalahgunaan kuasa merupakan salah laku yang berlaku di

peringkat pelaksanaan sama ada dalam proses pembayaran, perolehan ataupun melibatkan kehilangan aset atau barangan di bawah jagaan atau tanggungjawab seseorang pegawai berkenaan.

Sebagai contoh, pembelian kenderaan jabatan bernilai RM150,000 yang dibuat melalui pembelian terus. Sepatutnya pemerolehan berkenaan perlu dibuat secara proses sebut harga. Oleh yang demikian, pegawai yang bertanggungjawab secara terus menguruskan pemerolehan berkenaan telah disyorkan dikenakan tatatertib kerana gagal mematuhi prosedur kewangan yang sedang berkuat kuasa.

■1130

Dalam tempoh lima tahun iaitu 2009 hingga 2013 seramai 20,434 orang seperti yang saya sebutkan semalam, penjawat awam persekutuan, negeri dan juga pihak berkuasa berkanun persekutuan dan pihak berkuasa tempatan telah dikenakan tindakan tatatertib sebagaimana yang telah dimaklumkan semalam iaitu bermula daripada buang kerja sampailah tindakan amaran iaitu buang kerja ada 4,743 orang dan amaran seramai 10,531 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbincangan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014 dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 12 Jun 2014.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua

11.32 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2014 ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2014 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Kerajaan telah mengenal pasti keperluan tambahan peruntukan yang mendesak berjumlah RM4,612 juta, RM4.612 bilion dan jumlah ini termasuk tambahan peruntukan bagi subsidi, emolumen dan beberapa keperluan mendesak lain. Walau bagaimanapun, jumlah tambahan ini tidak akan menjejaskan defisit fiskal 3.5% yang ditetapkan bagi tahun 2014 dengan mengambil kira hasil yang disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2014 yang dibentangkan ini sebanyak RM4,612 juta adalah seperti berikut iaitu sebanyak RM4,112.1 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan yang termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014 dan bakinya sebanyak RM500 juta bagi tambahan perbelanjaan tanggungan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan peruntukan ini adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan mendesak yang boleh dikategorikan di bawah beberapa komponen utama iaitu RM1,000 juta untuk subsidi petrol dan diesel. Sebanyak RM2,093 juta untuk keperluan emolumen bonus, sebanyak RM797 juta untuk keperluan pencen, elaun bersara, rawatan pesara awam dan angkatan tentera dan sebanyak RM722 juta untuk keperluan-keperluan lain antaranya penyelenggaraan, kos operasi serta utiliti.

Tambahan peruntukan sebanyak RM4,112.1 juta yang termasuk dalam rang undang-undang perbekalan tambahan ini adalah untuk maksud-maksud di bawah perbelanjaan bekalan seperti berikut. Sebanyak RM3,082.2 juta untuk Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang melibatkan sebahagian besar untuk pembayaran tuntutan subsidi bahan api tahun 2014 serta menampung kekurangan peruntukan emolumen yang telah didahulukan bagi pembayaran bonus tahunan kakitangan awam tahun 2013 yang dibayar pada Januari 2014.

Sebanyak RM634.1 juta untuk Maksud B.41 – Kementerian Pendidikan untuk menampung kos pembayaran konsesi bagi enam buah kampus UiTM. Keperluan tambahan bagi menampung kenaikan harga kontrak susulan daripada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum dan pertambahan kuantiti kontrak bagi perkhidmatan pembersihan kawasan dan kawalan keselamatan. Sebanyak RM208.9 juta untuk Maksud B.10 – Perbendaharaan yang melibatkan keperluan pembayaran bonus kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sebanyak RM88 juta untuk Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam adalah untuk menampung pembayaran rawatan pesara awam persekutuan dan Angkatan Tentera Malaysia.

Sebanyak RM72 juta untuk Maksud B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah untuk menampung perbelanjaan melaksanakan program jaminan bekalan dan pengedaran agro makanan bagi menangani kes kesian harga barang dan sebanyak RM26.7 juta untuk Maksud B.13 – Kementerian Luar Negeri bagi menampung keperluan pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan perbelanjaan pembukaan pejabat perwakilan baru.

Tambahan peruntukan sebanyak RM500 juta adalah di bawah perbelanjaan tanggungan untuk Maksud P.14 – Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran bagi membiayai keperluan tambahan pembayaran pencen. Jumlah ini dipertanggungjawabkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014. Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2014 adalah seperti dalam kenyataan anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 2014 dan memorandum Perbendaharaan dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22A Tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

11.37 pg.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014 dan seperti biasa teguran kita yang pertama ialah bahawa *creative accounting* ini kalau istilah Indonesia dikatakan mainan belanjawan kerana sementara ada beberapa alasan lain yang saya tidak nafikan kemunasabahnannya tetapi pencen, elaun bersara dan ganjaran itu seharusnya dimasukkan dalam belanjawan bulan 12, 11 kerana ini bukan suatu yang baru.

Jadi saya tidak faham mengapa pertambahan RM2.3 bilion ini tidak diambil kira oleh Kementerian Kewangan dalam menetapkan belanjawan negara kerana ini bukan suatu yang di luar jangka. Rasional penambahan perbelanjaan ini atau tambahan adalah kerana kita menyaksikan beberapa perkembangan terbaru.

Dalam kes ini, saya ulang pencen, dari segi pesara pilihan ini suatu yang bukan di luar jangka. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan kerana jumlahnya itu pertambahan 22% atau RM2.3 bilion dan tambahan pertama itu RM500 juta. Kemudian ada berkaitan dengan bonus kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya mengakui bahawa LHDN telah menjalankan tugas yang membanggakan kerana berhasil untuk mengumpul dana yang lebih besar untuk negara tetapi harus ada penjelasan mengapa bonus ini dikhususkan hanya kepada LHDN dan tidak pegawai-pegawai lain, itu juga memerlukan sedikit penjelasan.

■1140

Akan tetapi saya ada kaitan di sini ialah tugas kita memperoleh pendapatan negara tidak boleh melepaskan tanggungjawab kita daripada kebocoran dan ketirisan. Ini saya hendak sebut umpamanya apa yang kita ulang kali menyatakan tetapi hanya dikesampingkan oleh pegawai kerajaan terutama Kementerian Kewangan seolah-olah laporan *Global Financial Integrity*- ratusan juta ringgit bahkan bilion, puluhan bilion ringgit dikeluarkan dari negara tanpa rekod. Sampai sekarang jawapannya itu ialah bahawa jumlahnya mungkin kecil dan macam-macam alasan.

Saya hendak beri contoh- India menghadapi masalah yang sama. Kerajaan mantan Perdana Menteri Manmohan Singh menjalankan beberapa tindakan, tidak memuaskan kerana jumlah yang dibawa keluar itu berpuluh bilion. Mengapa satu kerajaan hendak lindungi beberapa korporat besar yang mencuri wang negara walaupun ada undang-undang baru yang diperkenalkan, dan kita akan bahaskan. Akan tetapi kaitan ini kerana kalau ini dikemas kini, ia akan menyebabkan, pertama defisit akan kurang. Keduanya beban cukai boleh dikurangkan. Jadi tidak payah kita terlalu sibuk memikirkan soal kenaikan harga barang kerana ratusan bilion ringgit dikeluarkan. Ini jangan dinafikan kerana ini bukan angka saya, angka *Global Financial Integrity*.

Baik, saya kembali kepada pengalaman di India. Bila keadaan ini menjadi runcing dan tewas kerajaan pimpinan Kongres di bawah pimpinan mantan Manmohan Singh, Perdana Menteri baru Narendra Modi ambil alih, dan antara tugas pertama Mesyuarat Jemaah Menteri, Tuan Yang di-Pertua ialah menubuhkan satu jawatankuasa khas dipengerusikan oleh salah seorang hakim, hakim yang sangat dihormati *Justice Ambi Shah, Special Investigation Team* menangani masalah ini.

Ratusan bilion ringgit, USD344 bilion dari tahun 2002 hingga 2011, USD85 bilion tahun 2011 sahaja. Kita angkanya tidak jauh daripada situ. Bagi negara yang kecil jumlahnya juga ratusan bilion. Kemudian saya sudah keluarkan ini dalam sidang yang lalu saya tidak ulang tetapi berbanding yang saya sebutkan, tidak ada satu kesungguhan untuk mengadakan satu jawatankuasa peringkat tertinggi untuk menangani masalah ini bagaimana wang yang dilarikan, yang dikeluarkan walaupun ada undang-undang.

Ini bukan masalah undang-undang, masalah penguatkuasaan, dan *political will*, tekad politik. Apakah kita akan melindungi penjenayah yang bawa lari wang dari dalam negara keluar? Kerana ini akan menyelesaikan banyak masalah kewangan. Jadi ini walaupun ada beberapa persoalan dasar saya berbeza pendapat mungkin dengan Narendra Modi tetapi kita harus akui ketegasan beliau peringkat awal ini, untuk menangani masalah yang disebut dengan izin, *biggest chance of black money that is expected to be deposited in bank accounts outside of India*. Ini laporan GFI yang digunakan oleh India ini adalah laporan yang sama yang melibatkan negara Malaysia tetapi tindakannya berbeza daripada kesungguhan tekad politik- menyerang, menyerbu orang-orang yang terlibat dalam kecurangan, menipu negara dengan cara kita melindungi mereka ataupun sekurang-kurangnya tidak ada tindakan yang tegas.

Ada hal juga yang menyentuh tentang defisit- walaupun saya akan meminta Kementerian Kewangan memberikan penjelasan bagaimana peningkatan jumlah begini besar, tidak akan mengurangkan defisit walaupun unjuran dibuat oleh Perdana Menteri itu berbeza, tetapi oleh kerana kenyataan itu telah dibuat oleh Timbalan Menteri saya rasa wajar diberikan ruang untuk beliau berikan penjelasan lebih terperinci bahawa tidak akan ada peningkatan atau membengkak defisit ke tahap yang dijanjikan sebelum ini kerana kalau kita lihat semata-mata dari segi pendapatan yang diperoleh dan juga peningkatan perbelanjaan, maka kita lihat 2009, kerana penambahan itu RM21.23 bilion- itu 10.3% pertambahan perbelanjaan, maka kenaikan dan ia memberikan kesan kepada defisit.

Begitu juga tahun 2013, Perbekalan Tambahan Pertama RM15.014 bilion- jumlahnya begitu, jadi kita jangka pertambahan ini akan memberi kesan kepada angka defisit yang tidak mungkin dicapai melainkan ada penjelasan tentang pendapatan ini bertambah.

Ada soal Kementerian Pendidikan ini konsesi untuk Kampus UiTM yang juga menjadi kontroversi, kita hendak tahu siapa kontraktor? Berapa keuntungan yang diperoleh yang memerlukan Kementerian Kewangan menerima tuntutan UiTM untuk memberi pertambahan RM634 juta. Jadi kos pembayaran konsesi Kampus UiTM sementara kita sokong kemudahan pendidikan anak-anak kita, UiTM tetapi kita hendak tanya mengapa tiap kali ada kontrak ada tuntutan tambahan yang terlalu besar. Jadi penjelasan tidak diberikan selain mengatakan- ada keperluan.

Kementerian Luar dari segi pembukaan beberapa pejabat baru di luar negara itu ada rasionalnya tetapi harus ambil kira Laporan Ketua Audit Negara telah memberi teguran bahawa Kementerian Luar tidak jalankan pengawalan kewangan yang cukup teliti dan cekap di beberapa kawasan. Jadi untuk kita hanya menambah peruntukan kewangan dan tidak mengambil hirau tentang hal ini, saya rasa perlu kita perhatikan. Jadi jumlah RM4.1 bilion yang diminta hari ini hanyalah 1.6% dari anggaran perbelanjaan untuk Tahun 2014. Apakah dengan jaminan Kementerian Kewangan- tidak membengkak defisit bermakna tidak ada lagi perbelanjaan bekalan tambahan yang akan dituntut yang saya fikir pasti berlaku kalau ikut pentadbiran sekarang ini.

Kementerian Pertanian Asas Tani, RM72.2 juta bagi menangani kesan kenaikan harga barang...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Ini khusus kepada Kementerian Luar Negeri, bekalan di bawah Kementerian Luar Negeri di mana perbelanjaan untuk melobi untuk jawatan di Bangsa-Bangsa Bersatu itu sebanyak RM20 juta dan antaranya untuk emolumen RM8.5 juta. Saya tahu itu ini adalah untuk keanggotaan dalam Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menggantikan Korea Selatan yang akan akhir tahun ini. Saya tahu juga *competition* yang ada adalah daripada Fiji untuk jawatan yang berkenaan. Jadi adakah munasabah untuk kita belanjakan RM20 juta dan khususnya RM8.5 juta untuk emolumen untuk melobi dan bertanding dengan sebuah negara seperti Fiji. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Saya, pertamanya saya menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan nama negara dengan menjadi Ahli Majlis Keselamatan tetapi saya juga setuju dengan Yang Berhormat Gopeng mengapa untuk jawatan itu dan bersaing dengan Fiji kita kena belanja RM20 juta. Walaupun kalau kita lihat teliti dengan perbelanjaan Kementerian Luar Negeri, ini saya percaya perbelanjaan itu mungkin lebih meningkat.

■1150

Akan tetapi RM20 juta bersaing dengan Fiji untuk mendapat jawatan itu satu soal integriti kerana saya tengok keborosan ini jadi amalan. Tidak fikir panda lagi. Jadi, kalau jawatan itu perlu kerana kita pernah menjadi Pengerusi Majlis Keselamatan Perhimpunan PBB. Jadi, ada munasabah dan baiknya kita dapat meningkatkan nama negara tetapi belanja rata-rata itu dianggap agak tinggi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Saya berbalik kepada soal Kementerian Pertanian dan Asas Tani kerana tujuannya adalah mengurangkan subsidi dan menangani kesan kenaikan harga barang. Pendirian yang kita lahirkan, tidak setuju dengan pengurangan subsidi kerana membebankan dalam keadaan harga barang meningkat. Kita hendak bincang masalah harga barang ini kita kena teliti masalah pendapatan golongan sederhana dan miskin di bandar dan di kampung dan majoritinya orang Melayu dan bumiputera. Kalau tidak ditangani dan kenyataan Menteri, keadaan terkawal. Harga barang tidak meningkat begitu naik. Itu kenyataan Menteri. Kalau ditanya orang di Jeli dan di Permatang Pauh, saya tidak fikir jawapan orang biasa mengatakan harga barang tidak naik dan tidak membebankan rakyat.

Mungkin untuk ketua-ketua tertentu okey tetapi untuk rakyat, perkara ini harus diteliti. Saya minta supaya Kementerian Kewangan mengambil ini sebagai satu perkara penting dan tidak mengangap bahawa kempen GST yang dibawa seolah-olah tidak membebankan. Tidak munasabah. Tidak ada negara di dunia, saya hendak ulang, yang melaksanakan GST yang tidak ada kesan inflasi yang segera, tidak ada negara di dunia. Jadi, untuk kita gunakan puluhan jutaan ringgit untuk kempen dan mengelirukan, minta sokongan mereka kepada sistem percukaian baru dan digunakan kenyataan saya bahawa memang betul. Saya menganggap GST suatu sistem yang lebih telus dan efisien. Akan tetapi soalnya, mengapa kita perkenalkan sistem percukaian sekarang padahal kebocoran mengikut Laporan Ketua Audit Negara, hilang wang ratus bilion ringgit mengikut GFI tidak ditangani dahulu. Ini satu.

Keduanya, kita boleh memperkenalkan GST dalam keadaan pendapatan rakyat itu meningkat tinggi. Negara-negara yang perkenalkan dengan berkesan. Janganlah gunakan Zimbabwe ke, Mali yang memperkenalkan tetapi rakyatnya itu hidup dalam keadaan derita. Jadi, sebab itu soal ini harus ditangani walaupun perbincangan kita ini perbekalan tambahan.

Akan tetapi harus tangani permasalahan kenaikan harga barang yang memberi kesan kepada rakyat. Jadi, saya hanya menekankan hal itu bahawa tidak mungkin ada rasional perbincangan dan soal Kementerian Kewangan dan perbekalan tambahan, perbelanjaan negara tanpa menekankan soal *governance* keseluruhannya. Iaitu mengambil kira Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Global Financial Integrity dan beban kepada rakyat.

Sekarang ini di kalangan masyarakat antarabangsa itu, terutama dalam bidang ekonomi Yang Berhormat Arau, perbincangan ialah tentang *inequality*. Ini besar. Bukan sahaja soal karya PKT yang dibahas oleh Krugman dan sebagainya. Akan tetapi kenyataan

bahawa semua data pembangunan negara yang begitu memukau pertumbuhan, faedah kepada rakyat. Walaupun tidak dapat dinafikan tetapi kenyataan asas ialah bahawa jurang pendapatan kesenjangan di antara golongan kaya dan miskin terus melebar.

Permasalahan kesenjangan pendapatan kaya miskin ini harus ditangani dan kerangka belanjawan termasuk perbekalan tambahan tidak harus menepikan aspek itu. Kalau GST itu diperkenalkan, sistem percukaian dengan menambah jurang pendapatan, maka ia pada asasnya dianggap gagal. Apatah lagi kita perkenalkan dalam keadaan tahap pendapatan rakyat itu belum dianggap keadaan yang lumayan yang membolehkan mereka itu menerima suatu pakej pendekatan percukaian yang lebih menyeluruh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa kita akan hadkan masa tidak melebihi 15 minit. Ketua Pembangkang pun 15 minit.

11.56 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sampai 15 minit. Saya juga ingin turut menyinggung Bekalan Tambahan Mengurus 2014. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, di mana agensi pelaksana telah membuat beberapa pemeriksaan berhubung dengan subsidi, diesel, petrol dan sebagainya. Sehingga pada hari ini dan dalam bajet ini saya nampak ada lagi tambahan RM1,000 juta untuk subsidi. Apakah kementerian, kerajaan tidak melihat perkara ini telah kita utarakan daripada awal-awal dahulu bahawa ada unsur-unsur penyelewengan.

Penyelewengan ini berlaku di semua sudut sama ada di peringkat negeri, peringkat daerah dan peringkat yang tinggi sekali. Akan tetapi ketika itu Yang Berhormat Menteri apabila kita katakan ada penyelewengan, dia dengan bangganya menyatakan bahawa tidak ada. Akan tetapi hari ini terbukti bahawa dakwaan yang saya lakukan dengan rakan-rakan jelas bahawa kita membazirkan wang subsidi kepada sasaran yang tidak tepat. Akhirnya, minyak subsidi kita ke Thailand, ke Indonesia, ke *Philipines*, ke merata dunia. Akan tetapi wang masih disediakan.

Jadi, saya minta kepada kementerian, tidak adakah mekanisme yang lain, pendekatan yang lain yang boleh kita letakkan, memastikan subsidi ini cuma sampai kepada mereka-mereka kumpulan sasar yang betul-betul memerlukan subsidi. Contohnya, kita di stesen minyak. Saya sudah katakan, apabila subsidi minyak petrol, diesel di stesen minyak, mereka yang kaya-raja pun, bawa kereta besar dapat subsidi. Yang baru sampai dari negara mana pun, membawa kereta dari Amerika, dari China, Korea, Britain, Singapura, bawa kereta Malaysia dapat subsidi.

Jadi, bila hendak rasionalisasi subsidi ini? Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah kata akan ada rasionalisasi. Bila? Saya hendak tanya, rakyat hendak tanya, rakyat suruh saya tanya, bila boleh diadakan? Sebab membazir wang rakyat. Bagus lagi wang subsidi ini kita tambah kepada pendapatan rakyat. Contohnya, pemberian BR1M, daripada RM1,000 mungkin kita boleh bagi sampai RM3,000 setahun sebab subsidi ini membazir. Jadi, saya harap kementerian mengambil perhatian jangan sampai perkara-perkara begini merugikan rakyat ini, rakyat akan bangkit menentang kerajaan yang ada ini, maka lenyaplah segala-galanya. Subsidi pun tidak ada. Saya bagi amaran awal-awal.

Kedua, Yang Berhormat Shah Alam tidak faham langsung. Makin janggutnya panjang, makin tidak faham. Saya ingat Ketua Pembangkang, ada masalah Yang Berhormat Shah Alam ini. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, melalui forum yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Idris Jala. Kebetulan jurucakap dia, salah satunya Tan Sri Francis Yeoh - YTL.

■1200

Dalam ketika itu Francis Yeoh ada melontarkan beberapa perkataan yang saya rasa perlu diteliti dan saya kalau perkara ini benar, saya mahu minta kerajaan menyediakan saya video ataupun rakaman hujah-hujah daripada Francis Yeoh sebab dia kata dia tidak lagi mahu berniaga di negara ini sebab negara Malaysia penuh dengan rasuah dan kronisme... [Dewan riu] Dia rela berniaga di Australia, di Amerika dan sebagainya. Akan tetapi, apabila saya lihat latar belakang Francis Yeoh ini, rupanya dia kaya raya dalam negara ini. Dia ada IPP, IPP dia berpuluh-puluh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, senyap Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu Yang Berhormat Shah Alam ini. Tadi saya sudah tegur, tak faham-faham juga. Mungkin saya mahu pakai bahasa Orang Sungai barangkali baru dia faham.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya kalau orang lain.. Ha, itu saya bagi, ini tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ha, Yang Berhormat Kuala Krai... *[Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Eh, Yang Berhormat Shah Alam pula. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya masih seronok menunggulah kerana ulasan tentang YTL, Francis Yeoh ini mungkin akan jadi panjang. Cuma di awal tadi Yang Berhormat Kinabatangan menyebut tentang subsidi, mahu dihentikan subsidi secara umum dan ditumpukan kepada kumpulan sasaran.

Antara kumpulan sasaran yang paling banyak menerima subsidi ini ialah pemegang-pemegang konsesi IPP termasuk Francis Yeoh. Jadi, kalau disebut tentang subsidi petrol, gula dan sebagainya tetapi nampaknya Yang Berhormat Kinabatangan tidak mahu menyebut subsidi ke IPP ini kerana mungkin ini kroni. Jadi, boleh baik semula kalau minta Yang Berhormat Kinabatangan baik semula kategori-kategori subsidi tadi ya. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, terima kasih. Saya, waktu saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, IPP di Sabah ini dipopularkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh ini sendiri. Saya pernah ikut dia di belakang. Jadi, ketika itu memang adalah subsidi tetapi lama-kelamaan kerajaan memikirkan bahawa subsidi untuk IPP ini rasa saya dalam tiga empat tahun yang lalu sudah dilupakan dan hari ini IPP kalau saya tidak silap, minta diperbetulkan. Hari ini IPP akan membeli minyak di pasaran.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, kalau dia masih berterusan, bermakna saya akan rujuk kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Minta komen sikit.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Soalnya bukan masalah IPP, masalahnya perjanjian. Ini dah saya keluarkan dalam sidang ini dan minta kementerian kaji semula daripada awal dan dengan alasan kenyataan Tan Sri Ani Arope sendiri. Tan Sri Ani Arope di antara sebab keluar daripada TNB dan dikeluarkan itu ialah kerana membantah terma. Terma itu saya dah sebut pertemuan akhir walaupun dinafikan, saya masih ingat di pejabat dengan wakil EPU, wakil Perbendaharaan, TNB hadir membantah semuanya tentang terma.

Akan tetapi ada harus kita tahu bahawa penswastan dan IPP itu keputusannya itu EPU, JPM bawah Perdana Menteri. Jangan kita nafikan, dak, betul. Tak payah kita politikkanlah. Ini kenyataan, saudara Yang Berhormat Arau. You nak pertahan Perdana Menteri masa itu, soal lain. Akan tetapi, soalnya yang dipertikai ialah soal terma. Jadi keuntungan kepada YTL dalam masa itu, Genting Sanyen, Malakof, dia ada empat. Yang Ananda Krishnan, empat, itu terlalu tinggi dan dibantah. Dalam mesyuarat dibantahi sehingga Ani Arope letak jawatan membantah dan ada suratnya terbuka, surat yang ditulis membantah.

Jadi saya kaitan ini dengan YTL. Sepanjang kempen kita dalam Pakatan Rakyat iaitu membantah dan kita menyebut YTL dan semua ahli-ahli BN ini mempertahankan. Sekarang baru nak tegur YTL ini. Kalau hari itu tegur, sama-sama dah kita *review* dah...

[*Dewan riuh*] Yang kita minta ini, dak, yang kita minta satu sahaja. *One last statement* sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan, ialah yang kita minta kerajaan ada berani sikit sahaja runding dengan YTL, Syed Mokhtar, Genting. Nak runding semula. Oh tak boleh, ini dah ada perjanjian tak boleh runding semula dah. Sekarang boleh? Orang ini makan kamu balik, karang dia serang balik. Ha, inilah jawapan dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya sebetulnya Yang Berhormat, mungkin tahu karakter saya. Saya tegur Syed Mokhtar lima tahun yang lalu, saya tegur Robert Kok tujuh tahun yang lalu [*Tepuk*] Hari ini saya tegur orang-orang yang sama seperti YTL ini dan saya tegur terma-terma kerajaan. Saya pernah menyatakan, boleh *check* tengok dalam *Hansard* iaitu saya kata ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Tony Fernandes pun Yang Berhormat tegurlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tony Fernandes penyangak itu pun saya tegur sebab, boleh *check* di *Hansard*. Boleh *check* di *Hansard* saya kata bahawa kerajaan telah ditipu oleh pegawai-pegawai kerajaan sebab terma-terma perjanjian bukan sahaja dengan IPP dengan tol, dengan konsesi jalan raya, kita diperbodohkan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan, Lenggong.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Pengerang bangun Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong, belakang. Bagi Lenggong dululah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pengerang dululah, *ladies first*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan, saya nak minta kepastian Yang Berhormat Kinabatangan. Daripada apa Yang Berhormat Permatang Pauh cakap, daripada apa Yang Berhormat Kinabatangan cakap itu adakah kita boleh buat persetujuan bahawa mereka-mereka ini yang begitu berjaya, *billionaire-billionaire* ini tanpanya sokongan daripada kerajaan, bantuan secara langsung, mereka tidak akan berada di mana mereka berada. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, isu IPP memang menjadi isu besar dibincangkan oleh rakyat di pelbagai peringkat. Saya lihat pada tahun 2011, Kabinet telah bentuk jawatankuasa untuk bincang isu IPP. Saya rujuk pada kenyataan Menteri Kewangan Kedua. Apakah perlu untuk kerajaan aktifkan balik jawatankuasa ini untuk bincangkan semula isu ini supaya rakyat faham dan tidak menimbulkan masalah lagi? Saya nak tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, saya nak jawab Yang Berhormat Pengerang dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru pun bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, nanti terlupa pula. Tuan Yang di-Pertua, memang benar Yang Berhormat Pengerang. Itu sebab saya lontarkan, sentuh, singgung perkara ini sebab saya melihat kalau dikaji daripada awal, Tony Fernandes siapa, Francis Yeoh siapa, Vincent Tan siapa, Syed Mokhtar siapa? Akan tetapi apabila kita bangunkan, kerajaan bangunkan bantu mereka supaya berjaya, mereka lupa diri. Kenapa Francis Yeoh berkata demikian baru-baru ini? Sebab dia gagal membida satu IPP 1,000 megawatt [*Tepuk*] Apabila dia gagal, dia kata kerajaan kroni. Kalau dia dapat, dia tidak kroni!

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh celah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya suka hatilah tengok Yang Berhormat Kinabatangan bercakap begitu lantang terhadap YTL tetapi tidak cukup dengan dalam Dewan sahaja begini. Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan dan semua rakan-rakan daripada Barisan Nasional campur tangan dan pastikan kontrak IPP yang terbaru yang diberikan tanpa tender terbuka kepada YTL baru-baru ini, Yang Berhormat Kinabatangan kena pergi jumpa Yang Berhormat Pekan dan pastikan perkara itu tidak diteruskan kerana sekarang yang bantah bukan sahaja kami di Pakatan Rakyat tetapi seluruh tenaga kerja TNB.

Kalau setakat bising di dalam Dewan tetapi YTL terus mendapat IPP tanpa tender terbuka, apa guna Yang Berhormat Kinabatangan bising dalam Dewan macam ini?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya jawab Yang Berhormat Pandan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan sedikit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Shah Alam *relax* dahulu. *Relax* dahulu. Nanti saya bagi. Kalau Yang Berhormat Shah Alam ubah cara-cara Yang Berhormat Shah Alam, saya bagi terus. Kalau tidak ubah, mungkin kempunanlah. Yang Berhormat Pandan, saya di sini bukan bising, Yang Berhormat Pandan. Saya menyuarakan perkara-perkara dan Yang Berhormat harus teliti pendirian saya, jelas.

■1210

Mana-mana agensi kerajaan, mana-mana pemimpin dalam Barisan Nasional, orang UMNO sekalipun kalau saya rasa dia menyeleweng, tidak mengutamakan rakyat, maka saya akan tegur secara terbuka di mana sekalipun. Saya tidak lari daripada pendirian saya. Mungkin orang lain, lain tetapi saya Yang Berhormat Pandan, saya bagi jaminan bahawa saya tidak akan bersekongkol dengan mana-mana pihak yang menganiaya rakyat dan negara [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya masih keliru dengan pendirian Yang Berhormat Kinabatangan. Bagi saya, apa yang dia luahkan ialah perasaan marah kepada Francis Yeoh kerana tidak berterima kasih. Itu sahaja. Dia tidak pertikaikan soal amalan kronisme. Dia hanya marah kerana Francis Yeoh mendedahkan amalan kronisme dan rasuah dan dalam bahasa Inggeris, *it's coming from the horses mouth*. Yang Berhormat Kinabatangan hanya marah oleh kerana ianya didedahkan dan mengesahkan benda ini berlaku. Dia tidak marah amalan ini berterusan. Adakah betul?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia Yang Berhormat Shah Alam, jadi putar alam [Ketawa] Saya memang kenal dia punya teknik, memang raja putar. Siapa kata saya marah?... [Dewan riuh] Saya selaku wakil rakyat bertanggungjawab menyedarkan kerajaan kalau tersilap, tersalah termasuk menyedarkan Francis Yeoh ini. Bak kata pepatah Melayu, "di mana dia berdiri, di situlah langit dijunjung". Bukan soal berterima kasih atau tidak berterima kasih. Kalau dia mendedahkan ada kronismekah, ada penyelewengankah, kenapa tidak dari awal-awal dia dedahkan? Kenapa sudah berjaya jadi *multi billionaire*, baru hendak tegur? Jadi Yang Berhormat Shah Alam, rasa saya cukup sampai di sini antara kita berdua.

Yang Berhormat Lenggong tadi ada menyarankan mewujudkan satu jawatankuasa... [Disampuk] Mewujudkan semula jawatankuasa, ya. Saya cukup yakin cadangan Yang Berhormat Lenggong itu harus diambil perhatian oleh Timbalan Menteri. Jangan nanti orang kata sudah terhantuk baru terngadah. Kita bagi kayu pemukul, orang pukul kepala kita. Jadi ini strategi Timbalan Menteri tidak betul. Jadi harus dilihat secara

menyeluruh. Kita tidak mahu perkara-perkara sebegini dan saya meminta persetujuan daripada Tuan Yang di-Pertua supaya rakaman ucapan-ucapan, hujah-hujah Francis Yeoh itu kalau boleh diberi kepada saya sebab dia menafikan, dia kata dia tidak berkata tetapi pihak media akhbar yang memutarbelitkan.

Satu lagi, saya ingin menegur ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini, Idris Jala ini. Saya rasa Perdana Menteri salah melantik dia. Saya lihat dia tidak ada membantu untuk perkembangan ekonomi negara kita. Dulu dalam MAS dia kata dia berjaya. Dia berjaya jual bangunan MAS, itu sebab dia berjaya. Kalau saya pun duduk di situ buat macam apa yang dia buat, memang berjaya. Yang berjaya merompak negara kita...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit sahaja. Saya setuju juga dengan Yang Berhormat Kinabatangan dan oleh kerana Yang Berhormat Pekan menguarakan-uarkan akan membuat satu rombakan besar-besaran, saya cadangkan Dewan ini kita sokong supaya Yang Berhormat Kinabatangan ambil alih tempat Menteri yang disebut tadi [*Tepuk*]

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Supaya dia boleh jual lagi macam Idris Jala buat... [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam, duduklah. Yang Berhormat Pandan, itu cadangan baik juga... [*Ketawa*] Cuma, saya rasa bagilah pada orang lain. Saya lagi selesa berada di sini sebab saya mahu juga *counter* juga apa Yang Berhormat Pandan cakap dalam Dewan.

Jadi oleh kerana itu, kita berada menjurus ke arah negara maju. Negara berubah, pemikiran rakyat berubah, tuntutan rakyat berubah, segala-galanya berubah. Apakah kementerian, agensi-agensi kerajaan juga turut mampu berubah, memenuhi inspirasi rakyat dan sebagainya? Tuntutan rakyat, harga barang kita rasa meningkat tidak meningkat tetapi ada peniaga mengambil kesempatan mempertingkatkan, menaikkan harga barang. Bil elektrik ada yang meningkat dan ada yang tidak.

Justeru itu, saya mahu kerajaan melihat secara fokus, secara total. Masalah rakyat harus ditangani. Saya membuat penyelidikan bahawa mana-mana negara dalam dunia ini, rakyat tidak akan menolak pemerintah itu kalau hati rakyat dijaga, kalau kebajikan rakyat dijaga tetapi rakyat akan menolak mana-mana kerajaan kalau pemerintah tidak melihat kepentingan rakyat. Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya ingat isu harga makanan ini, ini *enforcement*, penguatkuasaan itu yang menjadi masalah kerana peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang. Kalau ditanya pihak kementerian pun, kementerian akan cakap bahawa peniaga ambil kesempatan. Maknanya isu ialah bagaimana kita hendak membuat penguatkuasaan. Saya faham kementerian menghadapi masalah kerana kekangan dari segi pegawai. Setuju tidak Yang Berhormat Kinabatangan kalau kita cadangkan supaya kementerian bincang dengan ketua kampung, elaun banyak, RELA, kita bagi insentif kepada semua ini, JKK kampung semua ini, kalau buat laporan terbukti benar, bagi insentif? Saya ingat ramai penguat kuasa di bawah akan memudahkan pihak kementerian untuk membuat pemantauan dan kawalan. Setuju atau tidak kita beri kuasa kepada semua pihak yang ada kepentingan ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat Lenggong, cadangan baik tetapi saya tidak tahu kementerian tidak juga ikut-ikut, tidak dengar. Dia guna pandangannya sendiri. Jadi saya mahu minta Yang Berhormat Menteri Kewangan panjangkan hujah Yang Berhormat Lenggong ini kepada pihak kementerian yang bertanggungjawab sebab mereka, saya akan tuntutan mereka dalam Dewan ini sekiranya perkara ini berpanjangan sebab dia tidak bertanggungjawab menyelesaikan masalah rakyat. Jadi pandangan yang baik begini harus diambil kira, harus diambil kira langkah-langkah yang selanjutnya. Kalau tidak, rugi, kerajaan rugi disebabkan ada kementerian, pemimpinnya yang terlalu ego, tidak mendengar kritikan-kritikan yang baik dan membina. Dia rasa dia terlampau hebat, dia rasa dia terlampau pandai. Dia lupa Allah SWT lagi hebat daripada dia.

Jadi saya akan gulung Tuan Yang di-Pertua sebab masa pun memang singkat.

Seorang Ahli: Sudah lebih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum lebih. Saya tidak makan masa waktu orang. Saya bukan macam Yang Berhormat Shah Alam, makan hak orang. Dia memang begitu, sebab itu dia punya stail pakaian pun sudah berubah. Dulu dia *rugged*, sekarang dia sudah *smart*. Saya tidak tahu dia ikut siapa. Rambut pun sudah cantik, mungkin dia sudah menambah ilmunya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tambah ilmu tidak apa, jangan tambah lain [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu mana saya tahu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya saya minta kementerian fokus ke arah melihat subsidi minyak diesel ini. Keseluruhan subsidi – subsidi makanan, subsidi pertanian dan sebagainya harus distruktur semula sebab subsidi berbilion-bilion tetapi sasaran yang sampai, ketirisan di situ terlalu banyak. Pegawai-pegawai penguat kuasa yang sudah lama duduk bertapa di mana-mana, ganti dia, buang dia. Yang tidak amanah, tukar kepada orang yang amanah. Jangan kita harapkan pagar, pagar makan tuan sebab apabila berlaku kecelakaan, rakyat cakap Barisan Nasional, bukan dia kata penguat kuasa.

Saya hairan mutakhir ini. Apa-apa salah, Barisan Nasional, walaupun tidak kena-mengena dengan Barisan Nasional. Jadi ini mungkin diterapkan, unsur-unsur ini telah diterapkan oleh puak-puak tertentu. Kalau ada salah, dia kata, salahkan Barisan Nasional. RBA salah satunya. Yang Berhormat Pandan memang saya tahu dia *expert* benda ini. Akan tetapi tidak apa, dia seorang sahaja, jangan banyak-banyak. Kalau ramai-ramai macam Yang Berhormat Pandan, susah kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

■1220

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk turut berbahas belanjawan tambahan pada kali ini. Walaupun dengan masa yang singkat ini saya cuba untuk meringkaskan seberapa yang dapat. Apa yang saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan daripada Kementerian Kewangan ialah sejauh mana Kementerian Kewangan betul-betul dapat menyemak sama ada daripada laporan audit yang telah dibentangkan yang menunjukkan bagaimana kelemahan kementerian, agensi-agensi kerajaan di bawah setiap kementerian itu begitu lemah dalam pengurusan kewangan.

Saya tunjuk contoh macam mana pengurusan Hari Belia Negara dari tahun 2011 sampai tahun 2013. Saya dapati banyak kelemahan yang sangat ketara sehingga menyebabkan kita telah kehilangan wang yang tidak sepatutnya dan sepatutnya wang itulah yang boleh kita gunakan untuk bajet tambahan.

Ini kita ambil satu peruntukan yang lain untuk menampung keperluan kepada bajet tambahan sedangkan kita tidak melihat kepada perkara-perkara yang tidak dilihat sebagai satu keperluan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan kewangan program Hari Belia. Saya tunjuk contoh macam mana Hari Belia Negara 2012 bayar kepada persembahan artis antarabangsa *K-Pop* ialah RM2.040 juta yang dibayar melalui Stadium First iaitu satu syarikat yang mengendalikan program Hari Belia pada 2012.

Kemudian dalam masa yang sama didapati ada Majlis Belia Malaysia juga melalui peruntukan pembayaran dana pemberian mendapati Jabatan Belia Sukan Negara telah membuat bayaran artis antarabangsa yang sama pada tahun yang sama RM1.6 juta. Dua kali bayar bermakna RM3.640 juta. RM3.6 juta. Maknanya, ini satu benda yang saya pun agak hairan bagaimana keadaan ini boleh dibuat tanpa satu penyelidikan yang rapi. Ini yang menyebabkan berlaku ketirisan dan kebocoran dan kita terpaksa dapatkan bajet tambahan kerana tidak cukup dalam perkara-perkara yang menjadi keperluan kepada rakyat sedangkan ini dibuat setiap tahun. Tahun 2014 baru-baru ini pun dibuat. Perbelanjaan saya difahamkan lebih faham daripada Hari Belia 2013.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya agak hairan juga sehingga hari ini kita bersidang pada hari yang ketiga sepatutnya Jabatan Audit Negara menjanjikan bahawa setiap kali sidang ini setahun tiga kali kita bersidang maknanya audit akan mengemukakan satu laporan audit setiap kali sidang. Dahulu setahun sekali. Akan tetapi sampai hari ini tidak. Saya juga hendak minta kerjasama pihak Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua untuk supaya Jabatan Audit Negara mengemukakan *table* kan kepada kita semua laporan audit berkaitan dengan pengurusan Hari Belia Negara tahun 2011-2013 khusus untuk Hari Belia

daripada tahun 2011-2013. Jadi saya minta kalau boleh mereka *tablekan* kepada Dewan ini sebelum berakhirnya tempoh sidang ini. Ini sangat penting kerana saya melihat bahawa persoalan pengurusan kewangan kita ini begitu lemah dan cukup ketara.

Yang kedua saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat selaku Menteri Kewangan atas satu perkara yang baru-baru ini timbul yang saya anggap boleh mencetuskan satu krisis yang membabitkan institusi kewangan dalam negara kita apabila pendedahan yang dibuat oleh bekas Setiausaha Agung UMNO yang juga merupakan bekas Pengerusi Bank Rakyat Tan Sri Sabarudin Chik yang membuat pendedahan tentang apa yang berlaku dalam Bank Rakyat.

Bank Rakyat ini Tuan Yang di-Pertua ialah bank yang dimiliki oleh kepentingan bumiputera. 100% bumiputera, 90,000 lebih pemegang syernya ialah individu bumiputera, 2,200 ialah koperasi. Bermakna bahawa hampir 100,000 pemegang syer. Maknanya lebih 100,000. Kalau setiap satu koperasi itu di belakangnya ahli mereka itu beribu-ribu bermakna bahawa ratus ribu yang mempunyai kepentingan ke atas Bank Rakyat yang merupakan bumiputera, 100% bumiputera dan Bank Rakyat ini saya kira satu bank yang berjaya. Saya *salute* kepada pegawai-pegawai yang berjaya memberikan pulangan keuntungan yang terbaik. Tabung Haji pun kalah, EPF pun kalah. Dia boleh beri sampai 15% dividen kemudian bonus sampai 5% - 10% pernah bagi. Sehingga kita boleh dapat 20% - 25% keuntungan campur antara dividen dengan bonus.

Akan tetapi apa yang berlaku dalam Bank Rakyat ini bagi saya apa yang disebut oleh Tan Sri Sabarudin Chik yang merupakan bekas Setiausaha Agung UMNO dan juga bekas Pengerusi Bank Rakyat ada sesuatu yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan bagaimana seorang Menteri boleh mencampuri bidang kuasa lembaga pengarah. Oleh sebab bagi saya kalau bank begini pengurusan bank Menteri boleh *overoll*, Menteri boleh paksa, boleh ugut apa yang disebut oleh Tan Sri Sabarudin bahawa Menteri ugut lembaga pengarah "Kalau kamu tidak hendak lulus apa yang saya telah buat keputusan kepada peminjam Deepak ini kamu semua akan dipecat." SPRM kata tidak ada kes rasuah.

Yang Berhormat Permatang Pauh didakwa dalam kes yang pertama kerana apa? Bukan kerana beri duit ataupun ambil duit. Kerana hanya kononnya beri arahan kepada pihak polis dikatakan salah guna kuasa. Apakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini tidak salah guna kuasa? Yang Berhormat Kuala Pilah apabila memberikan amaran ugutan kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah Bank Rakyat kalau mereka tidak bersetuju dengan persetujuan yang telah dicapai apa yang disebut oleh Tan Sri Sabarudin Chik iaitu persetujuan di Pejabat Menteri antara Menteri dengan Deepak untuk penyelesaian baki hutang pinjaman yang dibuat oleh Deepak yang masih berbaki RM32 juta itu dibuat dibayar secara tidak memberikan keuntungan kepada Bank Rakyat. Maknanya tidak ada untung. Baki RM32 juta bayar RM32 juta sepuluh tahun tempoh 120 *cheque post dated cheque*. Saya tidak tahulah. Adakah kaedah bayar pakai *post dated cheque* hutang bank ini? Hutang ceti bolehlah. *Ah long* pun tidak boleh. *Post dated cheque*, 120 *cheque* sudah *sign*, sudah tandatangan di Pejabat Menteri.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Pokok Sena, mencelah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena kepada kemarahan siswa-siswa muda yang sehingga disenaraihitamkan dan tidak boleh menunaikan umrah kerana lambat bayar hutang PTPTN yang dikenakan kadar faedah sedangkan seorang seperti Deepak ini diberi pelepasan *interest* yang sebegitu banyak daripada kerajaan Perdana Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pandan bahawa memang sepatutnya bekas-bekas mahasiswa kita marah apabila mereka tidak dapat umrah dan mereka dikejar ke lubang cacing kerana hutang untuk mereka belajar. Ini seorang tauke karpet. Apa keistimewaan? Saya hendak katakan bahawa apa keistimewaan seorang individu yang bernama Deepak. Saya tidak tahulah kot dia ini Melayu Lenggong. Apa keistimewaan Deepak ini sampai kepada peringkat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia mamak macam Yang Berhormat Pokok Sena juga.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Dia berhutang saya tidak tahu sebab saya minta penjelasan kalau boleh pihak Menteri Kewangan dapat membuat semakan hutang ini bila dia buat sebab yang RM32 juta itu berbaki. Jumlah sebenarnya berapa hutangnya? Jumlah sebenar hutang dia berapa? Bolehkah selepas ini saya hendak tanya bolehkah peniaga-peniaga kecil yang berhutang dengan Bank Rakyat pergi kata kami hendak baki kami itu hendak bayar baki sahaja. Kami tidak bayar untung. Tidak ada faedah.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Boleh?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Boleh, boleh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sekejap sahaja iaitu tentang pinjaman. Deepak ini kita sudah bangkitkan awal di Parlimen. Dia dapat lesen TV khas selepas pilihan raya dengan pinjaman tidak salah saya awal RM400 juta dahulu. Siapa Deepak? Mengapa diberi keistimewaan dan ditakuti begitu rupa?

■1230

Apakah juga Deepak ini orang yang berkaitan dengan PI Bala? Kemudian sekarang ini RM32 juta tanpa faedah dan tidak ada seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional boleh bangkit dan tegur mana boleh seorang tauke besar pinjam tanpa faedah. Orang kampung Melayu, yang kita dok hidup Melayu ini, hendak pinjam RM10,000 tidak bayar, bankrap. Macam mana, Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya katakan bahawa Deepak ini Deepak yang sama yang ada kaitan dengan PI Bala yang pernah menerbitkan buku tulisannya yang bertajuk *The Black Rose* dan beliau pernah membuat surat ke Peguam Negara untuk meminta imuniti supaya beliau dapat mendedahkan hal-hal yang berkaitan dengan kekayaan, kemewahan keluarga Perdana Menteri dan sebagainya. Itulah dia Deepak. Deepak inilah yang datang ke pejabat Menteri, berunding dengan Menteri untuk melunaskan baki hutang RM32 juta itu tanpa bank mengambil keuntungan untuk bank.

Jadi kita hendak tahu juga apa akibat daripada itu. Keputusan yang dibuat oleh Menteri dari Kuala Pilah ini, berapa Bank Rakyat hilang keuntungan? Berapa Bank Rakyat hilang keuntungan? Ini sangat penting kerana bagi saya bahawa antara pemegang syer individu yang memiliki saham dalam Bank Rakyat ini, saya percaya bahawa- termasuk petani daripada Jerlun. Yang Berhormat Jerlun, kawan saya. Saya tahu memang ada ramai petani yang beli syer. Dulu *depa* buka mula-mula RM500 hingga RM1,000. Betul atau tidak? Orang Pokok Sena ada petani-petani. Arau pun ada.

Jadi berapa Bank Rakyat telah hilang keuntungan akibat daripada penstrukturan semula hutang yang dibuat oleh Deepak yang kemudian dia tidak akan bayar lagi faedah ataupun keuntungan kepada bank. Jadi saya kata bahawa ini satu yang sangat mendukacitakan kita bahawa apabila Deepak berikan keistimewaan...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Siapa Deepak ini? Bagaimana dia begitu *powerful* seperti mana semalam saya sebut Syed Mokhtar yang begitu *powerful* boleh kelentong Kementerian Pendidikan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena, apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena dengan kes Deepak yang pinjam wang daripada Bank Rakyat ini. Adakah boleh mengulangi sejarah hitam Bank Rakyat ketika penglibatan pertandingan tinju antara Joe Bugner dengan Muhammad Ali sehingga menyebabkan Bank Rakyat ini hampir runtuh dan sekarang baru bangun balik.

Kedua, sedarkah Yang Berhormat Pokok Sena bahawa kita sebagai orang biasa hendak pinjam daripada Bank Rakyat tidak boleh melainkan kalau mereka itu orang yang bekerja dengan kerajaan yang boleh potong melalui Biro Angkasa ataupun dengan syarikat-syarikat *public listed company* seperti mana TNB dan Telekom. Orang biasa tidak boleh pinjam atas alasan tidak ada potongan gaji melalui Biro Angkasa.

Soalannya, Deepak ini bekerja dengan syarikat mana? Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mungkin dia bekerja dengan Kementerian Kewangan ataupun Jabatan Perdana Menteri. Kemungkinanlah. Sebab itu dia boleh potong gaji. Memang itu antara kelebihan Bank Rakyat ini dia boleh dapatkan potongan melalui akaun setiap pekerja itu dan ini memberikan satu jaminan orang yang tidak akan bayar hutang itu, risiko tidak bayar hutang itu kecil. Risiko tidak bayar hutang itu kecil kerana memang mesti potong. Kena potong gaji.

Akan tetapi bila tiba-tiba Deepak, Deepak ini yang tidak ada apa-apa hubungan sebagai anggota perkhidmatan awam tiba-tiba boleh buat pinjaman yang begitu besar, kemudian boleh pula mengatur macam mana bentuk pembayaran balik. Bukan lagi ikut proses dan prosedur biasa yang ditentukan dalam syarat semasa dia memohon pinjaman. Semasa pinjaman itu diluluskan.

Jadi ini saya katakan bahawa sesuatu yang pelik. Sebab itu Kementerian Kewangan perlu perelaskan bahawa walaupun Bank Rakyat ini dari segi pentadbiran biasa itu di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tetapi dia ditadbir oleh dua akta. *Co-operative Act* dan juga *Islamic Financial Institutions Act* (IFSA) serta satu lagi *Development Financial Institution Act* (DAFIA). Ada dua. Maksudnya yang itu di bawah Bank Negara. Yang di bawah *Co-operative Act* ini ialah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Jadi saya minta Kementerian Kewangan perlu memberikan penjelasan. Ini kerana saya bimbang. Saya kata bahawa bank yang dimiliki oleh bumiputera ini saya takut nanti kita bakal sekali lagi kehilangan satu lagi bank yang dimiliki oleh bumiputera. Akibat daripada krisis ini menyebabkan orang hilang kepercayaan. Dulu kita ada Bank Bumiputera. Bank yang terhasil daripada kongres ekonomi bumiputera yang pertama. Ya, tetapi apa jadi, ya apa jadi? Akhirnya apa jadi dengan Bank Bumiputera akibat daripada krisis dan skandal yang berlaku dalam BMF, akhirnya Bank Bumiputera hilang. Bank Bumiputera hilang. Hidup Melayu!...

Seorang Ahli: Sudahlah!

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, hidup Melayu! Inilah dia UMNO. Seronok tengok Bank Bumiputera hilang, seronok tengok Bank Rakyat bakal hilang. Jadi saya hendak katakan bahawa, saya minta penjelasan bahawa apa status, apa keistimewaan Deepak ini sampai pada peringkat Bank Rakyat boleh bagi pinjaman? Saya agak kecewa apabila paksaan itu akhirnya terpaksa lembaga pengarah kena ikut. Saya difahamkan akhirnya lembaga pengarah setuju dengan keputusan yang dibuat oleh Menteri. Kalau pengurusan bank, Menteri boleh *override* semua keputusan, tidak ikut lagi perjanjian, tidak ikut lagi prosedur, habislah kita. Apa jaminan bank itu selamat? Akaun kita semua selamat.

Jadi saya hendak minta kepada pihak Kementerian Kewangan dapat memperjelaskan perkara ini. Seperti yang saya katakan tadi bahawa kerajaan kena beri penjelasan kenapa SPRM kata tidak ada unsur rasuah. Macam saya katakan tadi Yang Berhormat Permatang Pauh dulu kena penjara hanya kerana dianggap sebagai memberi arahan kepada pihak polis. Ini bagi ugutan. Bagi amaran keras, ugut. Kalau kamu tidak bersetuju, kalau kamu tolak apa yang saya telah buat keputusan, kamu semua akan dipecat.

Jadi kena perelaskan persoalan ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena, sikit. Tanya sikit. Saya ada juga terbaca, Yang Berhormat Arau ya bahawa antara perkara yang diguraukan dalam kes Bank Rakyat ini ialah pemberian pinjaman faedah ini sangat Islamik. Kalau Bank Islam pun ataupun kaunter-kaunter Islam yang lain mengenakan *Bai' Bithaman Ajil* kah atau *Qardh al-Hasan* kah tetapi nampaknya Bank Rakyat ini pinjam RM32, bayar RM32. Agak macam ini satu kaedah barukah ke arah trend ini yang sedang kerajaan ambil? Saya hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena boleh habiskan Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu satu yang memang...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Qardh al-Hasan Malik.*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Menjadi satu *joke* di dalam internet. Saya baru baca sehingga orang mempermainkan. Tidak tahulah ini bentuk *Islamic banking* bentuk baru. *Qardh al-Hasan Malik* yang dilakukan oleh Bank Rakyat. Saya ingin katakan bahawa seolah-olah Deepak ini dia lebih istimewa daripada negarawan. Allahyarham Tun Ghaffar Baba. Allahyarham Tun Ghaffar Baba. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Jasin pun. Saya diberitahu oleh anak Tun Ghaffar Baba bahawa Tun pernah berhutang dulu tetapi sampai sekarang penjamin itu terus dituntut untuk membayar hutang seolah-olah Deepak ini lebih istimewa daripada seorang negarawan ulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, habiskan ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lebih istimewa daripada orang yang sepatutnya dapat hak istimewa iaitu bumiputera. Jadi... [Disampuk] Ini bukan pusing. Ini UMNO *dok* pusing. Sebab itu saya harap bahawa SPRM kena masuk siasat kerana ugutan yang telah pun disebut. Bank Negara kena siasat macam mana keadaan ini boleh berlaku. Bagi saya, kerana hendak menyelamatkan pemegang syer macam Yang Berhormat Arau pun ada pemegang syer. Orang kampung Yang Berhormat Arau tidak apalah. Sikit-sikit apa, tetapi orang kampung? Dia pun ada RM500 hingga RM1,000 syernya. Itulah dia hendak dapat setahun 15% hingga 20%.

■1240

Jadi, saya minta ketegasan daripada pihak kerajaan untuk memastikan supaya perkara ini dapat diambil ketegasan sebab bagi saya bahawa pakai *post dated cheque* ini tiba-tiba untuk bulan akan datang ini, dia pergi dekat bank, dia kata tutup akaun. *Cheque* itu batal. Tidakkah haru? Ini apa punya, macam... Ini yang saya katakan jadi bercelaru, pentadbiran kerajaan ini bercelaru. Menteri itu, Menteri boleh buat macam itu. Jadi, malulah bagi saya bahawa macam mana lantik Menteri macam itu. Oleh sebab itu mereka kata lebih baik lantik Yang Berhormat Kinabatangan tadi kan, Yang Berhormat Pandan. Jadi, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

12.41 tgh.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang untuk sama-sama mengambil bahagian untuk berbahas tentang peruntukan bajet tambahan. Yang pertamanya, tambahan pertama peruntukan mengurus ini yang berjumlah sebanyak RM46 bilion adalah merupakan pertambahan sebanyak 2.1% daripada peruntukan asal perbelanjaan mengurus.

Perbelanjaan mengurus jumlahnya sebanyak RM217.7 bilion dan ianya sebenarnya adalah lebih rendah kalau kita bandingkan dengan tambahan pertama untuk mengurus pada tahun 2013 sebab itu sebanyak RM15.01 bilion ataupun 7.4%. Jadi, peruntukan tambahan pada kali ini, peruntukan pertama untuk tahun 2014 adalah satu pertambahan yang cukup kecil sekali yang berjumlah hanya sebanyak 2.1% sahaja daripada peruntukan asal iaitu perbelanjaan mengurus.

Keduanya, namun ianya sebenarnya adalah mempunyai impak ke atas defisit fiskal tahun 2014 yang diunjurkan sebanyak 3.5% dengan mengambil kira – saya sebenarnya hendak cerita tentang defisit ini tetapi bila saya sudah bangun malangnya Ketua Pembangkang sudah keluar. Ini kerana dia suka sebut perkataan defisit kita membengkak. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagai rakyat Malaysia seharusnya kita bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan.

Setelah kerajaan kita pada ketika ini di bawah peneraju Dato' Sri Najib sebagai Perdana Menteri, bukan sahaja pertumbuhan GDP kita meningkat dari tahun ke tahun, bahkan defisit fiskal kita dapat kita perturunkan dari tahun ke tahun. Cuba kita lihat pada tahun 2009, defisit fiskal kita sebanyak 6.7% di mana GDP kita adalah -1.5%. Pada tahun 2010, berkurangan setelah beliau mengambil alih sebanyak 5.4% dan GDP kita tumbuh pada 7.4%.

Tahun 2011, defisit kita mengurang lagi kepada 4.8%, 2012 kurang lagi 4.5% dan beliau sebenarnya mempunyai satu iltizam yang cukup tinggi sekali. Beliau mahu melihat supaya tahun 2020 nanti kita akan *balance budget*. Sebenarnya beliau mempunyai kepercayaan dan *insya-Allah* negara kita Malaysia akan menuju ke arah tersebut kerana

apabila kita lihat tahun 2012 defisit kita hanya sebanyak 4.5% sahaja, turun daripada 4.8% dan GDP kita tumbuh kepada 5.6%. Pada tahun lalu, dalam keadaan yang cukup payah sekali kerana ekonomi dunia yang pada ketika ini menghadapi kemelesetan. Tahun 2013, kita dapat kurangkan lagi defisit fiskal kita walaupun kita unjurkan kepada 4% tetapi negara berjaya mencapai sebanyak 3.9% dan KDNK kita tumbuh kepada sebanyak 4.7%.

Insya-Allah pada tahun ini, negara mengunjurkan defisit kita akan turun lagi kepada 3.5% dan matlamat kita pada tahun 2015 kita mahu melihat supaya defisit kita turun kepada 3%. Janganlah kita pergunakan perkataan membengkak. Apa guna kita bercakap macam itu? Benda tidak betul kerana kita mesti lihat daripada bukti. Jadi saya hendak sebut di sini...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Biar saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak bagi.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya hendak sebutkan di sini, unjuran kita sebanyak 3.5%, kita ambil kira yang pertamanya pertambahan kedua tahun 2014 yang akan dibentangkan nanti, janganlah hendaknya melebihi pertambahan kedua tahun 2013 kerana sebagai rakyat kita sentiasa melihat dan mengukur apakah sebenarnya pencapaian kerajaan supaya bukan sahaja kita dapat menaruh keyakinan bahkan kita memberikan sokongan padu kepada kerajaan supaya meneruskan usia yang baik ini.

Keduanya, kedudukan hasil sebenar kerajaan. Kalau kita ada perbelanjaan melebihi kerana perbelanjaan yang tidak kita unjurkan pada tahun sebelumnya, kita boleh memberi kelulusan. Tidak ada masalah. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita hendak lihat apakah sebenarnya unjuran pendapatan sebenar kerajaan pada tahun tersebut.

Ketiganya adalah prestasi ekonomi negara pada tahun 2014. Sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada kenyataan kerana disebut oleh Ketua Pembangkang tadi tentang isu defisit yang membengkak. Kita ambil maklum usaha kerajaan yang kebanyakannya bertumpu kepada memperkenalkan rejim cukai baru termasuklah cukai regresif. Maksudnya mendapatkan dana, duit daripada rakyat untuk menampung defisit yang ada.

Saya juga rujuk kepada pendapat daripada *Sarah Fowler the Oxford Economics* yang dilaporkan oleh *Bloomberg* baru-baru ini. Isu defisit ada juga kaitan dengan hutang kerajaan kepada KDNK yang sekarang sudah mencecah lebih 50% berterusan sejak 2010. Tidak termasuk lagi dengan hutang yang dijamin iaitu *contingent liability* yang tentunya meletakkan hutang kita kepada KDNK pada tahap 70%. Ini amat tinggi Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju.

Keduanya, yang paling mengejutkan saya kerana selama ini memang kritikan datang daripada pembangkang tetapi laporan *Bloomberg* juga menyatakan *short term debt*, hutang jangka masa pendek kepada KDNK telah mencecah 15.2% sekitar tahun lepas. Naik daripada 10% sahaja pada tahun 2007 dan ini 15.2% daripada KDNK mengalahkan peratusan yang wujud bagi India dan juga Indonesia. Jadi, pada saya ini fakta yang berdasarkan maklumat dan tidak benarlah ataupun tidak tepat bagi Yang Berhormat untuk mengkritik, yang mengatakan bahawa segala yang kita bawa ini berdasarkan pandangan-pandangan dan juga data yang sedia ada. Mohon maklum balas Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat, defisit itu adalah hutang. Kalau kita kata defisit fiskal adalah hutang negara. Hutang negara ada beberapa jenis. Hutang negara sama ada ia mendedahkan hutang negara kepada domestik ataupun luar negara. Ia terbahagi kepada tiga komponen. Saya tidak payah sebutkan perkara itu, nanti Yang Berhormat Menteri akan sebutlah. Akan tetapi apa yang saya hendak sebutkan sekarang bahawa...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tidak Yang Berhormat. Terima kasih, saya hendak tahu adakah ia berdasarkan fakta? Itu sahaja. Saya faham defisit ini memang pelbagai jenis. Hanya saya hendak maklum bahawa kalau Yang Berhormat kata bahawa kenyataan daripada Ketua Pembangkang itu berdasarkan angan-angan atau andaian sahaja tidak tepat. *We are being...* dengan izin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, saya fikir saya sudah sebut dengan cukup jelas sekali bahawa apabila kita sebut tentang membengkak defisit tadi, saya sudah sebut satu persatu daripada tahun ke tahun, defisit itu adalah hutang. Akan tetapi hutang kita kalau kita bandingkan hutang negara kita dengan negara-negara lain, kita di antara negara yang paling terbaik sekali. Hutang kita sekarang, *the latest* hanya 54.6% sahaja. Biar Menteri nanti beri *confirmation*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bila kata membengkak maknanya ia relatif kepada sebelum ini.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ini Menteri kah apa ini? Ini Menteri kah apa?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hakikatnya ianya semakin meningkat, ianya bertambah. [*Dewan riuh*]

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, siapa ini? Saya tidak bagi ruang. Ini Menteri kah?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jawablah soalan yang ditanya. Janganlah main pusing-pusing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ianya membengkak, maknanya ia bertambah.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ikut peraturan lah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dahulu berapa peratus, sekarang berapa peratus?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ini kah *style* seorang Yang Berhormat, cakap macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Duduk lah ya...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Apa ini? Minta kebenaranlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Sudah, duduk Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, saya hendak sebut kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya kita berbangga kerana tahap hutang kita, pendedahan kita adalah di antara yang terbaik sekali. Kalau bandingkan negara kita dengan tidak usah jauh, dengan Singapura sekarang pendedahan mereka sebanyak 1.1 trilion iaitu sebanyak 110%. Bahkan Jepun sekarang 210%. Kita hanya 54.8%, oleh sebab itu kalau kita hendak mengata pencapaian negara kita, kata perkara yang hak. Jangan ambil perkara kita tangkap muat kerana kita mesti bercakap tentang fakta Yang Berhormat.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bukan hendak mengangkat tetapi ini perkara yang sebenar. Baru-baru ini saya telah diberi peluang untuk mengikuti satu rombongan yang diketuai oleh Timbalan Yang di-Pertua untuk menghadiri satu mesyuarat Commonwealth Parliamentary iaitu di Tanzania.

Kalaulah kita diberikan peluang barulah kita sedar betapa bertuahnya rakyat Malaysia, betapa indahnya negara kita. Bukan saya hendak mengata negara tersebut tetapi negara kita lebih terbaik. Apa yang saya hendak sebut di sini, semasa ketiadaan Tuan Yang di-Pertua pada ketika tersebut, Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat Kuala Krau ada hadir bersama-sama. Saya tidak ada masa tersebut dengan Yang Berhormat Paya Besar kerana kita menghadiri satu mesyuarat yang lain.

Seorang daripada peserta yang menjadi pengerusi bengkel menyatakan, mereka cukup terharu sekali dan cukup berbangga dengan dasar yang diperkenalkan oleh Malaysia iaitu dasar *Economic Transformation Program* dan juga *Government Transformation Program*. Ini negara luar Yang Berhormat, menghargai dan memuji-muji Malaysia.

Selepas itu, sesi esoknya, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, beliaulah sebenarnya pada ketika ini ialah Naib Presiden CPA memberikan penerangan yang cukup jelas tentang apakah sebenarnya konsep *Economic Transformation Program* dan *Government Transformation Program*. Penerangan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua telah mendapat sanjungan dan sambutan yang cukup hebat daripada semua peserta negara-negara Komanwel Yang Berhormat. Maknanya kita mesti berbangga. Ini pencapaian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun tahap defisit kita, seharusnya kita mesti lihat bahawa tahap kita pada ketika ini yang terakhir 3.9%. Saya hendak sebut di sini UK- defisit mereka ialah sebanyak 12.8%, sementara Greek 12%, dan Ireland 11%. Kita berharap semoga penambahan kedua nanti tidaklah pula lebih besar daripada penambahan kedua tahun 2013. Saya hendak sebut di sini kerana ada beberapa makluman penambahan pertamanya sebanyak RM3.08 bilion diberikan syer terbesar kepada Kementerian Kewangan iaitu sebanyak RM2.082 bilion adalah untuk menampung kekurangan peruntukan emolument.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semasa pembentangan Bajet 2014 pada akhir tahun 2013, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan untuk memberikan setengah bulan bonus kepada semua penjawat awam termasuk angkatan tentera dan juga anggota polis yang berjumlah sebanyak RM2.8 bilion. Inilah duitnya kerana duit ini kita meluluskan semasa pembentangan Bajet 2014 pada penghujung 2013. Jadi bayarannya hanya dibuat pada 2 Januari 2014. Maka ia adalah memang bayaran yang dibuat menggunakan peruntukan tahun 2014 selaras dengan peruntukan kewangan yang masih berkuat kuasa. Jadi wang ini adalah wang yang tidak dibajet, *unbudgeted for*.

Keduanya, RM1 bilion untuk menampung keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi bahan api tahun 2014. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pembayaran ini patut kita buat kerana pada masa kita buat bajet, harga *brent* minyak mentah dunia pada ketika tersebut adalah sebanyak USD104 satu barrel.

Akan tetapi sekarang harga minyak *brent* berjumlah sebanyak USD115 per *barrel*. Jadi total kita punya subsidi sebanyak RM70 bilion bermakna kita ada *shortfall* sebanyak RM1 bilion. Inilah duit yang diminta. Jadi janganlah hendaknya kita putar belit perkara ini. Akan tetapi soalan saya sekarang semasa kita menaikkan harga RON95 pada tahun lepas dan juga diesel iaitu kita telah mengunjurkan bahawa pendapatan hasil daripada kenaikan tersebut, bukan kita naikkan harga tetapi kita kurangkan subsidi kita. Akan tetapi kita dapat tambahan sebanyak RM1.1 bilion.

Makna waktu daripada September hingga Disember tahun 2013. Kita mengunjurkan kita akan dapat sebanyak RM3.3 bilion untuk tahun daripada sepanjang Januari 2014 hingga Disember 2014. Kalau kita dapat duit RM1.1 bilion tambahan ini, mengapa pula kita kena minta duit tambahan lagi RM1 bilion? Adakah tambahan subsidi ini lebih daripada RM1 bilion?

Keduanya, apa yang saya hendak sebut di sini, hari-hari kita didedahkan dengan cerita penangkapan diesel. Diesel yang dicuri, diesel yang disalah guna, dijual ke negara-negara luar. Jadi satu ketika dahulu perkara ini tidak berlaku, dan kurang berlaku kalau ada pun. Tiba-tiba perkara ini berlaku dengan berleluasa. Barulah kita dapat tahu bahawa perkara ini dibuat secara besar-besaran.

Satu masa dahulu Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan *nano tech* yang dapat mengesan sama ada diesel ini adalah diesel subsidi atau pun sebaliknya. Akan tetapi kerajaan telah memberhentikan *nano tech* ini sejak tahun 2011 kerana memang mahal harganya RM100 juta. Akan tetapi *what is RM100 million if you can save more than that?* Kita boleh selamatkan duit negara, dan kita boleh- tidak ada apa-apa penyelewengan dan ketirisan berlaku. Jadi kita berharap semoga kerajaan lebih serius tentang perkara ini.

Keduanya tentang ketirisan minyak ini. Ada cadangan daripada *stakeholders*, daripada pengguna-pengguna yang mencadangkan supaya kerajaan mengenakan harga

diesel yang banyak digunakan dalam pasaran ini dalam harga pasaran dunia. Memang akan berat kepada rakyat tetapi kalau kita mahu memberi subsidi, kita hanya mengambil pendekatan daripada *rationalization subsidy*. Maknanya kita berikan subsidi kepada mereka yang benar-benar memerlukan kepada orang-orang yang berhak. Janganlah hendaknya kita beri *blanket subsidy*. Ini yang banyak disalahgunakan. Kita berharap kerana pada ketika ini bahan api jumlahnya sebanyak RM17 bilion.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kalau Yang Berhormat minta baik-baik macam ini kan cantik. Sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Hakikat bahawa kerajaan terpaksa memikirkan pendekatan baru berhubung dengan subsidi itu menunjukkan bahawa kerajaan sekarang ini mengakui bahawa apa yang pernah dinikmati oleh rakyat selama ini terpaksa ditarik balik. Ini adalah kerana sememangnya defisit negara atau hutang negara telah membengkak daripada peratusan yang jauh berkurangan, sekarang ini sudah hampir mencecah peratusan maksimum yang telah ditetapkan iaitu 55% daripada GDP.

Ia merupakan satu kenyataan dan jangan kita hendak pusing dan putar-belit hakikat ini dengan mengatakan defisit sekarang ini berkurangan. Defisit berkurangan tahun demi tahun kerana apa yang pernah dinikmati oleh rakyat semakin ditarik balik termasuklah soal subsidi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Harga minyak, harga subsidi untuk gula, dan cara yang kedua, selain daripada mengurangkan subsidi ialah dengan menambahkan pendapatan melalui cukai. Ini merupakan pengakuan sama ada GST atau *bankruptcy*. Ini kata-kata Yang Berhormat Pekan. Jangan hendak nafi, *don't be denied*.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Cukuplah itu Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Okey cukuplah itu. Ini kaki putar agaknya. Sebenarnya Yang Berhormat, apabila orang bagi kita peluang, kita kena hormati bukan sahaja kita kalau orang baik, kita balas dengan baik. Akan tetapi janganlah hendaknya kita sudah bagi peluang ambil segala-galanya. Saya tidak dapat terangkan.

Oleh sebab itu saya kata tadi, dalam sebuah kerajaan *we are not running a business house. We are running a government*. Jadi kita bukan sahaja memberikan kesejahteraan dan nikmat kepada rakyat, dan kita mahu membangunkan negara. Dalam pembangunan negara ini kita perlukan pendapatan. Pendapatan negara adalah daripada cukai tetapi kita tidak mahu sebuah negara yang menghadapi hutang. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya menghormati masa. Tuan Yang di-Pertua pun sudah bagi *signal* kepada saya beberapa kali.

Saya sebenarnya yang terakhir sekali saya mohon ada sedikit masa sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong usaha kerajaan bagi mendapatkan peruntukan tambahan ini. Sokongan saya pada asasnya adalah tambahan 4.6 bilion ini adalah cukup munasabah terutamanya untuk membantu golongan sasaran iaitu para petani, para pesara dan pegawai kerajaan yang perlu mendapatkan gaji mereka.

Keduanya, tambahan ini sudah tentunya dapat ditampung oleh lebihan semasa iaitu sebanyak RM6.4 bilion pada bajet asal. Kita jangan lupa kita ada tambahan, kita ada lebihan Yang Berhormat dalam *current account* kita. *Current account* kita ada lebihan. Maka kerajaan tidaklah perlu berhutang untuk menampung peruntukan tambahan yang diperlukan itu.

Jadi janganlah Ahli Yang Berhormat buat apa-apa tuduhan yang tidak berasas. Adalah jelas bahawa pengurusan kewangan Kerajaan Barisan Nasional adalah cukup berhemah dan mapan, atau *sustainable* bagi memastikan supaya fleksibiliti fiskal dan pertumbuhan ekonomi kita kukuh dan juga mapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan rang undang-undang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Sambung petang Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sambung petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Beruas.

2.32 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan dua perkara iaitu satu, tentang masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kita pada masa kini kerana peraturan baru yang telah baru-baru ini dilaksanakan bermula 1 Jun 2014 dan juga perpaduan rakyat untuk memastikan negara kita akan terus maju ke depan.

Berkenaan dengan masalah nelayan-nelayan, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan telah membuat peraturan bahawa pukut tunda kategori B hanya boleh menangkap ikan atau udang di kawasan di luar 8 batu nautika dan kedua, mereka diperlukan memasang dengan izin MCU ataupun *mobile cutting unit*. Sebelum kerajaan menetapkan apa-apa peraturan baru, kerajaan sepatutnya mesti mengkaji kesan dan membuat persiapan menyelesaikan masalah yang akan timbul apabila peraturan-peraturan baru ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan hanya boleh menangkap ikan di luar 8 *nautical miles* ini yang sebelum ini ditetapkan di luar kawasan 5 *nautical miles* telah timbul banyak masalah kepada nelayan-nelayan kita yang mempunyai bot kategori B. Bot kategori B ini ditakrifkan sebagai bot yang sampai 40 metrik tan.

Tuan Yang di-Pertua, bot kategori B sampai 20 metrik tan tidak berkemampuan menangkap ikan di perairan di luar 8 *nautical miles* kerana ia terlalu kecil dan tidak mempunyai kapasiti untuk ke laut yang begitu jauh dan juga membahayakan nyawa nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum dilaksanakan peraturan baru ini, pun rakyat Malaysia kurang berminat lagi untuk menjadi nelayan. Di kawasan Pantai Remis di Parlimen saya, sejak 30 tahun ini, kami nampak penurunan sebanyak lebih kurang 80% daripada nelayan-nelayan yang ada di Pantai Remis.

Pada 30 tahun yang lepas, terdapat lebih daripada 1,000 buah bot tunda kategori B ini dan sekarang tertinggal hanya lebih kurang 200 buah bot tunda kategori B. Tanpa peraturan baru ini, nelayan-nelayan mendapati susah untuk menjadi nelayan dan kalau dengan adanya peraturan baru ini, nelayan tidak akan mendapat pendapatan yang boleh menyara hidup mereka, mereka mungkin akan semua berhenti menjadi nelayan. Adakah ini kesan yang hendak kerajaan terima kalau terhapusnya kerjaya nelayan di kalangan nelayan-nelayan ini?

Ini akan menjejaskan dengan izin *food security* ataupun sekuriti makanan bagi kita. Kalau orang-orang ini tidak hendak menjadi nelayan lagi, kemudian kerajaan memberi insentif untuk mereka menjadi nelayan sekali lagi memang merupakan suatu perkara yang amat sukar. Sebelum terjadi keadaan ini, saya berharap kerajaan akan memberi suatu pertimbangan baru untuk memastikan nelayan kita kategori bot-bot 8...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Beruas, boleh bagi jalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, Yang Berhormat Putatan bangun ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya habis satu *sentence*. Saya berharap kerajaan akan menukar balik kepada keperluan hanya boleh menangkap ikan di luar lima *nautical miles*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat yang baik dari Beruas.

Seorang Ahli: Ya, tahu pun.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana tidak tengok sama saya. Soal nelayan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan, selepas ini saya memang hendak jemput Yang Berhormat Putatan untuk berbahas.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Now*, saya bahas, saya sudah sedia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tengok.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tertarik dengan hujah yang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nama sudah saya catat ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Soal bot tunda ini. Kawasan Putatan ini memang saya sudah banyak kali menegur pihak yang berkuasa kerana bot-bot tunda ini merosakkan terumbu-terumbu di persekitaran pantai. Bukan sahaja di Beruas, di seluruh pantai di negara kita. Di Putatan, kita telah pun sampai, TV3 pun ambil sebab ia menjejaskan pendapatan nelayan-nelayan kecil. Kalau kita benarkan bot-bot tunda ini beroperasi masuk ke dalam lingkungan lapan kilometer dari pantai, apa akan terjadi nelayan-nelayan kecil kita Yang Berhormat Beruas? Jadi saya bersetuju supaya dikedatkan undang-undang ini supaya bot-bot tunda ini patut dihapuskan supaya dia dapat mungkin dinaiktarafkan kepada nelayan-nelayan laut dalam. Apa pendapat? Sebab laut-laut, kita galakkan nelayan-nelayan kita pergi cari ikan di...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya sangat setuju, saya setuju dengan Yang Berhormat Putatan bahawa kita mesti melindungi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk Yang Berhormat Putatan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Semua nelayan kategori bot A dan juga nelayan-nelayan pantai. Akan tetapi lima *nautical miles* ini sudah memadai, mencukupi kerana nelayan-nelayan kategori bot A dan juga nelayan-nelayan pantai ini, mereka menangkap ikan dalam lima *nautical miles*. Harap Yang Berhormat Putatan faham berapa jauhnya lima *nautical miles* dan berapa jauhnya lapan *nautical miles*? Jadi ini saya ingin menegaskan bahawa...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta laluan, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kerajaan mesti melaksanakan, menguatkuasakan, saya habis *sentence* ini ya. Saya ingin menegaskan, saya di sini menyokong kerajaan menguatkuasakan dengan tegas peraturan tidak boleh ada pukut tunda dalam lima *nautical miles*.

■1440

Masalah sekarang ialah kerana kerajaan tidak menguatkuasakan peraturan ini yang menyebabkan terumbu ataupun masalah bot kategori A dan juga nelayan-nelayan pantai. Akan tetapi kalau lapan *nautical miles*, terlalu jauhlah untuk menangkap ikan dan menyebabkan nelayan-nelayan ini mengalami masalah kapasiti bot dan juga berbahaya kalau terlalu jauh ke laut dengan bot-bot yang kecil ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma saya hendak ingatkan, 15 minit ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat mengenai *food security* ataupun jaminan makanan. Fenomena *food security* dikatakan sekarang sebagai *food sovereignty* ataupun kedaulatan makanan.

Soalan saya dan minta pandangan Yang Berhormat, adakah wajar kerajaan membuat satu kajian mengenai impak *El Nino* terhadap industri pertanian? Saya bangkitkan ini kerana dalam tahun-tahun yang lalu, kita mendapati bahawa *El Nino* telah memberi banyak impak kepada industri pertanian dan pengeluaran pertanian telah berkurangan. Oleh sebab itu, saya minta adakah wajar kerajaan membuat satu kajian dan juga memberikan cadangan kepada pihak petani dan sebagainya supaya dapat *manage El Nino* dan juga dapat mengeluarkan produk mereka untuk kegunaan ramai. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Klang bahawa kerajaan mesti mengambil berat tentang kesan *El Nino* ini. Selain daripada *El Nino* ini, kerajaan juga mesti mengambil tindakan segera memastikan jumlah nelayan ini tidak terus berkurangan yang saya nyatakan tadi di Pantai Remis sudah berkurangan lebih kurang 80% sejak 30 tahun yang lalu jika dibandingkan dengan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kerajaan mesti tahu ialah bahawa nelayan-nelayan ini biasanya bukan- Pukat tunda ini bukan untuk menangkap ikan tetapi juga untuk menangkap udang. Udag di kawasan ini biasanya merupakan udang yang tidak begitu besar ataupun saiznya terhad. Sama ada ditangkap atau tidak, ikan dan udang ini akhirnya juga mati dan akan terbazir ataupun sia-sia jika tidak ditangkap. Apa yang penting ialah mengambil langkah-langkah supaya *there is no over fishing* dengan izin. Bukannya tidak boleh ditangkap tetapi *no over fishing*. Di manakah keseimbangan itu harus dibuat, itu kita mesti mengkaji dengan baik dan mengambil langkah yang betul supaya nelayan-nelayan dapat menangkap ikan dan udang yang mencukupi untuk menyara hidup dan juga memberi bekalan makanan kepada rakyat dan sementara menjaga benih-benih udang dan ikan ini agar tidak pupus.

Tuan Yang di-Pertua, saya di dalam satu dialog dengan pihak perikanan dan nelayan di Pantai Remis sudah mencadangkan supaya kerajaan mengkaji satu cara iaitu subsidi yang sekarang ini diberikan kepada bot nelayan B ini, ada antara lebih kurang 7,000 liter ke 15,000 liter dan secara amnya subsidi setiap liter lebih kurang RM1.30 hingga 50 sen dan kalau subsidi ini dan jumlah ini untuk satu bot melebihi RM10,000 setiap bulan ini, bolehkah kita membuat satu cara di mana wang ini diberikan kepada pengusaha bot ini supaya bergilir-gilir keluar untuk menangkap ikan?

Maksudnya berhenti untuk menangkap ikan untuk satu bulan agar benih-benih udang dan ikan-ikan ini membesar dan juga kawasan-kawasan yang ditetapkan untuk tangkapan ikan juga secara bergilir-gilir. Berdasarkan pengetahuan saya, ikan dan udang ini kalau dibenarkan 30 hingga 40 hari tidak ditangkap memang akan membesar dengan baik dan jumlah stok ikan dan udang ini akan menjadi berlebihan dengan begitu cepat sekali. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cara ini boleh dipertimbangkan dan kerajaan mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah ini kerana nelayan-nelayan sudah tidak pergi ke laut sejak 1 Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua masalah nelayan ialah mereka diminta untuk memasang MTU atau *mobile tracking unit*. Masalahnya ialah kerana kerajaan tidak membuat persediaan untuk pelaksanaan sistem ini dan dalam satu dialog dengan Jabatan Perikanan di Pantai Remis, didapati tidak ada satu syarikat pun yang membekalkan MTU di Pantai Remis atau di negeri Perak dan hanya sebuah syarikat sahaja di Kuala Lumpur yang membekalkan MTU ini. Ini menyusahkan nelayan-nelayan dan harganya pun mahal iaitu RM4,000 sehingga RM6,000. Jika berlaku kerosakan, pembekal ini tidak akan dapat

membaiki MTU ini dengan segera dan nelayan-nelayan ini mungkin di saman oleh Jabatan Perikanan kerana dikatakan tidak memasang MTU ataupun MTU yang boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap keperluan MTU ini bukan lagi satu projek memperkayakan kroni yang kita nampak sudah berlaku banyak kali di mana dahulu bas-bas diminta untuk dipasang dengan izin, *black box*, tetapi selepas kroni sudah menjual bekalan *black box* ini, dibatalkan pula pelaksanaan keperluan untuk *black box*. Kemudian dikatakan bas terlalu laju, diwajibkan memasang siren, kalau terlalu cepat. Selepas semua stok kroni sudah dijual, dibatalkan pula keperluan untuk siren, untuk bas yang terlalu laju.

Kita pun nampak sistem biometrik yang ratusan juta digunakan oleh kerajaan untuk memantau atau menyenangkan kita menyelenggarakan pekerja-pekerja asing di Malaysia tetapi selepas dilaksanakan, kita nampak *employer* ataupun majikan-majikan terpaksa berbaris secara manual pada jam lima pagi untuk mendapatkan nombor untuk membolehkan mereka menggaji pekerja luar asing secara sah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi maksud saya Tuan Yang di-Pertua, sistem radar agensi penguat kuasa pun sudah mencukupi dan memang ada cara lain yang lebih murah kerana sekarang dengan telefon bimbit pun kita boleh mengesan di mana sesebuah bot ataupun orang itu berada.

Satu perkara lagi yang ingin saya nyatakan di sini— harap bagi lima minit lagi. Saya ringkaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ringkas sahaja.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Iaitu perpaduan rakyat untuk membolehkan Malaysia ini terus membangun dan menjadi lebih makmur. Saya memang terperanjat dengan kenyataan Ketua Polis Negara yang mengatakan beliau pun tidak pasti mana undang-undang ataupun perintah mahkamah yang harus dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat menyedihkan. Kalau ketua penguat kuasa itu iaitu Ketua Polis Negara sendiri tidak pasti dan tidak tentu apakah undang-undang ataupun mahkamah yang harus beliau hormati, ini menyebabkan negara kita ini ada keraguan ataupun tidak ada kepastian mana undang-undang yang kita patuhi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ingin saya nyatakan di sini bahawa dua, tiga tahun ini kita nampak ada dengan izin, *increasing regulation* ataupun penetapan tentang pengamalan agama. Ini akan menyebabkan dengan izin, *increasing hostility* ataupun penambahan perbalahan antara rakyat. Dalam satu kajian yang telah dibuat oleh *Religious Freedom Project Berkley Centre for Religion, Peace and World Affairs, Georgetown University* dan juga dalam satu artikel oleh CEO Wan Saiful Wan Jan, CEO IDEAS atau *Institute for Democracy and Economic Affairs* yang mengatakan untuk kita mencapai perpaduan rakyat, *religious freedom* dengan izin, kebebasan beragama ini mestilah kita hormati dan benarkan.

■1450

Kalau kita dengan izin, *over regulate religious freedom, there will be increase hostility* dan saya berharap di Malaysia yang sekarang ini yang dianggap setaraf dengan negara China, Rusia, Myanmar, Somalia dan *Eritrea* daripada segi kebebasan beragama dalam satu *survey* dalam tahun 2012, saya berharap kebebasan beragama ini dapat kita longgarkan ataupun dihormati oleh semua dan saya kalaulah boleh, ini bukan saya nak campur tangan dalam hal Islam. Saya pun rasa tidak selesa apabila orang Islam Sunni dan Syiah tidak sependapat dan kita menggunakan undang-undang terhadap orang Syiah ini, penganut Syiah ini hinggakan ia menimbulkan ketidakpuasan hati orang-orang yang beragama Islam Syiah ini. Ini menimbulkan dengan izin, *hostility* tapi kita tidak nampak orang-orang bukan Islam sungguhpun kepercayaan mereka jauh berbeza daripada Hindu, Kristian ataupun Buddha kerana tidak ada, dengan izin, *regulating of religion*. Sungguhpun kepercayaan jauh berbeza, tidak ada, dengan izin, *hostility*.

Maksud saya ini *increase regulatory rules* ini menyebabkan *hostility*. Jadi saya berharap kebebasan agama ini dapat kita galakkan dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah 20 minit sudah saya benarkan, lebih masa dah ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya ada cadangan penyelesaian. Tuan Yang di-Pertua, lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu minit, satu minit.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Okey. Isu yang kita nampak beberapa hari ini tentang perbalahan di antara orang Islam dengan bukan Islam, sama ada seseorang itu masuk Islam atau keluar Islam menjadi satu isu yang menyebabkan ketegangan, itu satu. Lagi satu isu yang menyebabkan ketegangan ialah sama ada seorang di bawah umur 18 tahun kalau ibu atau bapa beliau memeluk agama Islam, apakah kedudukan budak itu? Juga apabila sepasang suami isteri seorang masuk Islam, apakah undang-undang yang harus kita pakai apabila berlakunya penceraian? Ini menyebabkan ketegangan dan ini menyebabkan juga perpaduan rakyat ini terjejas. Saya ingin mengesyorkan ...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta celah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak perlulah, saya dah hadkan masa.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Isu penting.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya ingin menegaskan kalau kita semua boleh menghormati peruntukan dalam Perlembagaan kita, semua masalah ini boleh diselesaikan dengan baik dan Perkara 11(1) jelas menyatakan bahawa setiap orang, setiap orang, ingin saya tegaskan ada hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya tapi ada sekatannya iaitu Perkara 17(4) ini bahawa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya, Undang-undang Persekutuan boleh menyekat ataupun kerajaan negeri boleh meluluskan undang-undang untuk menyekat mereka daripada menyebarkan agama bukan Islam di kalangan orang Islam.

Saya ingin menyatakan bahawa orang-orang bukan Islam mesti menerima hakikat ini bahawa undang-undang boleh digubal untuk menyekat mereka daripada menyebarkan agama mereka kepada orang Islam. Akan tetapi saya berharap juga orang-orang Islam juga boleh terima peruntukan 11(1) ini yang memberi hak mutlak untuk mengamalkan sesuatu agama itu oleh orang perseorangan dan kalau seseorang itu memang nak meninggalkan agama itu dan beliau lebih daripada 18 tahun, kita mesti menghormati hak yang telah Tuhan berikan kepada seseorang itu dan dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan kita ini.

Saya berharap Perkara 12(3) dan 12(4) jelas mengatakan kalau seorang budak itu di bawah 18 tahun, *guardian* ataupun mereka yang telah diberi hak untuk menjaga anak itu diberi kebebasan untuk mendidik anak itu mengikut agama dan orang yang telah diberi dengan izin, *guardianship* dan ini jelas juga supaya tidak ada perbalahan dan selepas budak ini telah mencapai umur 18 tahun, beliau bebaslah menganut dan memilih agamanya seperti yang telah dijamin oleh Perkara 11(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudahlah Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang terakhir sekali, *last one*. Apabila suami isteri ini seorang menjadi Islam, haruslah kita mengikut peraturan bahawa di bawah manakah perkahwinan mereka dilaksanakan, kita ikutlah undang-undang di mana perkahwinan itu dilaksanakan. Kalau pasangan itu bukan Islam, mereka telah berkahwin di bawah dengan izin *Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976*, kita gunakan undang-undang itu. Kalau suami isteri itu berkahwin di bawah undang-undang Islam, kita ikutlah undang-undang Islam supaya perbalahan ini dapat kita selesaikan dan masalah ini tidak akan terus berlanjutan kerana ini tidak sihat untuk negara kita kalau setiap kali isu sensitif ini tidak diselesaikan, kita biarkan begitu sahaja, haraplah kita sama-sama cari satu jalan supaya ikut Perlembagaan Persekutuan kita selesaikan semua isu ini dengan jelas supaya negara kita ini boleh terus maju ke depan tanpa kita kata digugat ataupun *settle with this continued problem*. Itulah pandangan saya dan harap kerajaan dapat menyelesaikan semua masalah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya dah sebut Yang Berhormat Putatan tadi. Lepas Yang Berhormat Putatan sebelah sini lepas

itu saya balik kepada Yang Berhormat Jerlun ya. Minta maaf Yang Berhormat Jerlun. Sila Yang Berhormat Putatan.

2.57 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat Beruas berhujah tadi lebih daripada setengah jam, saya mesti diberi satu jam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga turut membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2014.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas ini Yang Berhormat Lembah Pantai.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini sudah mengambil satu minit masa saya. Nombor satu, saya ingin

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dah berlalu dua minit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]* Soal persekolahan. Sekolah, bangunan-bangunan sekolah di negeri Sabah dan Sarawak. Saya berbalik kepada pertanyaan yang sama, berapa lagi jumlah sekolah yang masih diperbuat daripada bahan kayu-kayu dan baru-baru ini kita telah pun mendapat berita yang mendukacitakan bahawa baru-baru ini kita telah pun mengalami beberapa sekolah terbakar di kawasan Kota Kinabalu, Papar dan di sebelah Pantai Timur pun ada juga terbakar.

Jadi saya melihat masalah Pengarah Pelajaran Negeri Sabah itu memang amat merunsingkan kerana apabila diumumkan penurunan kuasa ini yang dibahagi daripada Putrajaya ini kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sabah ini namun peruntukan yang dimaksudkan itu disalurkan kepada Bendahari Persekutuan (*Federal Treasury*).

Jadi tidak ada keselesaan dan amat sukar bagi pengarah itu memperbaiki sekolah-sekolah yang terbakar ini dengan secepat yang mungkin ataupun pemindahan bilik-bilik darjah yang sementara, tidak ada langsung. Jadi bagaimana dengan murid-murid kita yang ingin meneruskan pembelajaran di sekolah? Tuan Yang di-Pertua, kalau kau melihat masalah ini, tangisan itu tidak dapat *dicontrol* melihat murid-murid kita tak dapat pergi ke sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak payahlah kau melihat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Apa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

■1500

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu bahasa Sabah. Tidak kena-mengena dengan itu. Bahasa Sabah mesti dihormati juga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini dapat ditangani dengan segera kerana mereka ini menjadi mangsa kepada golongan-golongan yang suka masuk ke kampung-kampung mengelirukan orang-orang di kampung. Yang baru-baru ini Kerajaan Barisan Nasional tidak prihatin kepada permasalahan penduduk-penduduk di luar bandar. Inilah yang sebelah ini Tuan Yang di-Pertua yang masuk ke kawasan-kawasan kampung yang menjadikan penduduk kampung menjadi mangsa dia orang yang mengelirukan. Akan tetapi kalau masuk di Sabah, kita tahan tidak boleh masuk. Kita ada kuasa imigresen, kita tidak benarkan mereka masuk. Ya, tidak boleh.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Putatan menjadi Ketua Menteri, rosak Sabah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Satu lagi yang saya lihat di sini ialah perbelanjaan Tuan Yang di-Pertua. Soal bonus yang diberi kepada pegawai-pegawai LHDN ini, kenapa LHDN sahaja. Adakah ia untuk memberi insentif untuk mencengkam leher-leher daripada pembayar cukai ini untuk mengumpul wang. Baik. Kita menyambut baik usaha itu. Akan tetapi kadang-kadang pegawai-pegawai ini tidak ada perikemanusiaan

sama sekali. Jadi adakah ia memadai kalau kerana diberi bonus kenaikan gaji misalnya, *it's okay*.

Akan tetapi bagaimana pula pegawai-pegawai yang rajin untuk memperkasakan peningkatan ekonomi penduduk luar bandar. Bagaimana pula guru-guru yang rajin yang berinovasi yang berkreaitif untuk mendidik budak-budak kita? Bagaimana pula pegawai-pegawai dalam R&D kita? Adakah kita juga tidak bagi bonus bagi mereka ini kerana ia juga menyumbang kepada pembangunan negara kita yang dipeloporkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Menjelang Tahun 2020 mahu negara kita maju, rakyat berpendapatan tinggi. Jadi kita bercadang supaya bukan sahaja pegawai dari LHDN, tetapi pegawai-pegawai yang dilihat yang boleh membanggakan negara kita.

Saya berpindah kepada kawasan pertanian. Kalau kita melihat keadaan jalan... di Kelantan lain. Di Sabah di Sarawak, kita masih lagi menggunakan laluan melalui sungai. Bagaimana pula kita dengan usaha untuk menjadikan negara kita maju dan rakyat berpendapatan tinggi sekiranya kita masih lagi gagal untuk menyediakan infra-infra di luar bandar. Bagaimana orang-orang kampung yang memiliki tanah itu tidak dapat membangun, tidak dapat menerokai tanah-tanah mereka tanpa infrastruktur. Kawasan Kuala Krau pun sama juga. Saya sudah melihat Kuala Krau, serupa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya sudah melawat kawasan Kuala Krau. Begitu juga. Jadi saya menyeru kepada kerajaan supaya lebih prihatin kepada pembangunan luar bandar. Jadi agensi-agensi kerajaan haruslah melihat di mana kelompok-kelompok yang perlu dimajukan. Kelompok-kelompok yang tidak bekerjasama dengan kita itu, kita bagi *the second phase*.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sabah maju.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kuala Selangor, maju. Kuala Langat maju. Tidak perlu beri pembangunan lain. Sebab wakil rakyatnya tidak kerja kuat. Sama juga Petaling Jaya Selatan, tidak buat kerja. Siapa wakil-wakil rakyat yang tidak buat kerja itu, kita akan bagi fasa yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor merah muka.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kuala Selangor okey, maju. Wakil rakyat dia rajin. Tuan Yang di-Pertua, serius sedikit. Kita mempunyai beberapa agensi kerajaan. Kalau kita sebut dengan komoditi, kita ada MPOB, kita ada ladang kelapa sawit. Bukan sahaja setakat FELDA, bukan sahaja setakat FELCRA, kita juga memerlukan pekebun-pekebun kecil untuk menerokai tanah-tanah yang terbiar.

Jadi, kalau tanah tidak diterokai, oleh kerana tidak mempunyai infra-infra, maka siapa yang kita tuding jari? Adakah kita tunggu orang kampung untuk membuat jalan sendiri? Tidak kan? Jadi, kerajaanlah harus melihat termasuk juga kerajaan-kerajaan negeri dapat membantu dan kerajaan-kerajaan tempatan. Jadi ini amat penting sekali kalau kita tinggal lima tahun lagi untuk menjadi sebuah negara maju.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Putatan. Celah-celah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kuala Langat itu....

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Pencelahan, hendak menguatkan hujah Yang Berhormat Putatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Mendengar dengan khusyuk dan tawaduk Yang Berhormat Putatan punya kerisauan dan juga keprihatinan ini,

apakah selepas 57 tahun lebih kemerdekaan, baru hendak bercakap soal jalan? Maksudnya apa? Maksudnya tidak membangun. Jadi, apakah Yang Berhormat Putatan mengakui bahawa sudah melebihi 57 tahun, negara tidak membangun? Mohon penjelasan, terima kasih Yang Berhormat Putatan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak bagi dia suntingan sedikit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Kuala Langat ini, dia tidak tengoklah pembangunan yang ada sekarang. Kita bukan bermaksud tidak ada pembangunan. Ini sudah mengelirukan. Macam inilah dia mengelirukan rakyat. Ini cara Yang Berhormat Kuala Langat yang langsung tidak tengok apa yang ada di hadapan dia.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Boleh celah, boleh celah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kasihan, kasihan. Kasihan dengan wakil rakyat seperti ini.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Boleh celah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu jawapan saya.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya hendak bagi jawapan kali ketiga kali. Keluhan dan keresahan jalan atas sikap kerajaan untuk menjayakan sesuatu infrastruktur yang wajib diadakan. Soalan saya mudah. Lebih 57 tahun merdeka, mengapakah isu ini masih lagi dibangkitkan Yang Berhormat Putatan? Yang Berhormat Kuala Selangor mungkin bersetuju dengan saya sebab kami sudah maju. Akan tetapi Sabah. Saya mempertikaikan dalam keluhan di Sabah yang Yang Berhormat Putatan utarakan. Mohon penjelasan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Macam inilah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tiga minit lagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Pemimpin-pemimpin yang kita tidak perlukan di Sabah sebab kita boleh mewakili orang Sabah dan Sarawak. Sebab apa yang berlaku, kawasan bukan tidak maju. Ada tempat yang sudah maju, ada tempat yang belum maju lagi. Ini yang kita tekankan Yang Berhormat Kuala Langat. Ini memesongkan Dewan yang susah sedikit.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada kawasan yang *middle stream*. Hasil-hasil berasaskan pertanian. Berapa jumlah ibu tunggal kita? Berapa jumlah belia yang masih duduk di luar-luar bandar. Jadi kita mesti ada statistik, bagaimana kita melahirkan usahawan, bagaimana kita memperkasakan usahawan bumiputera Kuala Langat yang tidak faham ini. Jadi inilah Yang Berhormat Kuala Langat ini bukan kawasan separuh maju. Jadi inilah.

Bukan sahaja program-program yang membolehkan peningkatan ekonomi mereka daripada luar bandar ini. *Middle Stream Industry* misalnya pembuatan coklat di belakang rumah. *Backyard industry* dengan izin. Bukan Cadbury. Coklat buatan Malaysia itu ada cap halal, *guarantee* Jakim sudah ada, yang Cadbury itu dia orang punya pasal. Jadi inilah yang patut kita perkasakan Tuan Yang di-Pertua dan bukan sahaja itu, tetapi jangan lupa nelayan. Kita juga menguruskan bagaimana kita memperkasakan pendapatan nelayan kita. Bukan setakat seperti Yang Berhormat Beruas beritahu pergi tengah laut cari ikan. Tidak. Kita mesti ada kreativiti dan inovasi supaya nelayan ini tidak perlu pergi jauh untuk mencari pendapatan yang amat baik.

■1510

Jadi satu lagi, oleh kerana Yang Berhormat Beruas ini ada setengah jam dan saya satu jam, jadi saya ingin menyentuh perkara berkaitan dengan keselamatan. Keselamatan di negara kita ini memang *under control*, dengan izin, tetapi boleh diperbaiki lagi dengan mewujudkan kamera-kamera CCTV di *hotspot*. Saya rasa ini pihak rakan-rakan di sana bersetuju dengan saya kerana baru-baru ini saya juga menerima SMS, *45 minutes ago*. Empat puluh lima minit yang lalu, pembunuhan di Kinarut, yang pembunuh ini pendarat tanpa izin.

Jadi di Sabah ini kita masih lagi menunggu laporan daripada RCI ini, Suruhanjaya Siasatan Diraja. Jadi jawapan pada soalan saya yang semalam adalah laporan ini telah pun dikemukakan Yang di-Pertuan Agong dan saya tidak dapat menyoal selanjutnya, apa jenis tindakannya yang harus diambil.

Akan tetapi apa yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, yang sering kita tingkatkan ialah ESSCOM ini. ESSCOM ini seolah-olah dipertikaikan bahawa ESSCOM ini tiada gigi, *'Harimau tiada gigi'*. Jadi, peruntukan yang diberi daripada kerajaan disalurkan kepada agensi-agensi di bawah ESSCOM jadi ESSCOM sendiri, pengurusannya hanya mendapat RM2 juta lebih sahaja. Jadi mana cukup, aset tidak ada.

Baru-baru ini diumumkan bot-botnya telah pun dibeli. Bagaimana pula dengan aset dengan *surveillance* seperti *drone* dan helikopter? Helikopter satu sahaja yang saya rasa berapa tahun dia punya kegunaan, *how old is the helicopter?* Yang Berhormat Kalabakan tidak tahu, hanya satu yang ditempatkan di Tawau, satu di Labuan. Tuan Yang di-Pertua, adakah ini dapat menjaga keselamatan di sebelah timur Sabah? Memang tidak, helikopter yang entah berapa lama mungkin ada 80 tahun umur, umur 40 sudah tahun, tidak pernah ganti selalu rosak. Jadi, inilah masalahnya.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Putatan boleh minta sedikit pencelahan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Surveillance drone* tidak beli.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Putatan sedikit sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Duit begitu banyak *dispend*, dibelanjakan. Mungkin peruntukan itu dibawa ke tempat lain. Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Ya, sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ini berkaitan dengan RCI dan juga jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat Putatan, sama juga dengan jawapan yang diberi kepada soalan saya daripada Yang Berhormat Arau. Bolehkah Yang Berhormat Putatan setuju, Yang Berhormat Putatan boleh setuju kalau Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional bergabung untuk meminta kerajaan membentangkan laporan RCI yang baru-baru ini diberi kepada Agong? Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya tidak dapat menjawab Yang Berhormat Penampang, biarlah Yang Berhormat Menteri yang menjaga ESSCOM ini memberi jawapan yang sebenar-benarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi setakat ini saya punya baru 12 minit. Baru 12 minit, tadi saya *start* pada 3.01 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Speaker* yang menjaga masa ini [*Ketawa*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Beruas dia bagi 1 jam. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya meminta kerajaan Filipina untuk mewujudkan Pejabat Konsulat di Sabah supaya adapun yang tertangkap, yang tidak mempunyai dokumen perjalanan dapat diurus dengan cepat oleh konsulat tersebut. Ini kerana ikatan persahabatan kita dengan Kerajaan Filipina amat baik sekali sampai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mempelopori, menandatangani dengan persetujuan antara kerajaan Filipina dengan MILF dengan Bangsamoro amatlah baik. Kerajaan kita membantu kerajaan Filipina dan tidak mungkin mereka tidak membalas budi kita supaya konsulat-konsulat ini dapat diwujudkan di Sabah.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat meneruskan permintaan ini daripada Kerajaan Filipina. Jadi kalau masa saya baru 14 minit, banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah itu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh terus?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kalabakan kata terus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukup. Terima kasih Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Lembah Pantai.

3.15 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan dalam input Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014. Saya hanya akan menyentuh dua isu. Isu pertama berkait dengan perbelanjaan yang kita laksanakan kali ini, walaupun perbelanjaan tambahan sudah sebanyak RM4.1 bilion bukanlah angka yang besar tetapi seperti yang saya sebut tadi kerajaan harus prihatin dengan hutang Kerajaan Pusat, peratusannya kepada KDNK lebih 50% sejak 2010 dan kalau diambil kira *contingent liabilities* mencecah 70%.

Jadi, diambil kira juga dengan laporan *Bloomberg* yang saya sebut awal tadi sebelum Tuan Yang di-Pertua menjadi Pengerusi iaitu peratusan hutang jangka masa pendek daripada KDNK sebanyak 15.2%. Ini merupakan kadar yang dicatat pada tahun 2013 yang lebih tinggi daripada Indonesia dan India dan menjadi kebimbangan oleh banyak penganalisis ekonomi dilaporkan dalam *Bloomberg*. Jadi, saya pohon kerajaan agar memberi sedikit perincian bila kita bercakap tentang belanjawan tambahan yang diambil kira di sini kebanyakannya adalah berkisar tentang pembukaan pejabat perwakilan baru, perbelanjaan UiTM dan juga isu bayaran untuk subsidi walaupun perancangan ke depan adalah untuk memotong subsidi.

Isu pertama, saya pergi kepada isu Kementerian Luar Negeri. Saya menanyakan soalan di Parlimen yang telah dijawab oleh Menteri berkait tentang pendirian Malaysia dalam isu hak kewarganegaraan masyarakat Islam Rohingya dan juga langkah-langkah bantuan kemanusiaan yang kita salurkan. Saya fikir walaupun wujud, namun memandangkan Malaysialah yang bertanggungjawab memasukkan atau mencadangkan Myanmar sebagai salah sebuah negara dalam ASEAN maka kita harus lebih prihatin dengan apa yang diperlakukan terhadap masyarakat atau warga Rohingya di sana.

Selama dua tahun berterusan keganasan terhadap mereka khususnya *communal violence* berterusan sehinggalah tarikh 6 Jun banyak lagi kematian dicatat. Lebih kurang insiden pertama itu 200 orang mati dan 140,000 lagi yang hilang penempatan atau dengan izin, *they are called displaced persons*. Kebanyakannya semua warga Rohingya dan saya nampak tidak ada kenyataan umum yang dikeluarkan oleh kerajaan, hanya sekadar sepucuk surat yang diberikan kepada pimpinan kerajaan atau junta Myanmar.

Ini tidak memadai kerana bila dikatakan isu kewarganegaraan kita tidak boleh sentuh, faham! Itu di bawah *jurisdiction* dan kuasa kerajaan Myanmar. Akan tetapi dalam masa yang sama pembunuhan dan juga bagaimana mereka dimangsakan. Termasuklah apabila mereka sampai daripada *Bay of Bengal*, mereka melarikan diri sampai ke kem-kem pelarian di sempadan Thailand dan Malaysia, di kem ini juga kadangkala mereka dilayan seperti binatang. Ada saksi-saksi yang menyatakan mereka ditahan di dalam penjara dan semua ini harus diambil kira oleh kerajaan dan kementerian. Bukan soal ada pejabat perwakilan semata-mata tetapi apakah langkah-langkah yang sudah kita lakukan untuk menyelamatkan dan melindungi mereka yang paling terkesan?

Di bawah PBB, *United Nations, one of the most persecuted minorities are the Rohingyans*. Saya buat kajian Tuan Yang di-Pertua dan saya mendapati menerusi dokumen yang didapati di mana di Perpustakaan Britain, daripada satu dokumen yang berjudul *Description of Hindustan and the Adjacent Countries by Walter Hamilton*. Dibuktikan bahawa mereka menemukan di *the indigenous Muslim population in Arakan. First, in the advent of Islam they came from the 1400*.

■1520

Maksudnya, mereka menemukan asal usul warga Rohingya daripada 1400 dan hanya pada 1785, *the Burmese annexed Arakan*. Jadi bukan apa, pada saya, saya faham kesulitan kita untuk campur tangan dalam isu penganugerahan kewarganegaraan dan sebagainya. Akan tetapi apa pun mereka tidak boleh terus menerus dimangsakan. Saya pinta pihak kementerian agar membuat kenyataan mengutuk pembunuhan dan juga semua tindakan zalim secara terbuka. Pada masa yang sama, memberikan perlindungan apabila mereka sampai ke dalam persempadanan Malaysia. Itu saya fikir satu isu yang amat penting dan saya akan berikan sesalinan kepada kementerian untuk diteliti dokumen-dokumen sedemikian.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, yang berkisar tentang subsidi dan potongan subsidi yang bakal menimpa Malaysia ataupun sudah dilaksanakan di bawah Program Rasionalisasi Subsidi. Akan tetapi yang saya ingin bangkitkan di sini adalah bagaimana kerajaan mahu menyediakan ekosistem supaya warganegara kita, khususnya yang daripada golongan berpendapatan rendah dapat bersedia menerima cabaran yang bakal menanti. Khusus apabila GST cukai baru diperkenalkan, termasuk juga dengan potongan subsidi yang berterusan. Bermula 2014, rakyat bakal menerima kenaikan tarif elektrik sekitar 14.89% hingga 16.9%. Ini bersambung daripada pengenalan kenaikan tarif pertama pada bulan Jun 2011 pada kadar 7.12%. Akan tetapi daripada pengamatan saya, tarif elektrik naik, subsidi petrol mula dinaikkan, harga petrol menerusi potongan subsidi secara berperingkat, subsidi gula ditarik balik pada September 2013 tetapi tidak pula subsidi IPP. Sebentar tadi Ahli Parlimen Kinabatangan sudah menyebut tentang isu IPP.

Saya rujuk berita terakhir adalah tentang kajian semula terhadap perjanjian pembelian kuasa. Saya mahu tahu, dimanakah komitmen kerajaan untuk memastikan syarikat-syarikat gergasi yang kaya raya ini, termasuklah Tan Sri Francis Yeoh, tidak lagi menikmati subsidi kita. Ini kerana daripada potongan yang akan dibuat bermula November oleh menteri, saya tengok kenyataan terbaru, akan menyelamatkan sekitar RM9.8 bilion, itu subsidi untuk semua pengguna kereta di Malaysia bermula November. Akan tetapi subsidi IPP masih tidak ada lagi berita. Kenyataan apakah yang akan dibuat, adakah ia akan dipotong, termasuklah perjanjian dengan *the latest power purchasing agreement*. Jadi, ini harus dijelaskan dengan baik oleh menteri, termasuklah untuk menunjukkan bukan sahaja rakyat yang disasarkan terlebih dahulu tetapi konglomerat besar yang merupakan, kalau ikut kata-kata Tan Sri Francis Yeoh, kroni-kroni besar kerajaan.

Saya juga ingin bertanya, bila kita tidak menyediakan prasarana, maka kerajaan harus ambil maklum beberapa kebimbangan yang dilahirkan oleh pakar ekonomi. Kalau mengikut Merrill Lynch, laporan yang dikeluarkan tahun 2010, dengan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang muda dan miskin menjelang 2030. Tambahan saya rujuk dan sebelum ini Ketua Pembangkang telah menyatakan dalam sesi lepas, kajian daripada Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Universiti Malaya, Profesor Dr. Fatimah Kari. Beliau membuat sebuah rumusan hasil daripada kajian bahawa isi-isi rumah Melayu dan bumiputera yang miskin ataupun berpendapatan rendah adalah golongan yang bakal dan paling terkesan akibat daripada pemotongan subsidi oleh kerajaan sama ada di bandar ataupun luar bandar. Beliau membuat satu model ekonomi yang menunjukkan bahawa potongan subsidi tersebut juga bakal meningkatkan kadar kemiskinan bangsa Cina dan India di bandar dan luar bandar walaupun kesannya tidak begitu mendadak dibandingkan dengan golongan bumiputera.

Kadar kemiskinan ini Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sudah sebut, saya akan sebut sekali lagi dijangkakan akan kembali seperti pada tahun 1970 dalam tempoh terdekat atau sederhana sekiranya isu jurang pendapatan tidak terkawal menerusi dasar kerajaan. Beliau tambah juga, impak atau kesan dengan pemberian BR1M, sama. Jadi, saya hendak tahu apakah perancangan kerajaan kerana apabila kita ada data-data ini di hadapan kita, kita ada pembuktian yang dibuat adalah potongan subsidi yang masih menekan golongan bawah dan pertengahan. Jadi pada saya, dimanakah rasional kerajaan? *I mean*, kerajaan harus lebih responsif dengan kritikan, dengan maklum balas sebegini, pada saya. Soal menyokong pengurangan defisit tetapi pada masa yang sama kenapa masih membisu bila bercakap tentang golongan IPP.

Saya juga ingin menanyakan kerana bila masa sistem baru dilaksanakan pada November tahun ini. Kali terakhir kita buat atau dilaksanakan pemberian rebat menerusi pejabat pos. Ketika itu Tun Abdullah Ahmad Badawi telah memanggil, membuat satu tender

terbuka untuk mendapatkan sistem *two-tiered subsidy mechanism* yang terbaik. Ada beberapa syarikat yang memberi cadangan, salah sebuah syarikat pada tahun 2008 adalah syarikat Dialog Group Berhad. Sudah ada sistem, mengguna pakai MyKad dan cip dalam MyKad supaya kita boleh mengenal pasti siapakah penerima yang hendak beli petrol yang berhak dapat subsidi, berbeza dengan mereka yang tidak berhak atau tidak layak mendapatkan subsidi. Akhirnya, Kabinet menolak dan mereka menerima sistem *one-off* iaitu rebat RM625 bagi pengguna kenderaan pada saya yang bawah 2,000cc ketika itu. Akan tetapi bagi pengguna kenderaan bawah 2,000cc tidak semestinya miskin. Ada data-data lain yang menunjukkan kalau mereka gajinya besar, kadang-kadang mereka beli kereta kecil. Itu adalah realiti, lumrah yang berlaku sekarang ini.

Jadi, saya mahu daripada kerajaan, apakah sistem yang akan digunapakai? Yang kami dapat ada beberapa syarikat yang disenarai pendek. Antaranya Data Sonic Group Berhad, mereka memberi *proposal* dan mereka akan gunakan MyKad juga untuk melaksanakan skim ini. Malangnya, kali terakhir semasa Skim MyKad ditolak adalah kerana kos infrastrukturnya yang terlalu tinggi. Jadi, berapakah kos infrastruktur untuk diguna pakai di semua stesen-stesen petrol dan adakah kos ini terpaksa dibayar oleh kerajaan. Ini harus kita jelas, harus diberi maklum kepada kita. Saya tidak nampak satu pun penjelasan ke arah ini. Pada saya, sekitar 10.48 juta pengguna kereta termasuk 11.04 juta pengguna motosikal berhak mengetahui potongan yang akan berlaku dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan bebanan mereka. Adakah kerajaan akan menggunakan kadar penggajian. Semua ini hanya boleh diguna pakai kalau maklumat ini dimuatkan dalam sistem atau MyKad.

Tambahan Tuan Yang di-Pertua, mengapa penting. Di Malaysia di bawah National Automotif Policy kita, kita memberi atau menitikberatkan penggunaan *private vehicle*, kereta persendirian. Jadi pada saya, tidak ada lagi infrastruktur untuk pengguna jalan raya, sistem pengangkutan awam yang memadai untuk kita memaksa rakyat jangan guna petrol berlebihan, jangan beli kereta.

Sekarang ini bagi setiap satu kereta mewakili tiga rakyat Malaysia, itu nisbah di Malaysia. *Everyone can drive a car*. Memang keadaan yang begitu serius ini haruslah memberi insentif kepada kerajaan untuk menawarkan penyelesaian yang bukan soal hendak naikkan harga petrol semata-mata. Pada saya *you have to provide*, dengan izin, mungkin harus diambil kita pengenalan potongan subsidi selepas sistem MRT diselesaikan sepenuhnya. Apa pun saya mahu jawapan daripada menteri, khusus adakah syarikat Data Sonic Group Berhad akan melaksanakan program sistem mekanisme subsidi ini dan berapakah bayaran kepada mereka untuk melaksanakannya.

Akhir kata, saya fikir kerajaan harus prihatin dan saya minta sekali lagi agar Kabinet mengambil kertas kerja yang disiapkan oleh Dr. Fatimah Kari dan mengambil kira impak dan kesan.

■1530

Saya boleh katakan beliau bukanlah anggota daripada Pakatan Rakyat. Dia seorang profesor di Universiti Malaya yang penting *her finding* (carian beliau) akan memberi kesan dan merupakan carian yang amat penting bagi masa depan rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tepat 15 minit. Yang Berhormat Jerlun, sila. 15 minit.

3.30 ptg.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih, *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas ruang dan peluang yang diberikan untuk membahas Akta Perbekalan Tambahan 2014 tapi sebelum itu saya bagi pihak Yang Berhormat Jerantut ingin mengalu-alukan kehadiran rombongan bekas pengerusi dan juga ketua-ketua kampung daripada Parlimen Jerantut yang ada bersama dengan kita.

Saya menyokong pembentangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan melibatkan peruntukan sejumlah RM4.112 bilion dan juga saya hanya sekadar hendak menyentuh beberapa perkara khususnya bagi Maksud B.21 Kementerian

Pertanian dan Industri Asas Tani yang melibatkan perbelanjaan RM72,217,000. Peruntukan yang dimohon adalah untuk menjamin bekalan dan juga pengedaran agro makanan bagi menangani kenaikan harga barangan yang dihadapi oleh negara.

Jadi kita kerajaan menyedari baru-baru ini kita menghadapi masalah kos sara hidup yang meningkat maka kerajaan telah mengarahkan FAMA mewujudkan lebih banyak lagi pasar tani memasarkan barangan yang mudah didapati dan juga yang diperlukan makanan-makanan asas oleh rakyat termasuk juga mengarahkan LKIM dan juga NEKMAT bagi memastikan bekalan ikan mencukupi.

Namun kita juga minta kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memastikan pengedaran beras ST15 iaitu khusus kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah dapat dibanyakkan lagi dari segi *visibility* ataupun kedapatan pengedaran barangan ini kerana kita jarang nampak barangan beras ST15 ini sama ada di kampung-kampung dan sebagainya.

Jadi satu lagi yang kita kena ingat kepada kementerian mengenai potensi masalah yang akan dihadapi iaitu kenaikan harga daging segar terutama sekali menjelang Ramadhan dan juga Aidilfitri yang akan datang. Jadi ada setengah-setengah orang beranggapan membuat gosip mungkin harga daging segar ini boleh mencecah sehingga RM40 sekilo bila hendak raya nanti.

Jadi dalam pada itu saya juga ingin menyentuh sedikit tentang industri padi dan beras yang memang kita tahu negara kita merupakan pengeluar beras sejumlah 690,000 hektar ditanam dengan padi. Pengeluaran padi berjumlah lebih kurang 2.6 juta metrik tan. Beras pula dikeluarkan sebanyak 1.7 juta metrik tan. Manakala kita juga masih bergantung dengan import beras sejumlah lebih kurang 1.03 juta metrik tan dan tahap sara diri dari segi beras adalah lebih kurang dalam 60% dan hasil yield keluaran beras ataupun padi di kawasan jelapang ketika ini adalah berjumlah lebih kurang 4.5 tan satu hektar walaupun di kawasan MADA contohnya yield nya jauh lebih tinggi. Manakala dari segi bantuan-bantuan subsidi kerajaan membelanjakan pada tahun ini sahaja berjumlah RM2.2 bilion tidak termasuk belanja-belanja bantuan kecemasan sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir dan sebagainya.

Jadi dari segi industri tanaman kita tahu aktiviti tanaman ini pada kita memang kita mempunyai teknologi-teknologi terkini yang diuruskan oleh pelbagai agensi di bawah kementerian sama ada MADA, KADA, IDA dan sebagainya dan dari sudut pengurusan tanaman ini sama ada berkaitan dengan amalan pertanian yang baik dan sebagainya memang kita sedang berada dalam tahap yang menuju kepada tahap yang baik dan sudah tentulah kita juga berhasrat dan berharap apabila selesai terutama sekali di kawasan MADA kita meletakkan sasaran sehingga lapan tan satu hektar dan sudah tentu akhir hendak *bottom line* ialah meningkatkan pendapatan petani.

Apa yang cuba saya bawa di sini adalah soal-soal berkaitan dengan kawal selia industri tanaman padi dan juga beras negara. Kita sedar bahawa dari segi sejarah pada tahun 1933 pada zaman Orang Putih ketika itu kita mempunyai Suruhanjaya Padi ataupun *Rice Commission*. Kemudian pada tahun 1971 LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara) telah ditubuhkan dengan fungsi utamanya adalah untuk mengawal harga padi dan beras untuk kepentingan petani dan juga pengguna yang sebelum itu rata-ratanya dikuasai oleh orang tengah.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Namun LPN telah pun diswastakan pada tahun 1994 maka jadilah BERNAS yang peranannya telah pun berubah lebih kepada komersial...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Machang bangun belakang.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Machang? Sila, tidak nampak.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Dalam soal usaha kerajaan untuk menambahkan hasil peningkatan hasil padi dan beras negara kalau di MADA mungkin boleh dikatakan barangkali keseluruhan daripada kawasan tanaman padinya boleh ditanam padi sebanyak dua kali setahun tetapi di Kelantan kawasan KADA sendiri pun terdapat

banyak kawasan yang tidak dapat kita usahakan padi dua kali setahun kerana masalah pengairan. Perkara ini telah dibangkitkan di dalam Dewan sesi yang lepas.

Di dalam kawasan contohnya kawasan Machang ia tidak termasuk dalam kawasan KADA. Kawasan tanaman padi 2,000 hektar lebih setahun. Kita dapat kebanyakannya hanya 20% ke 30% sahaja daripada kawasan tersebut yang padi boleh diusahakan tanamannya untuk dua kali setahun. Maka ini adalah satu kerugian yang amat besar Tuan Yang di-Pertua kerana 1,000 lebih hektar ini sekurang-kurangnya dapat mengeluarkan setiap kali penanaman empat tan satu hektar dan juga subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan adalah bernilai RM2,600 lebih keseluruhannya untuk satu hektar.

Maka di dalam peruntukan yang agak besar RM72 juta tambahan ini saya berharap pihak kerajaan dapat melihat bahawa kawasan-kawasan luar jelapang yang boleh kita usahakan untuk meningkatkan sumber air daripada sumber-sumber yang boleh dikenal pasti yang jelasnya untuk membolehkan kita melakukan penanaman padi sebanyak dua kali setahun. Setuju atau tidak Yang Berhormat Jerlun kalau saya di sini kita minta supaya kerajaan menilai dan juga membuat satu kajian yang terperinci dalam usaha menambahkan pendapatan beras negara ini supaya melihat kawasan luar jelapang agar padi boleh ditanam sebanyak dua kali setahun. Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Setuju dan jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Selepas 1994 BERNAS pula telah di *privatize* pada tahun 1996 namun BERNAS meneruskan peranan untuk membayar subsidi harga padi dan sebagainya. Jadi peranan-peranan lain dalam industri padi ini diambil alih oleh bahagian IPB (Industri Padi dan Beras) di peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Namun kita sedar mungkin di peringkat IPB juga bergantung dengan agensi atau jabatan lain sama ada MARDI, Jabatan Pertanian dan sebagainya. Jadi sudah tentulah kita juga hendakkan supaya peranan ini dikembangkan maka kita perlu kembali semula kepada penubuhan lembaga sama ada Lembaga Padi Beras Negara dan sebagainya kerana kita tahu di sektor padi ini kita bukan hanya bercakap soal subsidi, kita bukan hanya bercakap soal harga tetapi juga kita perlukan kawal selia dari segi benih padi sah juga input pertanian...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: ...Sama ada juga baja, racun dan sebagainya yang kita perlu pastikan kualiti input tersebut menepati keperluan penanam padi. Jadi kita tidak mahu bekalan-bekalan input pertanian terutama sekali barangan yang disubsidikan oleh kerajaan tidak menepati kawalan dan juga kualiti yang diperlukan. Kemudian sudah tentulah IPB ini juga menjaga pusat-pusat belian padi, menjaga harga jualan dan belian.

■1540

Kemudian berkaitan dengan pemprosesan ataupun *milling* yang semua ini memerlukan lesen-lesen dan juga sudah tentulah akhir sekali pengedaran beras termasuk juga yang saya sebutkan tadi beras ST15 untuk sasaran kepada orang-orang yang berpendapatan rendah terutama sekali di kampung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: *Quick one, please.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat, satu daripada masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian padi ialah dalam soal penswastaan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Seperti mana yang diberitahu oleh Yang Berhormat tadi, BERNAS telah diswastakan pada bulan Januari 1996 dan mengambil alih peranan LPN untuk menjadikan industri padi dan beras negara kita. Ini merupakan satu tindakan yang tidak strategik malah menjadi salah satu faktor yang menimbulkan masalah kepada sektor penanaman padi.

Beras sebagai makanan ruji negara kita harus dijaga oleh kerajaan dan bukan dipertanggungjawabkan kepada pihak swasta. Pengarah dan eksekutifnya sudah tentu ingin melihat BERNAS meraih keuntungan sebagai sebuah syarikat yang disenaraikan di bawah BSKL. Para petani pula berasa kurang senang dengan BERNAS. Ramai yang berpendapat bahawa LPN harus diwujudkan semula untuk kebaikan sektor tanaman padi

ini. Apa pandangan Yang Berhormat, sama ada BERNAS ini harus ditukar semula kepada LPN?

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Ya, saya sedang bercakap tajuk itu di mana kita perlu mewujudkan semula sebuah lembaga, *regulatory body* yang, kalau hendak sebut LPN pun okey, yang menjaga kepentingan industri tanaman padi dan juga beras. Kita menyedari, macam saya sebutkan tadi, setelah LPN menjadi BERNAS, BERNAS telah lebih kepada komersial dan sebagainya. Peranan tersebut mungkin hanya sekadar membeli padi, kemudian memastikan keuntungan dan juga pengilangan. Ini semua sudah tentu objektif sebuah syarikat.

Jadi apa yang saya cuba sebutkan dan saya telah nyatakan tadi, dalam industri ini memerlukan pelbagai aspek. Saya katakan tadi benih padi dan sebagainya termasuk pusat belian, harga jualan, *miling*, penggredan, mutu dan sebagainya termasuk juga *transborder crossing interstate* antara negeri, ini semua memang hari ini dimainkan perannya oleh IPB, Bahagian Industri Padi dan Beras di kementerian. Akan tetapi kita sedar bahawa oleh kerana magnitud kawasan tanaman pun sudah makin luas, penghasilan padi berjuta tan, maka sudah tentu saya kira kerajaan perlu mewujudkan semula satu badan ataupun lembaga yang boleh mengawal selia semua aktiviti bermula daripada benih sampailah menjadi beras.

Saya setuju dan memang saya bercakap tajuk ini, Yang Berhormat Batu Gajah. Saya setuju apa yang disebutkan tadi dan memang kita pun mahu supaya kerajaan mempercepatkan penubuhan kewujudan balik semula.

Kemudian, satu perkara lagi adalah yang mungkin orang tidak sedar dalam industri padi ini ialah aplikasi penggunaan jentera sama ada jentera membajak mahupun jentera menuai yang tidak ada satu badan pun yang mengawal selia. Contohnya kalau kenderaan biasa, mungkin JPJ yang dibenarkan mengawal selia, menguatkuasakan undang-undang di atas jalan-jalan yang digazet. Akan tetapi mungkin apabila seseorang membeli traktor membajak atau menuai ini hanya sekadar mendaftar kemudian selepas itu tidak ada sesiapa yang menjaga mereka. Jadi masalah yang kita lihat di bawah sana adalah penggunaan jentera yang tidak terkawal dan ini juga membawa kesan buruk untuk jangka panjang.

Antara isu yang baru yang memang telah berlaku di Kedah, contohnya di kawasan MADA, adalah berkaitan dengan tanah jerlus. Tanah jerlus ini kalau definisinya adalah alas galas tanah ataupun bearing kapasitinya tidak kurang daripada tiga *megapascal @ 300 millimeter depth* ataupun pada kedalaman 300 milimeter. Maksudnya ialah tanah sawah ini dia ada tanah yang lembut di atas, kemudiannya di bawahnya ada lebih kurang 300 milimeter ini dia ada macam kek pan. Jadi bila penggunaan jentera yang begitu berat, jentera yang mungkin tidak dikawal ini berleluasa, maka ia merosakkan tanah. Jadi di Kedah kita mempunyai masalah tanah jerlus yang kononnya puncanya hanyalah berkaitan dengan saliran. Katanya tali airnya tinggi daripada sawah bendang, jadi air di bendang tidak dapat keluar. Lama-lama ia kumpul menjadi lumpur dan akhirnya menjadi tanah jerlus. Mungkin itu salah satu puncanya.

Akan tetapi dalam masa yang sama juga, kita melihat antara punca-puncanya mungkin daripada *combine harvester* ataupun mesin tuai ini yang berat tanpa muatannya ialah lapan tan, dan kalau berat dengan muatan, 11 tan. Ada satu model lagi, 8060, berat tanpa muatan ialah sembilan tan dan berat dengan muatan 13 tan. Akan tetapi ada juga pemilik jentera ini yang hebat orangnya, menggunakan teknologi Dunia Ketiga, *Third World technology* yang telah memodifikasi (*modified*) tangki isi padi itu menjadikan kadang-kadang daripada 13 tan mungkin mencecah sampai 20 tan. Jadi lama-kelamaan, tanah-tanah yang digunakan untuk penuaian ini menjadi rosak.

Maka, sudah tentulah kita hendak supaya ada satu badan yang sudah tentu boleh dikawal oleh LPN ataupun lembaga ini memastikan hanya berat tertentu sahaja boleh dibenarkan. Sama juga dengan jentera membajak. Kalau yang kuasa kudanya (*horse power*) 75 ke 90, beratnya purata lebih kurang tiga tan, tetapi ada juga yang datang dari Thailand yang menggunakan *full track*, pakai traktor yang macam buldozer itu, beratnya lima tan. Jadi ini juga adalah sebahagian daripada puncanya.

Kesan daripada tanah jerlus di MADA, kita menghadapi 7,000 hektar tanah yang rosak. Kemudian, kerajaan melalui Kementerian Pertanian membelanjakan RM27 juta untuk membaiki tanah rosak ini. Tidak cukup dengan itu, kementerian juga ataupun MADA juga

meminta petani yang terlibat lebih kurang 3,000 orang berhenti buat bendang. Dua musim. Maka kita kena bayar wang ihsan iaitu pampasan kepada cuti mereka lebih kurang RM2,645.50 satu hektar satu musim. Jadi jumlah semua yang terlibat baru-baru ini ialah RM36 juta.

Jadi untuk jangka panjang, kita hendak supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melihat semula isu-isu keseluruhan yang berkaitan dengan industri ini termasuk juga hendak *regulated*, hendak membuat had-had ataupun penguatkuasaan penggunaan-penggunaan jentera ini kerana ia boleh memudaratkan industri ataupun tanah-tanah bendang ini untuk jangka panjang. Akhir sekali, kerajaan juga yang perlu bantu dengan mengeluarkan bantuan-bantuan yang mungkin tidak ada dalam bajet tetapi diperlukan kerana tanah itu tidak dapat diusahakan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Ini sudah hendak gulung. Jadi dari segi kawal selia, kita perlu ada. Sudah sampai masa kita wujudkan semula satu lembaga ini. Apa pun namanya, yang pentingnya ialah dia hendak mengawal industri padi daripada benihnya sampai jadi beras, kemudian sampailah akhir sekali kita serah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengawal selia dari segi penjualan beras tersebut. Jadi kita sedar bahawa industri padi sudah makin besar, makin kompleks dan kita harapkan kerajaan dengan segera membantu kita semua untuk mewujudkan lembaga ini agar industri padi ini akan terus kekal dan akhir sekali kita dapat memastikan keperluan *food security* bekalan beras ini akan terjamin di mana depan.

Jerlun mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

3.49 ptg.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan juga laluan kepada saya untuk turut sama berbahas pada petang ini.

Pertama, saya ingin merujuk kepada Perbekalan tahun 2013 yang telah pun merekodkan peruntukan tambahan sebanyak dua kali yang berjumlah lebih daripada RM17 bilion yang mana RM14 bilion pada September 2013 dan RM2.4 bilion pada Mac 2014. Jadi pada hari ini, Dewan Rakyat sekali lagi menyaksikan kerajaan meminta peruntukan tambahan sejumlah RM4 bilion bagi tahun ini.

■1550

Saya bimbang sikap kerap kali memohon peruntukan tambahan ini secara tidak langsung mencerminkan ketidakcekapan kerajaan dalam mengurus tadbir kewangan negara di mana kesemua perbelanjaan tambahan bagi enam item yang telah tersenarai dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014 ini sebenarnya telah pun turut tersenarai dalam perbelanjaan tambahan 2013. Contohnya melibatkan Kementerian Pendidikan, Perbendaharaan dan juga Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sebagai contoh telah pun meminta perbelanjaan tambahan 2013 sebanyak RM323 juta. Manakala pada kali ini meminta sebanyak RM634 juta. Walhal dia telah pun mendapat RM38.7 bilion pada tahun 2013 dan menokok pada tahun ini RM54.6 bilion. Soalnya, adakah perbelanjaan yang besar ini sebenarnya telah memberi pulangan yang baik, pulangan yang lumayan kepada sektor pendidikan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa isu pendidikan ini sebenarnya sentiasa dinamik dan berlaku perubahan supaya para pelajar dan juga tenaga pendidik boleh mengadaptasi cabaran semasa pada hari ini. Akan tetapi itu tidak boleh menjadi satu alasan atau pun itu tidak bermakna pihak kementerian sewenang-wenangnya bertindak seperti contoh menggubal polisi-polisi yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa menelan kos yang banyak serta dilihat tidak ada perancangan yang teliti dalam mengurus dan mentadbir kementerian ini. Sebagai contoh, Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains

dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) yang diperkenalkan pada tahun 2003 yang lalu yang kemudiannya dimansuhkan pada tahun 2012 setelah mendapat pelbagai kritikan termasuklah dari kalangan guru-guru sendiri.

Soalnya apakah hasil sedemikian lama pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris antara tahun 2003 hingga 2012? Apakah hasilnya? Kalau kita lihat ia hanya meningkatkan sekadar 4% penguasaan bahasa Inggeris dan menurut satu kajian yang dilakukan oleh pakar bahasa yang mana ia menunjukkan kerugian berganda pula khususnya terhadap 75% murid yang tergolong dalam kategori sederhana dan juga lemah dalam mata pelajaran berikut iaitu Matematik dan juga Sains.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan kosnya? Tadi soal pencapaian, kosnya pula bagaimana? Saya lihat kos keseluruhan membangunkan *teaching cost ware* PPSMI ini sebanyak RM200 juta dan kos *hardware* berjumlah RM2.66 bilion yang akhirnya kita juga dapat melihat bahawa kos pertukaran dasar PPSMI kepada dasar memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris (MBMMBI) ini telah menelan kos sebanyak RM800 juta. Begitu juga dengan isu pergabungan semula Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kementerian Pelajaran. Sedangkan sebelum ini pada tahun 1998 kita menggunakan Kementerian Pendidikan yang kemudiannya ditukar kepada Kementerian Pelajaran dan setelah itu dipecahkan kepada dua kementerian. Apabila lantik menteri baru, kembali ditukarkan semula kepada Kementerian Pendidikan.

Jadi, saya melihat bukan sahaja tidak cermat dan tidak teliti dalam tindakan perancangan berubah setiap kali berubah menteri, dia juga akan melibatkan kos yang begitu tinggi. Inilah yang akhirnya terpaksa memohon lagi, memohon lagi bajet tambahan kerana peruntukan yang telah sedia ada hanya dibazirkan dan dilepaskan begitu sahaja dalam perkara-perkara yang tidak sepatutnya dan tidak sewajarnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya antara isu utama yang dibangkitkan mengenai pendidikan di negara kita adalah kalau kita lihat isu yang hangat sebelum ini ialah pelaksanaan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) yang telah diperkenalkan sebagai satu mekanisme untuk menilai kualiti pelajar secara holistik dan tidak hanya berorientasikan sistem pemeriksaan semata-mata. Apa yang menjadi rungutan awal pihak guru terhadap sistem ini ialah mereka mempertikaikan bagaimana awalnya dahulu kementerian pendidikan boleh menggunakan teknologi yang lama untuk memudahkan tugas para guru dalam menghadapi tugas ini.

Contohnya, isu yang berbangkit sebelum ini ialah soal *browser Internet Explorer* dan juga *bandwidth* yang begitu terhad dan sebagainya. Syarikat mana yang bertanggungjawab membangunkan sistem PBS ini dan berapa pula sebenarnya kos yang telah dihabiskan yang akhirnya pada bulan Februari yang lalu PBS terpaksa ditangguhkan. Menteri Pendidikan II sendiri telah mengakui bahawa kerajaan agak gopoh dan terburu-buru dan juga ghairah melaksanakan sistem PBS kepada guru-guru dan pelajar yang akhirnya terpaksa ditangguhkan dan telah pun terpaksa menghabiskan sejumlah kos yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan segala dasar dan sistem ini di manakah sebenarnya kedudukan pendidikan negara kita setelah mengambil kos yang sedemikian banyak? Saya melihat dua *indicator* utama iaitu *trend in International Mathematic and Science Study 2011* dan juga *the Programme for International Student Assessment (PISA) 2012*, dengan izin yang mana telah mencatatkan kedudukan Malaysia yang terperosok jauh di bawah jika dibandingkan dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain yang mana kedua-dua *indicator* ini adalah bukti sebahagian daripada keberkesanan daya saing sistem pendidikan negara.

Kementerian Pendidikan menghadapi kegagalan apabila kedudukan Malaysia dalam TIMSS 2011 dan juga PISA 2012 ini lebih buruk daripada yang sebelum daripadanya. Jadi, secara tidak langsung kita sebenarnya terus meragui sejauh manakah pula keampuhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 sehingga 2015 yang telah menyasarkan kononnya untuk meletakkan Malaysia menduduki tangga yang tinggi, sepertiga teratas di kalangan negara-negara lain. Apakah ini telah tercapai melalui pelan pembangunan pendidikan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 2020 yang akan datang kita melihat Kementerian Pendidikan telah pun menyasarkan untuk menjadi hak pendidikan di rantau ini dengan anggaran enrolmen pelajar antarabangsa berjumlah 200,000. Selain itu, kita

melihat kementerian juga dikatakan komited untuk memastikan sebanyak 50% para pelajar lepasan SPM menduduki tempat di IPTA dan juga IPTS dan 33% daripada tenaga kerja disebut juga selepas itu akan dipastikan adalah daripada mereka yang mendapat kelayakan di institusi pengajian tinggi.

Maka saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimana status perkembangan sasaran-sasaran tersebut pada tahun ini supaya kita mahu pastikan perbelanjaan Kementerian Pendidikan yang begitu banyak tadi mempunyai *values for money* yang boleh kita yakin dan kita boleh memberikan satu tabik hormat kepada pencapaian Kementerian Pendidikan khususnya dalam negara kita setelah sedemikian jumlah yang begitu banyak diperuntukkan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit mengenai UiTM, saya melihat tindakan pengurusan UiTM untuk memohon kenaikan kos pembayaran konsesi ekoran daripada pelaksanaan gaji minimum, ini sebagai satu contoh yang menunjukkan bahawa kenaikan harga barang dan juga perkhidmatan di seluruh negara kita pasti berlaku disebabkan kos operasi syarikat meningkat dan disebabkan dasar gaji minimum dan saya kira dijangka akan terus meningkat rentetan daripada pelaksanaan GST pada tahun yang akan datang.

■1600

Selain daripada itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan sebuah institusi di bawah UiTM yang terawal diberikan amanah untuk menyediakan pendidikan prauniversiti luar negara ataupun juga disebut sebagai Pusat Pendidikan Persediaan atau pun Program Persediaan Luar Negeri. Daripada maklumat yang kita peroleh, hasil daripada *special project* Vice Chancellor UiTM, institusi ini ditransformasikan kepada institusi pengajian swasta.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan projek ini adakah jumlah pelajar sebelum ini yang ditaja oleh pihak MARA dan juga JPA berkurangan hasil daripada transformasi ini sehingga dikatakan ia telah menjejaskan masa depan institusi ini.

Jadi saya harap ia dapat diberikan penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan beberapa persoalan yang saya kemukakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi sedikit ruang kepada saya pada petang ini untuk memohon penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis.

4.02 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi memberi laluan kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2014. Saya di kesempatan ini ingin menyentuh maksud B.21 - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang sebagaimana kita ketahui bahawasanya peranan seorang Menteri atau Timbalan Menteri cukup berkesan sekali dalam jangka masa yang baru bermula penggal ini. Mereka bekerja kuat untuk memastikan pertanian ini dapat berjalan dengan lancar supaya memastikan penduduk-penduduk luar bandar dapat memainkan peranan di bawah agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini seperti Jabatan Pertanian sendiri, Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA, MARDI, Agrobank, Veterinar dan sebagainya seharusnya memainkan peranan yang lebih penting bagi memastikan perladangan-perladangan di peringkat kampung-kampung ini atau di luar bandar khususnya kita dapat memainkan peranan yang penting kerana masyarakat bandar ini masih kebanyakannya bergantung kepada pertanian.

Kita memuji beberapa agensi yang memainkan peranan penting dalam usaha memastikan pertanian di luar-luar bandar ini dapat hasil yang baik. Kadang-kadang rakan-rakan kita ada menyebut soal BR1M. Memang betul BR1M ini adalah sekadar *one-off* yang mana lebih kurang RM600 atau RM700 ini digunakan beberapa hari akan habis dan bergantung kembali kepada perkara-perkara lain.

Jadi dalam usaha ini saya percaya Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini masih ramai sebenarnya yang datangnya daripada mungkin kawasan kampung-kampung yang memerlukan pertanian lebih penting dalam usaha sebagaimana yang kita katakan untuk menstabilkan dari segi pembekalan makanan itu sendiri.

Jadi dalam usaha ini, selain daripada Veterinar yang baru-baru ini kita tahu ada membuka untuk memberi subsidi bantuan lembu dan sebagainya dan usaha ini harus diteruskan bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik. Subsidi baja umpamanya, benih dan sebagainya dan perkara ini harus dilihat seterusnya.

Di samping itu pengusaha-pengusaha pertanian perlulah diperbanyakkan. Namun saya melihat masalah utama yang timbul dalam sektor pertanian negara kita hari ini adalah kekurangan tenaga kerja itu sendiri. Kekurangan jentera itu sendiri. Hal ini kerana umumnya golongan muda yang masih menjadi tunjang kepada pembangunan negara kurang berminat untuk menceburi sektor pertanian. Mereka menganggap sektor ini tidak popular dan tidak dapat mendatangkan hasil yang lumayan.

Mengikut data yang dikeluarkan oleh Persatuan Peladang Bersatu Malaysia jumlah dan bilangan ladang yang mengalami masalah kekurangan tenaga buruh di Semenanjung meningkat dari tahun ke tahun. Peratusan menunjukkan tenaga kerja yang berumur 55 tahun ke atas ialah sebanyak 21.4% keseluruhan sehingga ada sesetengah pihak terpaksa mengambil pekerja-pekerja asing. Apakah langkah kementerian dalam mengatasi masalah ini bagi mengelakkan orang-orang muda ini untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian.

Saya berpendapat sektor pertanian ini adalah yang pentingnya datang dari Jabatan Pertanian itu sendiri. Kadang-kadang kalau kita melihat Jabatan Pertanian itu sendiri kelihatan begitu suram sekali, tidak begitu ceria kerana beberapa faktor yang mungkin kita perlu atasi dalam hal ini untuk memajukan sektor pertanian ini sendiri untuk memastikan daripada segi aspek pemakanan itu sendiri. Saya hendak merakamkan ucapan tahniah juga kepada kementerian kerana secara tidak langsung dapat meningkatkan pengeluaran dan kecekapan dalam proses pengeluaran.

Walau bagaimanapun dalam soal ini kita nampak beberapa ciri yang harus kita tingkatkan dalam usaha bagaimana hendak mengusahakan pertanian ini ke arah yang lebih maju. Oleh sebab itu kalau dalam bajet tambahan ini kita juga perlu meletakkan beberapa aspek yang untuk memastikan pertanian ini boleh kita dapat membekalkan makanan untuk negara dan aspek-aspek lain. Di sebalik usaha yang menyeluruh ini, sejauh manakah kementerian itu sendiri berjaya memperkenalkan jenama Malaysia atau Malaysia Best di peringkat antarabangsa itu sendiri?

Kita tahu peranan FAMA. FAMA memainkan peranan. Hari ini kita sudah buka kiosk-kiosk memperkenalkan makanan kita seperti di Singapura, di Britain dan sebagainya, kita sudah buka. Akan tetapi dalam soal ini, adakah kita mampu untuk membekalkan bekalan makanan ini ke luar negara sedangkan kita bercakap dalam soal di negara kita sendiri masih banyak kekurangan dari segi bekalan makanan itu sendiri. Saya bercadang...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Minta pencilahan. Boleh Yang Berhormat Lipis?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Hebat Yang Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua, dari awal melihat hujahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Lipis dalam segi pertanian untuk mengangkat semangat anak muda untuk menyertai pertanian tidak termasuk dalam perbincangan Yang Berhormat Lipis, petanda awal dasar yang boleh kita laksanakan dalam mengimbangi kekuatan pertanian di Thailand sebagai contoh.

Saya melihat sudut ini apakah Yang Berhormat Lipis bersetuju bahawa permulaan asas semangat untuk mereka berkecimpung dalam pertanian ini kena bermula daripada

sekolah rendah lagi ditanam semangat itu hinggakan pengetahuan itu dilanjutkan kepada sekolah menengah.

Adakah Yang Berhormat Lipis bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Langat menyatakan bahawa tekanan untuk memastikan aura, roh pertanian itu diselami oleh anak muda perlu bermula daripada peringkat rendah. Apakah Yang Berhormat Kuala Lipis bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Langat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kepada Yang Berhormat Kuala Langat memang dahsyat. Yang Berhormat Kuala Langat, sebenarnya apa jua perbuatan kita sebenarnya bermula daripada peringkat awal tidak kira dari segi pertanian itu sendiri. Kalau kita melihat contoh-contoh yang ada di hadapan kita, sebagai contoh sebuah *workshop* itu sendiri kita tengok anak-anak kecil dia sudah mula daripada *workshop* itu cuci skru, cuci sepana, maknanya mereka sudah dididik dari kecil.

Mungkin oleh sebab itu kita hendak merubah daripada perubahan zaman ini seperti mana saya katakan tadi anak-anak muda tidak berminat dari segi sektor pertanian mungkin kerana tidak bermula daripada kecil tetapi bagaimanakah pihak pertanian ataupun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu sendiri untuk merubah anak muda ini menjadi berminat kepada sektor pertanian. Jadi kita perlu, bagaimana hendak mendidik?

Saya hendak kaitkan sebagai contoh pejabat pertanian sendiri dalam kawasan saya. Dalam kawasan saya sendiri di pejabat pertanian. Saya sudah pergi ke pejabat pertanian. Saya cuba semak apakah sebab kalau kita melihat kepada zaman dahulu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini ataupun dari pejabat-pejabat pertanian ini dan saya juga pernah terlibat secara langsung dalam sektor pertanian mereka datang memberi tunjuk ajar. Ketika itu koko cukup *famous* sekali dengan kadar harga RM18 sekilo kalau tidak silap saya tahun 1985, kalau tidak silap saya. Waktu itu saya terlibat.

■1610

Jadi dalam soal ini, pertanian datang bagaimana hendak mencantumkan benih tersebut untuk mengeluarkan hasil yang baik akan tetapi sekarang, saya tidak melihat lagi. saya turun ke padang, turun ke kampung-kampung, saya tanya, kenapa? Dia kata, tak ada lagi orang pertanian datang untuk mengajar kami. Jadi inilah yang perlu kita merubah. Saya pula bertanya ke pejabat pertanian, apakah punca-punca sedemikian rupa?

Dia bagi tahu pula, punca-puncanya dalam kita kena masuk dalam bajet tambahan. Puncanya, kenderaan yang mereka gunakan zaman 1980. Hari itu, pada hari semalam, kita dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri KDN. Dia kata kereta lebih 12 tahun, peronda lebih 12 tahun, pertanian sudah melebihi 30 tahun, dia hendak pergi takut rosak. Hendak masuk kawasan pedalaman.

Jadi ini yang saya hendak sebutkan dalam bajet tambahan, yang ada dalam teks saya yang disebut oleh Yang Berhormat Langat sebentar tadi supaya perkara ini perlu dirobah. Sebagai contoh, traktor. Dalam satu kawasan daerah Lipis, kita hanya ada sebuah traktor sahaja, traktor yang dalam zaman cukup tua sekali yang hendak bergerak dari satu kawasan ke satu kawasan untuk membajak, membantu petani-petani tanam jagung, tanam sayur yang terpaksa mengikut jadual yang cukup ketat sekali.

Jadi saya mohon supaya perkara ini dapat diatasi dengan menambahkan jentera-jentera baru, bagi kenderaan-kenderaan baru, pajero-pajero baru. Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah ada di sini, bagi tambah supaya pertanian ini untuk membekalkan makanan negara, mestilah kita kedudukan ini, mestilah kelihatan canggih. Setuju pula Yang Berhormat Langat? Kita hendak canggih supaya ia menjadi satu sektor yang boleh membantu petani-petani. Selain daripada terima kasih dengan bantuan-bantuan kerajaan yang diberikan, subsidi benih dan sebagainya..

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Baja dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Boleh Yang Berhormat Lipis?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Boleh.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya hendak mengajak Yang Berhormat Lipis berfikir dari segi sudut ini bahawasanya kita selama ini, minta maaf dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we have done well* dalam bidang pertanian. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Lipis tadi, kalau dahulu *extension service* dalam bidang pertanian, nombor satu kelas. Sehingga negara kita popularlah dengan produk-produk pertanian. Sekarang ini sudah *Thailand has taken over* dengan izin.

Jadi pada pandangan saya, saya tak tahu sama ada Yang Berhormat Lipis setuju atau tidak, kita dahulu, kita sudah bagus dalam bidang pertanian, kita hendak pergi kejar bidang perindustrian. *So we*, kita beralih dalam bidang perindustrian, *at the expense of agriculture*. Tak bolehkah kita hebatkan bidang pertanian di samping kita teruskan meneroka dalam bidang-bidang industri? Kalau itu menjadi dasar kita, saya percaya apa yang Yang Berhormat Lipis hasratkan insya-Allah akan berjaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota, sahabat lama ini. Saya sebenarnya sememangnya waktu itu jarak antara kita berubah kepada perindustrian daripada pertanian kepada perindustrian memang pada tahun 70-an, 80-an, kita memang hebat dari segi pertanian. Mungkin kita boleh bersaing dengan Thailand itu sendiri. Akan tetapi dalam jangka masa bila kita merobah kepada negara industri yang telah menjadikan kita makmur dan maju sekarang ini, sudah pastilah ramai yang melibatkan dalam bidang pertanian cuba beralih arah. Jadi sekarang ini, kita berpendapat supaya dalam hal ini kita masih lagi ramai penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar, saya percaya Yang Berhormat Kuala Krau sendiri masih ramai penduduk yang mengusahakan pertanian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya ingat Temerloh sendiri ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lagi dua minit. *[Ketawa]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Masih ramai yang mengusahakan pertanian. Saya ingat tadi sebut tadi dapat lebih sikit waktu. *[Ketawa]* Rupanya makin dipotong waktu itu. Jadi, saya ingat tak hendak membantu juga sebab Yang Berhormat Kuala Krau tak boleh hendak berucap. Saya hendak membantu sebut tentang Kuala Krau yang mana saya percaya Kuala Krau dan Lipis ini adalah sama kedudukan dalam apa jua sudut sekali pun, dari segi pertanian, dari segi ekonomi dan sebagainya. Berbeza dengan Indera Mahkota. Indera Mahkota sudah ada Lynas semua sudah cukup maju. Sudah ramai dapat bekerja di Lynas dan sebagainya. Saya dengar ramai yang dapat bekerja di Lynas.

Jadi kita ini yang masih duduk di kampung, betul Temerloh ya? Setuju ya? Kita masih di kampung ini yang masih memerlukan masyarakat kampung, jadi inilah perlunya yang kita bantu. Jadi apa yang perlu kehadiran dan kepakaran pegawai-pegawai pertanian diperlukan ditempatkan. Kita tidak ada kadang-kadang kepakaran itu sendiri.

Mungkin dari *technician* dan sebagainya kita ada tetapi yang cukup pakar dalam bidang untuk membuat kajian yang boleh mendatangkan hasil yang baik. Jadi kalau kita boleh mendatangkan hasil yang baik, sudah pastilah penjimatan perbelanjaan itu sendiri. Jimat dari segi tak payah hendak bagi BR1M lagi umpamanya sebab ekonomi sudah baik sedangkan sekarang ini penduduk-penduduk kampung, kita semua tahu, harga getah pun sangat rendah yang hanya sekadar dalam persekitaran RM2, kadang-kadang RM1.90 sen, kadang-kadang RM2.10 sen. Turun naik tidak menentu. Sebab itu kita perkukuhkan melalui pertanian itu sendiri. Maksudnya menambah hasil di peringkat kampung itu sendiri.

Sebab itu kita menggalakkan supaya jentera-jentera yang boleh membantu bagi melancarkan gerak kerja petani-petani tenaga mahir kepada petani-petani kecil seperti pegawai-pegawai pengembang pertanian itu sendiri perlu diwujudkan untuk memastikan petani-petani ini tidak terbiar sebagaimana tanah-tanah terbiar yang begitu banyak sekali. Kita jangan biarkan petani-petani yang banyak terbiar.

Saya hendak sentuh sedikit lagi, saya hendak tukar tajuk kepada Kementerian Pendidikan. Saya hendak rakam ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan. Dalam sidang yang lalu, saya sendiri juga yang membangkitkan iaitu bagaimana kita hendak mengisi graduan-graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan tahniah pada Jun 2013, seramai 4,566 graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari institut pengajian tinggi awam telah ditemu duga. Maka, seramai 2,733 telah berjaya dalam temu duga tersebut dan yang masih tidak berjaya, jadi calon simpanan sehingga Mei 2015, seramai 1,595.

Persoalannya sekarang ini, adakah calon-calon simpanan ini yang diletakkan dalam jawapan sehingga 16 Mei 2015, akan boleh diberi jaminan sehingga tarikh tersebut? Maknanya lebih kurang hampir setahun lagi mereka terpaksa menunggu sedangkan calon-calon simpanan ini menunggu sebelum ini selama setahun. Terpaksa menunggu lagi setahun. Dalam soal ini, siapakah yang akan diberi keutamaan sebab selepas ini akan keluar lagi calon-calon baru. Tak lama akan keluar pula lagi seramai mungkin hampir sama 4,000 lebih. Jadi yang 1,595 ini akan bercampur kembali dengan 4,000 lebih.

Jadi apakah jaminan Kementerian Pelajaran Malaysia kepada mereka ini sedangkan mereka ini sudah cukup terlatih dalam bidang perguruan. Sudah terlatih dan harapan mereka untuk mengajar sekarang ini. Sedangkan kadang-kadang kalau kita melihat, sekolah-sekolah hulu, sekolah-sekolah kampung, bila kita datang merasmikan persatuan PIBG dan sebagainya, bila kita tanya apakah permasalahan di sini? Ada yang bagi tahu, "Kami kekurangan guru, kami kekurangan guru opsyen". Akan tetapi sedangkan yang ini masih banyak. Ada yang masih menunggu, kenapa tidak diisikan? Yang berkait rapat dengan masalah ini adalah dengan pengurusan sumber manusia dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Apabila Jabatan Perkhidmatan Awam tidak membuka jawatan bagi PPS DG41 atau KPM sendiri tidak mengemukakan permohonan kepada JPA, sudah pastilah jawatan ini tidak akan terbuka. Ini memberi banyak dan kita berharap supaya KPM akan membuat permohonan. Kemungkinan tidak mencukupi. Tidak mencukupi dari banyak sudut. Jadi kita berharap supaya KPM ini sendiri memohon kepada JPA supaya mereka ini dapat ditempatkan di tempat-tempat yang mungkin masih banyak kekosongan. Tidak kiralah Sabah ke Sarawak, mungkin masih banyak kosong sebab kita tahu, sebut Sabah dan Sarawak ini, ramai pula yang merayu tak hendak pergi Sabah dan Sarawak.

Kadang-kadang memilih pula Tuan Yang di-Pertua, memilih tak hendak pergi Sabah dan Sarawak. Kadang-kadang saya pun hairan juga, saya selalu bagi tahu kepada mereka, kenapa tak hendak pergi Sabah dan Sarawak?

■1620

Masa mudalah kita hendak seronok di tempat orang. Sudah tua esok kita balik, selepas tiga tahun. Akan tetapi itu yang menjadi tidak mahu jadi, macam Yang Berhormat Gerik kata tidak mahu jadi. Saya dengar suara dia, tidak mahu jadi. Saya hairan baru keluar 23, 24 tahun itu yang kadang-kadang mungkin dalam temu duga, kalau boleh saya tidak hendak ditempatkan di Sabah, Sarawak, itu yang menyebabkan ia menjadi calon simpanan. Jadi, saya merayu kepada pihak KPN supaya mengambil langkah sesuatu bagi pengisian 1,595 ini. Saya tengok dalam *Facebook* dan sebagainya mereka dalam keadaan suasana yang sedih kerana hendak menunggu setahun dan selepas setahun itu mungkin kena temu duga lagi, jadi dua kali temu duga. Jadi, harapan mereka dan keluarga untuk menjadi seorang guru boleh tercapai. Saya rasa sekadar itu Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut serta berbahas. Saya mohon menyokong.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

4.21 ptg.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy Wong [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan beberapa isu yang berkenaan di negeri Sabah khususnya di Kota Kinabalu. Pertama sekali kegiatan perjudian haram di negeri Sabah semakin berleluasa dan serius. Masalah ini hendaklah

diselesaikan secepat mungkin. Saya difahamkan bahawa walaupun pihak penguat kuasa telah mengambil tindakan untuk membanteras judi haram ini tetapi saya tidak nampak apa-apa perubahan malah masalah tersebut masih berterusan dan semakin serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa risau terhadap kegiatan judi haram ini kerana ia akan menimbulkan masalah-masalah sosial yang serius. Saya ingin tahu apakah faktor-faktor yang menyebabkan kegiatan ini tidak boleh dibanteras. Apakah tindakan yang akan terus diambil oleh pihak berkuasa supaya menyelesaikan masalah tersebut. Adakah kerajaan sedar betapa seriusnya keadaan perjudian haram di seluruh Sabah. Saya berharap kerajaan mengambil maklum agar mengambil tindakan yang tegas untuk membanteras kegiatan perjudian haram di Sabah.

Kedua, kami sedar bahawa *over budget* dalam projek-projek kerajaan sering berlaku ataupun projek tersebut telah siap dibina dengan perbelanjaan yang lebih mahal sepertimana yang kita tahu pembinaan KLIA2 atau MRT telah beberapa kali menambah peruntukan dan perbelanjaan yang melebihi. Wang-wang tersebut dari kerajaan adalah wang rakyat. Rakyat mempunyai hak untuk mengetahui mengapa peruntukan itu digunakan begitu besar dan apakah rasionalnya untuk menambah perbelanjaan? Saya dapat tahu bahawa satu projek naik taraf di Sabah, di Tawau dari Lapangan Terbang Tawau ke Balung sepanjang 15 kilometer perbelanjaan sebanyak RM160 juta, lebih RM10 juta bagi satu kilometer. Ini hanya naik taraf. Ini bukan satu pembinaan yang baru tetapi ia hanya satu projek naik taraf. Mengapakah ia menggunakan peruntukan yang begitu besar sedangkan projek naik taraf dijalankan Jalan Kalabakan sepanjang 145 kilometer hanya menggunakan peruntukan sebanyak lebih kurang RM650 juta dengan satu kilometer hanya menggunakan RM5 juta sahaja. Ini baru. Saya berharap kementerian berkenaan boleh memberikan penjelasan.

Ketiga, saya difahamkan bahawa Malaysia akan dilanda kesan *El Nino* pada pertengahan tahun ini. Sungguhpun Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mengingatkan semua pihak bahawa *El Nino* ini akan menjejaskan semua orang dan kemungkinan Malaysia akan mengalami musim kemarau yang lebih serius daripada tahun-tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua. Saya dimaklumkan bahawa kementerian telah mengambil tindakan awal untuk menangani masalah yang akan timbul. Namun begitu, saya ingin mengingatkan pihak yang berkenaan bahawa kawasan Tawau mungkin akan mengalami masalah kekurangan air atau gangguan bekalan air seperti yang berlaku pada awal tahun ini. Tawau adalah bandar ketiga terbesar di Sabah tetapi sehingga hari ini belum ada satu *water dam* lagi.

Saya telah beberapa kali membangkitkan isu ini di Dewan Undangan Negeri Sabah bahawa kawasan Tawau amat memerlukan satu *water dam* untuk pengaliran air yang stabil dan juga mencegah banjir melanda Tawau. Walaupun kerajaan negeri telah menyediakan tanah seluas 679 ekar di gudang bertempat Tawau, ini pampasan pun sudah dibayar tetapi sudah lebih 20 tahun tetapi sehingga hari ini masih lagi- pembinaan *water dam* itu dan juga jangkaan pembinaan akan dimulakan pada awal tahun ini tetapi pembinaan itu masih belum dimulakan. Saya dimaklumkan bahawa mereka sedang dan masih menunggu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

Jadi kalau Kerajaan Persekutuan mahu rakyat diutamakan, saya berharap kerana air adalah keperluan asas rakyat. Saya berharap *water dam* dibina dengan segera. Dua soalan yang ingin ditanya ialah pertama, bagaimana kementerian akan menangani masalah kekurangan air yang mungkin dihadapi di Tawau? Kedua, bilakah *water dam* tersebut akan mula dibina?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini *Draft Kota Kinabalu Local Plan 2020* yang dicadangkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah dihebohkan dengan bantahan daripada penduduk-penduduk Kota Kinabalu. Mereka membantah kerana mereka risau pantai awam yang terakhir terletak di Bandar KK, Tanjung Aru akan ditukar sebagai pembangunan komersial, menjadikan pantai tersebut tidak lagi dimiliki oleh orang awam tetapi dimiliki oleh golongan kaya. Menurut *draft local plan* tersebut, Pantai Tanjung Aru pada mulanya merupakan ruang awam yang berwarna hijau tetapi ditukar ataupun *region* menjadi kegunaan hotel dan *resort* yang berwarna merah. Ia bermakna komersial. Walaupun isu ini merupakan isu negeri dan bandar raya, di sini saya mahu dan hendak mempertikaikan keputusan DBKK tersebut telah menunjukkan DBKK tidak menghormati kemahuan rakyat dan tidak mengutamakan keperluan rakyat...

■1630

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, boleh celahan sedikit? Sebab kawasan Tanjung Aru itu kawasan Parlimen Putatan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh? Yang Berhormat Kota Kinabalu, terima kasihlah kerana menimbulkan persoalan tentang cadangan untuk membangun pantai Tanjung Aru. Ini amat dialu-alukanlah. Sebenarnya Yang Berhormat, Yang Berhormat ini saya lihat mengelirukan Dewan. Cadangan untuk membangunkan kawasan Tanjung Aru itu bukan kepunyaan syarikat-syarikat. Ini masih kepunyaan DBKK. Akan tetapi ada ruang-ruang yang di mana orang awam boleh masuk.

Lihat betul-betul cadangan itu Yang Berhormat. Jangan mengelirukan Dewan, ini tidak baik. Oleh sebab itu kawasan saya. Saya juga tengok kawasan itu dan saya puas hati kerana ini— yang kita lihat pada sekarang ini keadaan Tanjung Aru itu amat teruk sekali dan ini perlu diperbaiki untuk mentransformasikan ekonomi kawasan Kota Kinabalu. Ini baik-baik untuk rakyat kita. Setuju Yang Berhormat?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey, terima kasih. Akan tetapi kami sudah pun nampak itu warna ada lain. Itu maka Prince Philip Park, iaitu *open space*. *Open space* warna hijau. Tahukah Yang Berhormat? Jadi, kita jangan *color blind*. *We have to see is green than it is open for the public. So, if you don't see green, it is not the public open space isn't it? You just listen to my speech, okay. Thank you.*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, tengok Speaker, tengok Speaker.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *It is for the rakyat!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, so *confine* fasal itu *state matters* Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, ya. Menurut sasaran kerajaan, kerajaan berhasrat untuk mencapai tahap antarabangsa bahawa *open space* ataupun ruang awam haruslah mengikut nisbah populasi 1,000 orang mempunyai dua hektar. Akan tetapi sasaran tersebut masih lagi jauh daripada hakikat sekarang. Dari segi keseluruhan keperluan ruang awam di negara kita masih kekurangan ruang awam sebanyak 39,200 hektar. Sebenarnya penduduk Kota Kinabalu mahu mengekalkan pantai awam Tanjung Aru sebagai ruang awam dan ia haruslah di naik taraf sebagai taman awam dan bukan menjadi satu pantai komersial.

Masalah ini ialah kenapa Dewan Bandaraya langsung tidak mendengar kemahuan rakyat sebelum mendapat pandangan daripada rakyat. Kenapa *Mayor* sampai ke hari ini masih mengekalkan pendirian beliau...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya sudah mendengar *speech* Yang Berhormat itu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...supaya pantai itu haruslah dikekalkan sebagai kegunaan hotel dan *resort*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bukankah Dewan Bandaraya ini dan seharusnya bertanggungjawab kepada semua penduduk di Kota Kinabalu sebanyak 500,000.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, saya sudah mendengar *speech* Yang Berhormat itu. Saya sudah mendengar *speech*.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sila duduk dulu. Lihat dulu, jangan campur tangan dulu, saya ada sepuluh minit sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini kawasan Putatan. Yang saya—tumpukan perbincangan Yang Berhormat- Ini kawasan kerajaan negeri.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Speaker, saya belum kasi laluan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi, ini di bawah bidang kuasa DBKK.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Suruh dia ikut *standing order*. Sila duduk, sila duduk!

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya juga duduk di DBKK. Saya juga berbahas di DBKK soal ini.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sahabat saya, sila duduk!

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kita mahu Tanjung Aru ini dibangunkan dengan canggih, mentransformasikan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ha, ini pun kau ada kaitannya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat! Ini kawasan saya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okeylah, duduk. Duduk dahulu, lihat dulu okey. *Listen* dulu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sudah, *listen!*

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Ketawa]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey. Jangan kacau. Jangan jadi orang kacau. Tukang kacau sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kita mahukan- Saya tanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju dengan keadaan pantai sekarang ini? Kita mahu perbaiki. Kita mahu rakyat kita maju.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey, kita pergi sama-sama tengok itu...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Okey, pergi sekarang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya sudah pergi.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jangan kacau saya punya ucapan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya duduk kerana lihat. Saya juga turut ikut berbahas.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Orang kampung Putatan itu jangan kacau Kota Kinabalu punya hal.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat sekarang pergilah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini Kota Kinabalu punya hal, jangan campur tangan. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau begitu pergi mesyuarat di luar dua orang.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Speaker, saya berpendapat untuk menjadikan Dewan Bandaraya ataupun kerajaan tempatan mengutamakan keperluan rakyat dan mengamalkan prinsip demokrasi di bandar, saya bercadang bahawa kerajaan haruslah mempertimbangkan semula mewujudkan pilihan raya di bandar. Mengambil balik hak pilihan kepada rakyat supaya mereka dapat memilih *Mayor* yang digemari.

Mayor election... [Disampuk] Diimarikan. Digemari, digemari. Saya masih boleh belajar bahasa, jangan susah. Saya pun ada- saya pun boleh...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat ini sudah memesongkan Dewan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okeylah. Kau boleh mengertikan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sudah memesongkan Dewan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Boleh mengerti sudahlah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini tidak ada kena mengena dengan kita.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya bukan profesor tahu? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini perkara di bawah jagaan PBT, DBKK.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya orang biasa Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Satu minit lagi Yang Berhormat, habiskan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pergi sembang luarlah dua orang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kalau hendak bincang di luar, kita bincang di luar, bukan di dalam Dewan ini.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, duduklah Yang Berhormat Putatan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sila duduk baik-baik.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini kawasan Tanjung Aru Yang Berhormat, tumpukan kawasan Yang Berhormatlah! Ini usaha Yang Amat Berhormat Ketua Menteri begitu baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Habiskan ya. Yang Berhormat Putatan, duduk Yang Berhormat Putatan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ha, suruh duduk.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Untuk melihat dan mentransformasikan ekonomi kawasan saya. Yang kawasan Yang Berhormat itu tumpukan kawasan Yang Berhormat, ya!

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *Mayor.*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tahukah?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Speaker...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah,...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Suruh dia duduk Tuan Speaker, suruh dia duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...beliau telah pun melihat semua. Ini untuk kebaikan kita semua Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormatlah lihat...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini kerana *Mayor* dikutuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, duduk Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, duduk ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Putatan, minta duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat habiskan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya lah. Saya mahu habis, dia kacau. [*Ketawa*] Tuan Speaker, *Mayor Election* atau Pilihan Raya Datuk Bandar telah pun diamalkan di kebanyakan bandar seperti London dan New York khususnya. Sedangkan kini kita mempunyai populasi melebihi 50% penduduk di bandar. Pada tahun 2020 di Greater KL sebanyak 10 juta orang akan duduk di situ, manakala di Greater KK pun mempunyai populasi anggaran sebanyak satu juta orang.

Inilah masa yang tetap untuk mengembalikan demokrasi kepada rakyat yang tinggal di bandar, memberikan hak mereka untuk memilih *Mayor* yang boleh menjalankan polisi bandar yang mereka sokong. Bukankah KL pernah menjalankan pilihan raya tempatan pada tahun 1952 sebelum merdeka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: 15 Yang Berhormat, 19.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kenapa ia tidak berterusan untuk mengamalkan demokrasi di dalam bandar raya. Tuan Speaker, setelah Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meluluskan satu usul untuk menyeru Kerajaan Persekutuan meningkatkan minyak royalti sehingga 20% kepada negeri Sarawak dan ini mendapat balasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau akan melihat isu ini dengan serius.

Sebagai *oil producing state* yang berjiran, saya ingin tahu apakah pendirian Kerajaan Persekutuan tentang peningkatan minyak royalti ini. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk meningkatkan *oil royalty* itu kepada negeri Sabah juga. Saya difahamkan bahawa Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Aman telah menulis surat tentang isu ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2008 yang lalu.

Saya amat hairan kenapa tiada apa-apa balasan tentang permintaan Ketua Menteri. Adakah Perdana Menteri langsung tidak mengetahui permintaan tersebut? Di samping itu saya juga ingin tahu bagaimana Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan polisi tersebut sekiranya keputusan itu di persetujui. Minta penjelasan.

■1640

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya harap isu-isu yang telah saya bangkitkan tadi boleh lah dijawab dan diberi pandangan daripada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kita akan tamatkan perbahasan peringkat dasar ini pukul 5.30 petang nanti. Jadi kalau boleh 10 minit seorang untuk dapatkan lebih ramai Yang Berhormat. Saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong.

4.40 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas dalam

Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2014. Saya pendek saja ada beberapa perkara yang akan saya bangkitkan. Saya terus kepada perkhidmatan awam perbendaharaan iaitu sebanyak RM1 bilion. Saya ingin menyentuh mengenai ini yang untuk menampung keperluan tambahan peruntukan bagi pembayaran tuntutan subsidi bahan api tahun 2014.

Jadinya saya hendak mengharapkan penjelasan daripada pihak kementerian kerana saya mendengar banyak desas-desus yang mengatakan melalui media massa dan segala-galanya yang mengatakan bahawa kerajaan akan melaksanakan sistem penyampaian subsidi baru untuk menangani penyelewengan diesel. Jadinya, saya hendak minta kesahihan daripada pihak kementerian. Diharapkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan mengenai perkara ini semasa dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti.

Seterusnya untuk perkara seterusnya masalah mengenai yang berkait dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kita maklum bahawa Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 yang khusus kepada industri agro makanan ini adalah memang bertepatan dengan usaha kerajaan bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada rakyat serta meningkatkan sumbangan kepada pendapatan negara dan juga usahawan tani.

Jadi, ada beberapa perkara yang saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian. Saya hendak mendapatkan maklumat atau pun saya hendak minta supaya pihak kementerian memberikan maklumat bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan terutamanya adakah pihak kementerian boleh atau pun ada membantu mereka yang berminat menceburi industri agro makanan ini. Berkaitan tajuk yang sama juga saya hendak tahu apakah sasaran yang tadi, yang pertama itu adalah mereka yang daripada kalangan usahawan tani wanita. Seterusnya berkaitan tajuk yang sama juga saya hendak bertanya kepada pihak kementerian apakah sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk menjamin bekalan makanan ini mencukupi dan juga harga makanan berpatutan. Ini kerana susulan daripada itu juga saya hendak penerangan daripada pihak kementerian mengenai usaha untuk memastikan program jaminan ini berjalan dengan lancar. Dalam pada itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan juga mungkin boleh mewujudkan satu dana khas untuk membantu usahawan tani wanita terutamanya mereka yang terlibat dalam industri agro makanan.

Seterusnya saya hendak juga mendapatkan maklumat daripada pihak kementerian mengenai usaha kerajaan dalam membantu pengusaha industri agro makanan iaitu industri sayur-sayuran dan buah-buahan supaya mereka ini dapat meningkatkan teknologi pengeluaran dan produktiviti mereka memandangkan permintaan terhadap sayur-sayuran ini dijangka meningkat daripada 1.6 juta tan metrik daripada tahun 2010 kepada 2.4 juta tan metrik pada tahun 2020. Jadinya itu saja yang akan saya bangkitkan walaupun pendek tetapi saya harap pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di dalam Dewan dapat memberikan penjelasan kepada apa yang telah saya bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ha.. bukan PKR kah?

4.45 ptg

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan tentang perancangan kewangan dan juga pembahagian kekayaan negara melalui bajet tambahan. Dalam masa Kerajaan Pusat meminta tambahan perbelanjaan dari Parlimen, kami wakil rakyat ingin merakamkan kebimbangan kami dari segi perancangan kewangan yang tidak teratur. Perkara ini sering berlaku dan malahan tiap-tiap tahun menjadi kebiasaan.

Antara contoh besar terkini adalah pembinaan KLIA 2 di mana bukan hanya ketinggian bangunan di naikkan daripada dua kepada lima tingkat tetapi kosnya melambung dari RM2 bilion sehingga RM4 bilion. Kerajaan cuba beralih dan selindung di sebalik alasan kos per meter antara termurah di dunia. Memanglah apabila kita memperluaskan

pembangunan itu ekonomi *soft scale* akan berlaku dan kos keseluruhannya akan turun. Akan tetapi, ini tidak lari daripada dasarnya kos berganda.

Persoalan pokoknya mengapakah kos ini begitu banyak naik daripada RM2 bilion hingga RM4 bilion? Konsultan apakah yang terlibat dan apakah perkiraan yang telah diambil? Alasan awalan kenaikan kos dikatakan kerana AirAsia memerlukan spa dan muzium. Spa apakah dan muzium apakah yang akan menaikkan kos sehingga RM2 bilion? Sekarang pula alasan tersebut tidak kedengaran lagi kerana sebenarnya itu hanya merupakan perbalahan dalaman antara AirAsia dan MAHB. Alasan terkini pula kita telah mendengar keperluan daripada *projection* IATA iaitu satu badan penerbangan antarabangsa yang menyatakan keperluan jangka masa panjang bajet *airlines*..

Badan-badan antarabangsa seperti IATA sebenarnya membuat *projection* dengan izin sehingga 20 hingga 30 tahun ke hadapan. Kalau KLIA disiapkan dengan begitu cepat kononnya dalam *record time* empat tahun, kenapakah *projection* ini tidak lagi boleh dipakai atau diguna pakai? Alasan ini tidak boleh diterima dan penjelasan yang boleh diterima adalah perlu lebih terperinci dan meyakinkan. Satu lagi persoalan bagaimana pula tambahan 1.5 kilometer kereta api daripada KLIA ke KLIA 2 kosnya sehingga RM100 juta tidak dimasukkan dalam kos asal? Tidakkah pernah difikirkan bagaimana penumpang akan bergerak daripada KLIA ke KLIA 2?

Belanjawan tambahan juga sepatutnya hanya untuk apa-apa di luar jangkaan atau *unforeseen* dengan izin. Akan tetapi, ini semua sepatutnya tidak berlaku dan bukanlah sebenarnya di luar jangkaan tetapi satu perancangan yang amat lemah. Kalaulah keperluan pusat atau Kerajaan Pusat selalu ditambah dengan senang, bagaimana pula peruntukan kepada negeri-negeri minyak seperti Terengganu, Sabah, Sarawak, Kelantan dengan royalti atau wang ihsan yang telah dikatakan untuk diagih-agihkan?

Jumlah peratusan atau *percentage* tidak boleh dipastikan kerana akaun Petronas tidak pernah atau tidak boleh di audit. Hanya Perdana Menteri sahaja yang mengetahui jumlahnya. Sudahlah sampai masanya kita menuntut akaun Petronas di audit oleh Ketua Audit Negara. Kalau negara-negara minyak seperti Afrika boleh mengetahui akaun sebenarnya, kenapa tidak Malaysia yang sepatutnya lebih maju dan lebih canggih. Kerajaan Terengganu di bawah Menteri Besar terdahulu Dato' Seri Ahmad bin Said telah menuntut wang minyak sebanyak RM6 bilion yang dikatakan tertunggak. Ini menunjukkan kesangsian perkiraan formula yang digunakan.

Tidak hairanlah sekarang ini pula kerajaan Sarawak hari ini menuntut kenaikan royalti dari 5% sehingga 20% kerana banyak kesamaran jumlah yang berlaku. Dewan Undangan Sarawak baru-baru ini telah meluluskan sebulat suara untuk naik sehingga 20%. Kalau sebuah negeri yang dipanggil *fix deposit* mencurigai pembahagian royalti minyak, bagaimana pula negara atau negeri-negeri lain dapat memastikan perkiraan ini ditepati?

■1650

Negeri Terengganu, seperti kita tahu, telah lama tertinggal dan terus di belakang. Sebenarnya pendirian kerajaan silam Kesultanan Terengganu dahulu untuk tidak menyertai atau menjadi *Federal United States* atau Negeri-negeri Bersekutu semasa di bawah British mempunyai justifikasi dan mencerminkan kesangsian atau kebimbangan hak serta aset negeri yang akan dikuasai oleh orang luar.

Pemimpin-pemimpin dahulu di peringkat negeri lebih jauh pandangan mereka serta tinggi kebijaksanaan mereka walaupun mungkin tidak dikelilingi oleh pakar-pakar ekonomi dan pakar perniagaan. Di atas keikhlasan dan amanah, pemerintah-pemerintah Terengganu dahulu lebih mengetahui bagaimana urusan harta bumi perlu dijaga. Ini adalah bertepatan dengan ajaran Islam bahawasanya harta hasil negeri hendaklah memberi keutamaan dan keuntungan terdahulu kepada rakyat tempatan.

Semasa penjajahan pihak British juga, hasil bijih timah dan getah dari Pantai Barat Semenanjung sedikit sangat disalurkan kepada Pantai Timur. Pada tahun 60-an pun perjalanan kereta dari Kuala Terengganu ke Kuala Lumpur melalui tujuh feri, melalui sungai-sungai yang tidak mempunyai jambatan. Hari ini tidak banyak juga yang telah berubah. Masa yang agak panjang dan juga tidak banyak perubahan yang berlaku kerana sikap penjajahan ekonomi ini hampir sama, hanya pusat pentadbirannya telah berpindah dari London ke Kuala Lumpur dan pentadbirnya merupakan orang berbangsa sendiri.

Pada hari ini, Pantai Barat pesat membangun sehingga Terengganu merupakan di antara negeri tunggal tidak mempunyai kereta api dan juga lebuh raya yang lengkap. Sehingga hari ini kita masih juga menunggu-nunggu siapnya lebuh raya ke Terengganu dan juga Kelantan. Apakah komitmen Kerajaan Pusat? Ini kerana pada Parlimen yang lepas, pada bulan Mac, saya telah bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, bilakah siap LPT2? Jawapannya adalah September. Akan tetapi beberapa minggu selepas itu, apabila soalan yang sama ditanya di Dewan Undangan Negeri Terengganu, pihak JKR tidak dapat memberi jawapan. Jadi, siapnya lebuh raya LPT2 masih tertangguh dan soalnya sehingga bila?

Di situlah terletaknya komitmen yang kurang daripada Kerajaan Pusat untuk mengawasi pembangunan di empat negeri pengeluar minyak. Hari ini, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak dikenali sebagai empat negeri pengeluar minyak yang termiskin dan ia akan kekal sedemikian rupa sehingga berlaku satu perubahan dari segi sikap dan juga komitmen Kerajaan Pusat. Hasil diambil, negeri diabaikan. Adalah diharapkan pembahagian hasil bumi negara diagihkan dengan lebih adil dan saksama.

Di situlah letaknya banyak tidak puas hatinya berlaku di dalam keempat-empat negeri minyak ini dan kita selalu mendengar tiap-tiap sesi Dewan walaupun wakil-wakil rakyat dari Barisan Nasional sendiri selalu merintih dan membuat pelbagai komen tentang tidak ada komitmennya untuk menyiapkan infrastruktur asas, *basic infrastructure* dengan izin, untuk kegunaan rakyat. Di situlah letaknya permohonan kami untuk memberi perhatian kepada negeri-negeri tersebut. Kalau tiap-tiap tahun Kerajaan Persekutuan boleh meminta tambahan peruntukan di Parlimen, kenapa tidak dengan perancangan yang lebih teratur, pembangunan yang lebih tersusun untuk membangunkan keseluruhan Malaysia dilakukan dengan lebih bersepadu?

Sekian, saya mohon satu pertimbangan untuk kawasan-kawasan yang terbiar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Silam.

4.54 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan 2014. Saya meneliti Akta Perbekalan Tambahan 2014 ini yang melibatkan lima kementerian dan rasa penting untuk saya melibatkan diri. Ada dua kementerian yang ingin saya sentuh. Pertamanya adalah Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan. Saya melihat Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 adalah satu usaha baik daripada Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan aspirasi pendidikan nasional di mana pelajar akan diterapkan dengan kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, pengetahuan dan identiti nasional. Namun begitu, kita melihat akan berlaku kekangan terhadap hasrat murni kerajaan sekiranya perancangan ini masih gagal menyelesaikan permasalahan-permasalahan utama di peringkat sekolah mahupun sesuatu kawasan yang memerlukan peruntukan dan bantuan daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, saya mendapati permintaan terhadap sekolah agama menengah adalah sangat tinggi. Desakan dan permintaan untuk mewujudkan sebuah sekolah menengah agama ini datang daripada ibu bapa yang melihat keperluan sekolah agama dibina di Parlimen Silam. Perkara ini juga telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin yang juga Menteri Pelajaran Malaysia yang mengumumkan untuk membina sebuah sekolah menengah agama di Parlimen Silam semasa beliau membuka puasa di Masjid Ar-Raudhah, Lahad Datu pada 28 Ogos 2010. Maka saya melihat komitmen kerajaan untuk membina Sekolah Menengah Lahad Datu ini adalah perlu bagi memenuhi aspirasi rakyat yang ingin menghantar anak-anak mereka bersekolah di sekolah agama menengah.

Sekiranya kita melihat secara keseluruhan, sekolah menengah agama yang ada di negeri Sabah adalah terlalu sedikit berbanding permintaan pelajar untuk memasuki sekolah menengah agama tersebut. Kita tidak mahu potensi anak-anak kita dalam bidang pembelajaran agama tersekat disebabkan keperluan sekolah ini tidak dapat dipenuhi di

kawasan yang memerlukan sekolah agama menengah ini dibina. Maka, perlu untuk kita melihat keperluan sekolah agama ini sebagai asas untuk kita memenuhi aspirasi rakyat dan pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh keperluan sebuah universiti baharu di kawasan saya memandangkan kawasan Parlimen Silam telah giat membangun dalam bidang industri kelapa sawit di bawah POIC iaitu sebuah syarikat milik penuh kerajaan negeri Sabah atau dalam bahasa Inggerisnya *Palm Oil Industrial Cluster*. Keistimewaan Lahad Datu tidak boleh dinafikan dari aspek struktur muka bumi yang begitu subur dan dijadikan sebagai pusat industri hiliran kelapa sawit. Saya melihat keperluan universiti ini sebagai satu asas pemangkin kepada daya saing ekonomi dan mengembangkan tenaga mahir dalam keperluan penyelidikan industri hiliran kelapa sawit.

Saya sedia maklum bahawa MPOB juga menjalankan penyelidikan berkenaan kelapa sawit. Namun, adalah lebih elok sekiranya universiti sebagai pusat penyelidikan diberikan tanggungjawab untuk menawarkan program-program yang berkaitan kemahiran dan penyelidikan dalam memenuhi tenaga kerja melibatkan industri ini. Perkara ini bukan sahaja dapat meyakinkan pelabur dari luar negara, tetapi turut menaikkan institusi pendidikan negara sebagai pendidikan yang mampu melahirkan tenaga kerja profesional dan mahir. Maka saya melihat peruntukan tambahan untuk Kementerian Pendidikan sebanyak RM634,055,000 yang saya sedia maklum perbelanjaan ini tujuan khas kos pembayaran konsesi bagi enam buah kampus universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri. Saya amat yakin dan percaya bahawa kerajaan begitu komited untuk memberikan keselamatan kepada rakyat di Malaysia terutamanya rakyat Sabah di kawasan Pantai Timur.

■1700

Namun begitu, sejak ESSCOM ditubuhkan pada tahun lepas, kita telah menyaksikan deretan cerita penculikan di kawasan Pantai Timur Sabah terutama di dalam kawasan Teluk Darvel di mana Lahad Datu terletak. Perkara ini telah menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap fungsi dan peranan ESSCOM yang dianggap sebagai penyelesaian terbaik terhadap ancaman keselamatan di negeri Sabah. Dalam Bajet 2014, kerajaan telah memperuntukkan jumlah wang kepada kementerian di Jabatan Perdana Menteri untuk memperkasakan ESSCOM sesuai dengan matlamat penubuhannya. Namun apa yang kita lihat, setiap kali berlakunya kes penculikan di kawasan jagaan ESSCOM ini, pihak kementerian hanya memberikan alasan berkenaan bentuk geografi dan kawasan yang luas di perairan Sabah menyebabkan kawalan dapat dibolosi oleh pengganas ataupun lanun dari sempadan negara.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah kewujudan ESSCOM ini telah diteliti secara terperinci berkenaan fungsi dan peranan serta kuasanya dalam menjaga keselamatan perairan Pantai Timur Sabah. Ini kerana apa yang saya dapat lihat, fungsi ESSCOM ini hanya sebagai perantara kepada pihak keselamatan untuk memberikan info berkenaan maklumat yang mereka peroleh kepada pihak keselamatan seperti polis, marin dan Angkatan Tentera Malaysia. ESSCOM tidak mempunyai kuasa untuk memberi arahan untuk melakukan operasi keselamatan kepada pihak ATM, polis dan marin kerana bidang kuasanya terhalang daripada melakukan arahan tersebut. Maka saya kira perkara ini wujud kekangan daripada aspek kuasa dan prosedur yang terlalu melambatkan pergerakan ESSCOM sebagai badan yang boleh menjaga keselamatan perairan.

Saya meminta kerajaan di bawah kementerian Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji peranan ESSCOM semula dan meneliti keperluan dan peralatan yang secukupnya untuk menjaga kawasan di perairan Pantai Timur Sabah. Saya sedia maklum bahawa di Pantai Timur Sabah akan diwujudkan satu sistem *sea basin* yang menempatkan kapal-kapal yang bertindak sebagai *mothership* di tengah-tengah laut untuk mengetatkan lagi operasi pemantauan di Pantai Timur Sabah.

Namun perkara ini bukannya satu penyelesaian utama kepada kemelut pencerobohan Pantai Timur Sabah sekiranya peralatan yang diguna pakai oleh ESSCOM tidak mampu menjaga keseluruhan kawasan Pantai Timur Sabah. Pihak kementerian perlulah memikirkan peralatan yang lebih canggih seperti menggunakan radar yang mampu mengesan pergerakan masuk kapal-kapal asing di kawasan Pantai Timur Sabah dan

mengguna pakai imej satelit yang boleh menangkap imej kawasan yang dikenal pasti sebagai lubang utama kes pencerobohan di kawasan perairan.

Maka saya mencadangkan kepada pihak kementerian untuk mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh ESSCOM dalam menjalankan tugas mereka sebagai badan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan Pantai Timur Sabah. Kita tidak mahu kerajaan berbelanja berjuta-juta ringgit kepada ESSCOM namun akhirnya masalah pencerobohan ini masih tidak dapat diselesaikan secara sepenuhnya. Maka, saya harap pihak kementerian di Jabatan Perdana Menteri dapat menjawab persoalan saya sebagai Ahli Parlimen kawasan yang terdedah dengan ancaman keselamatan itu walaupun tujuan asas perbincangan ini tidak berkaitan dengan jumlah peruntukan tambahan ESSCOM. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

5.04 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Sampai begitu sekali ya.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, pohon. Oleh sebab sepuluh minit. Terima kasih kerana membenarkan dan memberi ruang kepada Kuala Langat untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014 (2014). Satu, isunya saya tak ada bawa banyak isu, satu isu sahaja iaitu guru. Di bawah Peruntukan Tambahan Kementerian Pendidikan, guru seperti mana yang telah dimaklumkan ada 1,595 guru yang layak dan telah pun mempunyai kelayakan untuk mengajar tetapi tidak diberikan jawatan.

Menjadi isu yang menjadi igauan buruk dan memberikan kesan kepada mereka-mereka yang menanti hasil daripada pengajian ataupun pelajaran yang mereka duduki. Akhirnya 1,595 ini menjadi terpaksa ditunda untuk 2015 seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Kuala Lipis tadi, itu benar. Apa yang perlu dilakukan mesti dilakukan untuk kerangka memastikan guru-guru ini mendapat tempat kerana mereka itu sebenarnya layak dalam keadaan mereka diperlukan.

Sebagai contoh, PBS walaupun dikatakan tidak diamalkan tetapi masih dilaksanakan dan PBS ini memberi kesan yang buruk kepada guru-guru yang tugas mereka untuk mengajar untuk memastikan anak murid itu berjaya dan memastikan bahawa kejayaan itu terletak di tangan guru-guru dan diperanankan sebagai guru-guru wibawa dan akhirnya guru terbantut kerana adanya PBS. Maka yang demikian, walaupun dia *offline* tetapi masih dilaksanakan dan ini memberikan satu isyarat bahawa guru-guru ini perlu diangkat untuk dipastikan bahawa spesifikasi mereka itu tidak tercacat oleh kerana PBS ini.

Maka, saya cadangkan yang 1,595 orang guru-guru yang layak itu yang tidak boleh digelar guru kerana tidak diberi kebertanggungjawaban kerana sudah mencukupi mengikut maklumat yang diterima daripada Kementerian Pendidikan, saya cadangkan bahawa pembantu guru-guru diwujudkan dan mereka-mereka ini boleh disalurkan atau diberikan tempat sebagai pembantu guru-guru untuk fokus kepada pangkalan data iaitu PBS dan ini memberi ruang kepada 1,595 orang yang dikatakan tidak boleh dislotkan atau dimasukkan sebagai guru akan diberi peluang untuk menjadi pembantu guru-guru. Maka yang demikian, Kementerian Pendidikan memohon supaya diberikan fokus serius untuk mendapat tempat 1,595 orang ini diberikan peluang.

Yang keduanya, seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Bachok semalam iaitu kes tentang pertukaran disebabkan campur tangan politik dan penafian hak asasi manusia guru sebagai pengamal pegawai perkhidmatan pendidikan. Seperti mana yang telah pun dibuktikan melalui surat cadangan penempatan penukaran guru sekolah rendah PPD Bachok 2013, Jabatan Pelajaran Daerah Bachok bertarikh 9 Mei 2013 yang ditujukan kepada Pengarah Pelajaran Kelantan, Jabatan Pelajaran Kelantan, Jalan Doktor 15000 Kota Bharu, Kelantan. Perhatian Ketua Sektor Pengurusan Sekolah

disediakan oleh Haji Saufi bin Majid, Pegawai Pelajaran Daerah, Pejabat Pelajaran Daerah Bachok Kelantan. Rujukan surat PPDB600-15-17(14) dilampirkan bersama senarai pertukaran guru-guru oleh Pejabat Pelajaran Daerah PPD Bachok akibat politik selepas PRU-13 setebal 12 muka surat yang telah pun cadangan guru pendidikan ini ditukar disebabkan oleh campur tangan politik.

Ini juga menjadi satu penyakit yang harus segera dihapuskan dan di~~operate~~kan supaya tidak ada penindasan dan pengkhianatan terhadap guru-guru. Oleh kerana sepuluh minit Tuan Yang di-Pertua, terpaksa dilajukan. Jangan siapa kacau, tak akan diberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Hum, biarkanlah Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oleh yang demikian, saya ingin menegur Kementerian Pendidikan supaya jangan bersikap khianat atas deskripsi kerja. Jangan mengambil sikap penindasan terhadap guru-guru yang tidak ada kena mengena dengan pendidikan tetapi oleh kerana mereka bersubahat dengan politik, bekerja untuk politik ataupun keturunan asal politik pembangkang, mereka ditukarkan segera walaupun pertukaran itu tidak dikehendaki. Ianya berlaku di Bachok dan kita telah menyuarakan dan menyuarakan di SUHAKAM, semalam tak dijawab.

Saya nak beritahu, mohon supaya Menteri Kementerian Pendidikan menjawab apakah fenomena ini berterusan diizinkan berlaku dan kita perlu dan wajib memberhentikan pengkhianatan amanah yang diberikan ini supaya guru tidak dikhianati dan mereka tidak boleh diperlakukan begitu. Saya tidak bersetuju dan ini satu perkara yang tidak boleh. Ini bukan tahun 60-an Tuan Yang di-Pertua. Ini tahun 2014 dan fenomena ini tidak boleh diizinkan. Pengkhianatan dan penindasan ini tidak boleh dilakukan atas sikap ideologi yang berbeza.

Maka yang demikian, saya sarankan Menteri Pendidikan jawab dan pastikan bahawa tidak berlaku perkara penindasan terhadap guru-guru yang kita akui kemartabatan mereka. Tuan Yang di-Pertua, atas sikap itu saya ingin merujuk terus kepada maksud Kementerian Pendidikan walaupun bukan dalam peringkat jawatankuasa tetapi menjurus kepada B.41 itu yang telah dicadangkan ditambah RM634,055,000 ini atas kontrak susulan daripada pelaksanaan perintah gaji minimum. Kalaulah ini boleh dilaksanakan, mengapa tidak pekerja yang lain, *private sector* ataupun yang melibatkan pekerja-pekerja kontrak yang saya memang menentang habis-habisan kontrak ini sebab tak ada masa depan.

■1710

Namun, kalau tabungan ini boleh dilaksanakan, cadangan ini boleh dilakukan mengapa tidak Kementerian Sumber Manusia mencadangkan satu dana untuk memastikan gaji minimum terjawab atas seluruh mereka yang memerlukan gaji minimum. Seperti mana yang saya dimaklumkan dalam surat jawapan yang telah pun diberikan kepada saya. Gaji minimum ini hanya bersifat sekitar 250 syarikat yang tidak melaksanakan gaji minimum. Akan tetapi persoalannya sekarang ialah kerajaan harus memainkan peranan untuk memastikan mereka ini dapat diberikan pembelaan. Maksudnya apa? Maksudnya kalau negara itu mengamalkan gaji minimum, kerajaan yang mempunyai saham dalam syarikat itu- semua syarikat kerajaan punya saham sebab berdaftar dalam ROC automatik kerajaan campur tangan.

Jadi kerajaan boleh mengambil peluang ataupun mengambil inisiatif ini untuk mewujudkan dana tambahan untuk memastikan 250 syarikat yang tidak mampu untuk memberikan gaji minimum itu disuntik, diberikan bantuan dalam kadar untuk memastikan gaji minimum ini terlaksana. Ini dua tahun lagi. Tahun ini hendak habis dah ini. Tahun hadapan hendak buat kajian semula oleh Majlis Gaji Minimum 2012. Maka belum habis yang itu, yang ini bertambah. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua jelas, kalau ini boleh dilaksanakan, mengapa tidak yang lain.

Perkara ini menjadi prakata pokok perbincangan yang telah pun diutarakan sebelum ini. Daripada awalan 2008 telah dicadangkan sedemikian tetapi tidak pernah terusik, tidak pernah disuntik, tidak pernah disinggung kerana apa? Kerana tidak ada keperluan katanya. Maka yang demikian, saya cadangkan Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, itu semua memberikan perhatian bagaimana mungkin kita boleh memastikan 250 syarikat ini yang tidak berupaya itu dibantu dan pastikan gaji minimum itu terlaksana.

Seperti mana yang telah pun dimaklumkan di Semenanjung RM900, di Sabah dan Sarawak RM800 itu dapat dipastikan sebelum gaji minimum dilaksanakan sekali lagi untuk dikaji semula atas pendekatan kos sara hidup yang meninggi dalam keadaan elektrik yang akan dinaikkan ini. Kalau petroleum yang akan diberikan beban baru dan GST yang menunggu dan ini semua malapetaka yang akan bertimbun-timbun akan memberikan kesan yang buruk kepada rakyat Malaysia.

Hendak bagi tahu Yang Berhormat Lenggong ini, semua terlibat. Rakyat Lenggong pun terlibat, maka rakyat Tuan Yang di-Pertua pun terlibat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dahsyat, dahsyat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dahsyat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Maka saya menyarankan supaya kerangka pelaksanaan itu dapat diselaraskan, dapat diberikan penekanan, dapat diberikan tumpuan untuk memastikan seluruh sebelum peralatan mekanisme atau perkara yang dilakukan yang akan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Air hendak air?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Dapat kita pastikan ianya memberikan kesan baik kepada rakyat. Jangan dibebankan dan diberikan kesan yang buruk, masalah-masalah cukai, kos sara hidup dan sebagainya itu memberikan mudarat kepada rakyat walaupun dia sokong Barisan Nasional, tetap juga mereka kena cukai, padan muka. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi ruang kepada saya. Terima kasih banyak-banyak [*Tepuk*] Dahsyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Setuju 13, Yang Berhormat. Dapatlah kita panggil Yang Berhormat Pengerang, selepas itu Yang Berhormat Bukit Gantang ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lepas tu Menteri menjawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang lain itu duduklah. Beri peluanglah. Yang Berhormat Pengerang, selepas itu Yang Berhormat Bukit Gantang selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Lenggong hendak berhujah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tumpang sahajalah.

5.14 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2014. Saya cuba tidak cakap banyak, 10 minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan kerana kita meletakkan dalam aspek Kementerian Luar Negeri pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB. Di sini Tuan Yang di-Pertua saya tengok kalau kita dapat kerusi PBB ini begitu hebatlah nama Malaysia di mata dunia. Saya berharap kehadiran Presiden Barack Obama ke negara kita, lawatan Yang Amat Berhormat ke negara China antara dua negara yang begitu hebat pemimpinnya akan memberi satu sokongan dan saya yakin kalau kita berjaya, kredit kena diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, poin kedua saya ialah tentang pertanian dan industri asas tani. Saya hendak menimbulkan isu berkenaan dengan apa yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Lipis, mengenai orang muda tidak mahu terlibat dalam pertanian. Sebab jawabannya saya rasa dia tidak tahu. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab sebab pertanian ini tidak *glamour*. Sebab budak-budak ini tidak boleh panas Tuan Yang di-Pertua. Sebab pertanian ini hendak kena berjemur, hendak kena tanam, hendak kena bagi air dan sebagainya, dia tidak hendak.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Bharu bangun.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Minta laluan yang tadi, yang luar negeri, boleh?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Ya, boleh, tetapi 10 minit?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Satu minit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Tadi Yang Berhormat Pengerang ada sebut mengenai peruntukan sebanyak RM20 juta untuk tujuan kita melobi bagi kerusi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan di PBB ini. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pengeranglah. Sekarang ini musim *World Cup 2014*. Dalam isu *World Cup* ini ada satu isu, isu lobi juga ini iaitu lobi untuk tuan rumah *World Cup 2022* yang dimenangi oleh Qatar. Mengenai isu Qatar ini, dia ada juga lobi. Dikatakan Qatar ini lobi sebanyak USD 5juta, lebih kurang RM15 juta ataupun 3 juta pound untuk melobi FIFA. Jadi hendak minta pendapat Yang Berhormat Pengerang takut-takut RM20 juta ini digunakan untuk melobi dan jadi satu isu pula mengenai tindakan lobi Malaysia ini dalam bentuk *corruption* dan sebagainya, minta pandangan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya tidak boleh jawablah tetapi saya tahu kalau RM20 juta duit Malaysia, duit USD baru RM5 juta. Kalau kita tahu dalam aspek menjadi ahli tidak tetap dalam PBB ini, saya tidak ada kepakaran hendak bagi komen atau jawapan. Akan tetapi saya tidak tahulah mungkin Yang Berhormat Kota Bharu hendak tanya soalan kenalah tunggu masa bulan 10 kah dan sebagainya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cuma Yang Berhormat Pengerang mungkin saya boleh hendak tanya pandangan Pengerang. Kita tahu bahawa peranan Malaysia sejak akhir-akhir ini nampak begitu jelas sekali, kehadiran Barack Obama, kehadiran Perdana Menteri ke negara China, dua kuasa besar dunia menunjukkan bahawa pengiktirafan besar kepada negara kita. Saya fikir RM20 juta ini memang perlu kerana ialah pegawai-pegawai hendak ke sana hendak ke sini, itu juga memerlukan perbelanjaan. Saya fikir tidak mungkin ia digunakan untuk bayar selain daripada keperluan-keperluan pegawai kita. Mungkin ada seminar, ada konvensyen di luar negara dan sebagainya. Jadi untuk itu saya mungkin kalau kementerian boleh memperincikan apakah langkah-langkah yang hendak dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri berhubung dengan keperluan perbelanjaan ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Pengerang, sedikit.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih. Saya rasa kalau saya hendak jawab bandingkan antara apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Bharu itu, lobi untuk kerusi ini berbeza dengan lobi untuk jadi kata orang tuan rumah kepada bola sepak, lobinya lain. Saya hendak pergi ke poin kedua sebab...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit Yang Berhormat, Bagan Serai. Sedikit sahaja?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Bolehkah? Sebab kalau tidak, Yang Berhormat Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua 10 minit, tambah lagi tiga minitlah ya?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya rasa RM20 juta adalah penting sebagai deposit supaya kita dapat melobi Malaysia menduduki kerusi ini kerana kerusi ini kerana kedatangan akan meningkatkan lagi kehebatan Malaysia di mata dunia. Kalau kita melihat pada pengalaman Malaysia dalam proses-proses pendamaian. Kejayaan kita untuk mengendalikan krisis Selatan Thailand dan juga yang terkini iaitu pendamaian Bangsamoro, Selatan Filipina telah mencelik ke mata dunia dan ini akan memberi kekuatan yang lebih kepada negara untuk menduduki kerusi ini. Apa pendapat Yang Berhormat Pengerang?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih, saya setuju. Akan tetapi hendak cakap satu sahajalah. Kalau dapat itu kira hebatlah Malaysia. Saya

hendak berikan ucapan tahniah kepada Kementerian Luar, harap-harap doa-doa kita, apa pun pendekatan *insya-Allah* akan memberikan kedudukan ke tempat kerusi yang begitu boleh dianggap penting dalam PBB.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya hendak sebut tentang RM72 juta lebih duit yang diwujudkan untuk menampung perbelanjaan pelaksanaan Program Jaminan Bekalan dan Pengedaran Agromakanan bagi menangani kesan kenaikan harga barang. Komen saya ini senang sahajalah. Saya baca surat khabar hari ini, *Malaysia Airlines System* hendak buat *restructuring* ya. Saya ucap tahniahlah kepada Khazanah. Kita di dalam Dewan ini dari mula Dewan bersidang setiap kali kita bercakap pasal MAS. Akan tetapi saya hendak komenlah benda yang *basic* pun, dengan izin, dia tidak buat. Ini bagi makanan bagi *desert* saya naik kapal terbang duduk ekonomi sudah tidak jadi Menteri kan, bagi coklat *Ferrero Rocher*, coklat dari luar negara.

■1720

Saya rasa kalau hendak bagi coklat Malaysia pun adanya industri MARDI buat coklat tempatan ada rasa durian, rasa rambutan, rasa nangka dan sebagainya tetapi hendak tengok buah-buahan tempatan saya tidak boleh terima Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak boleh terima adakah Malaysia ke mana-mana, *apple, orange, grapes*? Bukannya saya menentang, memang orang kalau hendak katakan fasal kesihatan ini, buah-buahan itu *alhamdulillah*. Akan tetapi kalau kita ada tempatan ini, saya hendak tanya pada wakil daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, tidak bolehkah kita buat galakan *demand and supply*, dengan izin. Kita tidak boleh beri kah rambutan, durian tidak bolehlah bau kuatkan? Pisang salai, nangka, sebut sahaja. Mempelam, mempelam epal dan segala-galanya kita boleh bagi.

Kalaulah yang naik kapal terbang itu *steward, stewardess* itu boleh pakai baju kebaya, baju Asia, baju Malaysia, tidak bolehkah makanan itu kita bagi makanan Malaysia? Saya tidak faham. Jadi macam mana saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lipis tanya ini tentang kenapa budak-budak tidak hendak minat generasi belia ini? Oleh sebab tidak glamor. Mana ada glamornya dalam aspek pertanian kali ini, tidak glamor. Sudahlah tidak glamor pegawai-pegawai yang jaga dekat bawah pun tidak cukup bukan sedikit punya besar kawasan-kawasan pertanian.

Jadi, tidak masuk akal, RM70 juta ini memang duit yang banyak tetapi kita kena kata orang dalam bahasa 'orang putih' yang kita selalu sebut *Blue Ocean Strategy*, Tuan Yang di-Pertua. Kena ada sedikit kepandaian. Ini kalau *Malaysia Airlines* pun, makanan pun tidak boleh bagi makanan Malaysia, hendak bagi nasi lemak, kata orang nasi lemak apa? Ayat dia Chef Wan kata nasi lemak, saya tidak boleh sebut kan, saya hendak cakap Melayu nanti salah. Saya cakap 'orang putih', *naked* nasi lemak. Tidakkannya tidak boleh bagi makanan Malaysia, Cina, India dalam negara kita? Saya tidak faham, kalau saya tengok menu ini Ya Allah, semuanya macam saya dekat negara orang putih, saya tidak faham.

Akan tetapi sekurang-kurangnya kapal terbang *Emirates, Qatar, Etihad*, yang Arab ini lebih kurang adalah sedikit dia bagi Arab dia bagilah sedikit *baklava*. Adalah sedikit Arab punya makanan. bolehlah. Kita ini apa yang ada, Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak tahu. Kalau hendak cakap tentang industri asas tani ini kenalah sedikit kepekaan. Jadi, saya hendak minta Khazanah dalam bab ini tolonglah kalau tidak boleh dengan MAS itu jual sahajalah. Tidak tahulah siapa lagi hendak cakap dengan MAS ini fasal MAS ini betul-betul kadang-kadang memalukan kita dalam negara kita sendiri.

Kemudian berbalik kepada industri asas tani kementerian yang sama, saya hendak sebut tentang yang disebut dalam aspek Skim Perumahan Nelayan. Saya punya sahabat Yang Berhormat Tanjong Karang ada dekat sini, dahulu mantan Menteri, saya hendak ucapkan tahniahlah kepada duit kepada RM300 juta untuk Skim Perumahan Nelayan. Saya sebagai wakil rakyat dalam kawasan tepi nelayan ini, nelayan ini tidak ada kemampuan macam orang biasa. Hendak pergi pinjam duit bank hendak buat pinjaman pun ditolak sebab dia tidak bayar cukai. Hendak kutip duit macam mana? *Renovation* pun tidak boleh. Nelayan ini bukan orang FELDA, sebagai contoh. Nelayan ini boleh disebut sebagai antara golongan yang begitu susah, "Kais pagi makan pagi".

Jadi dalam aspek ini kan kerajaan mesti lebih peka dalam aspek nelayan. Betul, pertanian ini semua kita sokong tetapi nelayan ini, inilah negara kita. Itu sebab saya minta kalau boleh dalam belanjawan tahun ini, bulan Oktober ini, saya mintalah sangat Yang

Amat Berhormat Menteri Kewangan tolonglah jangan lupa kepada nelayan-nelayan kita. Tolonglah beri perhatian kepada nelayan kita.

Akhir sekali dalam aspek ini saya hendak sebut tentang pendekatan kerajaan. Kalau kita hendak belanja RM72 juta lebih untuk melaksanakan program jaminan bekalan dan pengedaran agro makanan bagi menangani kesan kenaikan harga barang, boleh atau tidak kementerian wujudkan dasar jangan eksport barang makanan? Tidak payahlah hendak eksport ikan, udang, sotong, tidak perlu hendak eksport beras kah, tidak payah. Dalam keadaan ekonomi macam ini *priority*, dengan izin adalah orang tempatan.

Bila kita bercakap tentang subsidi, saya sudah bercakap daripada semalam. Subsidi ini segala Bangla, Indon, Nepal semua telan subsidi kita. Ketirisan itu jangan cakaplah, hari-hari dalam Parlimen selagi saya boleh cakap, saya cakap. Akan tetapi tidak payahlah kita buat dasar kita. Jangan eksport, halang sekejap supaya mewujudkan keutamaan kepada orang tempatan. Maknanya kita suaplah anak kita dahulu. Tidak payahlah kita hendak suap anak orang. Apa hal? Bukan anak kita, kita suap anak kita dahulu. Kita jaga anak kita dahulu, kita beri dengan izin, *priority* kepada rakyat-rakyat kita yang ada dalam negara kita.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua *point* saya yang ketiga ialah Kementerian Pendidikan. Sebanyak RM634 juta kepada kewujudan enam buah kampus UiTM. Saya sebenarnya tidak hendak timbul hal ini tetapi bila tengok perkara ini kena sebut. Saya hendak minta kerajaan dalam apa sekalipun sebagai Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai komponen parti pelbagai kaum, jangan sekali-sekali menyentuh untuk menutup UiTM. Jangan sekali-kali kerana ini persetujuan kompromi daripada Kerajaan Barisan Nasional [*Tepuk*] Jangan sekali-sekali sebab kita tahu pendidikan bumiputera itu adalah kontrak sosial. Kita sudah setuju masa dalam proses kemerdekaan. Kita sudah setuju dalam proses itu tentang kelebihan yang diberi disebabkan kontrak sosial kita dan kalau kita tengok dalam aspek ini sejarah UiTM yang datang daripada ITM pada tahun 1997.

Kita tengok alumni UiTM. Saya sendiri anak UiTM. Kalau tidak ada ITM, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak belajar universiti cari duit dekat mana? Mak bapa bukanlah banyak sangat duit, orang kerja kerajaan lebih kurang macam nelayan. Kerja kerajaan dahulu bukan sekarang. Macam mana hendak jadi peguam? Itu pun belajar pentadbiran awam, masuk Universiti Malaya dapatlah pinjaman MARA, tidak ada MARA macam mana dapat *Masters in Law*? Kalau tidak ada MARA habislah saya tidak jadi peguam bela, peguam cara, peguam Syariah. Tidak adalah saya jadi Ketua Puteri, tidak adalah saya jadi Ahli Parlimen, tidak adalah saya dapat tempat duduk dalam Dewan yang begitu mulia ini.

Apa dosanya ITM kepada orang Melayu? Apa dosanya UiTM kepada anak-anak yang berjaya? Saya tidak tahu politik pembangkang, "*Marah nyamuk bakar kelambu.*" Akan tetapi kalau mereka majoriti, saya minta maaf saya tidak hendak bercakap tentang isu *racist* tetapi kontrak sosial mengatakan ini tanggungjawab bersama, apa dosanya anak-anak kita? Jadi, saya hendak tanyalah parti-parti keadilan, parti PAS yang ramainya orang Melayu Islam, adakah tuan-tuan juga menentang kewujudan UiTM? Saya hendak tanya, jawab kalau tuan-tuan menentang, saya minta tuan-tuan. Sedih anak-anak yang tidak berdosa menjadi mangsa politik. Daripada tahun 1967 yang hendak kacau ini apa hal? Tidakkannya fasal hendak bertanding itu pun kalah, tidakkannya fasal muka sahaja hendak menang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Saya tengok syok bercakap ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sedikit sahaja.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Okey.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mereka bukan menentang Yang Berhormat Pengerang tetapi mereka menyokong orang yang menentang. Itu sahaja Cuma saya hendak tanya, apakah UiTM selama ini, dia hanya memberi kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional sahajakah?... [*Disampuk*] Semua diberi, kan?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: ...Macam mana ini Tuan Yang di-Pertua? BR1M pun kami wakil rakyat tidak pula tengok PAS, Keadilan, betul atau

tidak? Anak masuk universiti tidak ada pula PAS, UMNO, Keadilan, semua kami bagi. KEMAS kami bagi, semua kami bagi, yang dekat Jelutong ini 300 nelayan kena keluar tidak ada bagi pampasan, boleh pula? Dekat Pengerang, nelayan kena keluar macam-macam pampasan kita bagi, itulah tidak zalimnya Kerajaan Barisan Nasional negeri ataupun pusat. Tidak macam pembangkang, cakap beria-ia tetapi bila orang susah tidak nampak. Anak-anak tidak berdosa tidak boleh belajar. Eh! Tidak ada kena mengena, ramai juga anak-anak Melayu yang tidak sokong Barisan Nasional tidak ada pula kami seksa, tidak ada pula kami marah. PTPTN pun bagi macam-macam, tidak pernah kami persoalkan.

Jadi, saya hendak mintalah kepada PAS dan Keadilan dan Melayu dalam DAP, kalau betul tidak suka kepada isu Melayu, janganlah jadikan anak sebagai mangsa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Masa sudah habis.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Temerloh hendak jawab, Yang Berhormat Temerloh hendak jawab.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Akhir sekali, akhir sekali saya hendak mengambil kesempatan. Manalah tahu baca surat khabar Menteri-menteri Kabinet tukar kita tidak tahu. Saya rasa saya memang tidak terlibatlah akan tetapi manalah tahu kalau ada menteri-menteri baru daripada kaum-kaum *backbencher*, saya hendak minta, ingat ya jadi Menteri tanggungjawab yang besar. Apa yang penting letak keutamaan kepada rakyat. Macam saya dekat Rapid, turunch selalu. Janganlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turun baru turun, susah juga orang dekat bawah. Jadi saya hendak akhiri ucapan saya dengan satu pantunlah kalau boleh. Bukan selalu saya hendak pantun.

Pilih, pilih tempat mandi,

Pertama teluk kedua pantai.

Pilih, pilih pemimpin menjadi,

Pertama elok, kedua pandai.

Yang Berhormat Pengerang menyokong. Terima kasih [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

5.29 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia ini saya pun tidak tahu apa statusnya, sama ada negara pertanian ataupun negara industri... [Disampuk] Hendak kata pertanian kita tengok tidak juga pertanian yang menjadikan asasnya sehinggakan kita terpaksa import makanan. Tahun 2012 sebanyak RM27.93 bilion hampir RM28 bilion setahun, ertinya satu hari RM1 juta kita import makanan. Ini kenyataan yang pernah disebut oleh mantan Menteri Pertanian sekarang ini MP kepada Tanjung Karang.

■1730

Dia hendak kata industri pun kita tengok pun juga tidak macam negara industri kerana banyak kita lihat perkara-perkara yang berkaitan dengan teknologi tinggi banyak lagi yang kita bergantung pada negara-negara luar. Contoh kita lihat soal bekalan-bekalan daging. Tahun 2013, permintaan untuk daging negara kita ini 54,000 tan adalah daripada tempatan dan 112,000 tan yang diimport daripada India, 19,000 tan daripada Australia, 5,000 tan daripada New Zealand. Jadi persoalannya, negeri kita ini luas, tadi semua sebut, udara cuaca baik, hujan cukup, air cukup...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Selangor tidak ada air.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Jangan nampak Selangor sahaja, Perak ini...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: BN memerintah.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: BN memerintah, tahu tidak apa Yang Berhormat Lenggong. Negeri Perak pun kawasan Parlimen saya Bukit Gantang, Taiping ini orang panggil sebagai bandar hujan. Baru ini kita tengok air catu, dua hari buka,

dua hari tutup. Bukit Gantang itu bukan Papua New Guinea tau. Bukit Gantang ialah negeri Perak. Jadi, janganlah kita nampak semua, ini semua air ini kuasa tuhan, kita tidak mahu hendak perlekeh. Jadi, sebab itu jangan nampak Selangor sahaja, jangan nampak Selangor sahaja. Ini orang kata kuman seberang laut nampak, gajah terbeliak depan biji mata tidak nampak, ini masalah jugalah.

Jadi, kita import, keperluan daging. Lembu pula, keperluan lembu 78,942 lembu hidup yang kita hendak. 42,199 daripada Australia, 38,743 ekor daripada Thailand. Kita bimbang Tuan Yang di-Pertua, kerana apa akan terjadi kalau berlakunya bencana. Ini hendak datang hari perayaan Qurban. Kita tahu daging hari ini kita lihat meningkat sampai sekarang RM28 satu kilo...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Daging apa itu?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Daging lembu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, kalau berdasarkan kepada Yang Berhormat Bukit Gantang tadi maknanya masalah bekalan daging yang tidak mencukupi, memang kita tahu bahawa ada idea untuk hendak memastikan bekalan daging ini mencukupi, sebab itulah ditubuhkan fidlot. Akan tetapi yang peliknya di Malaysia ini, orang suruh tubuhkan syarikat untuk memastikan daging cukup, duit daging dibelikan untuk beli kondominium. Kalau macam ini cara kita memerintah, sampai bila pun daging tidak akan cukup. Setujukah Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, RM250 juta untuk NFC itu saya bagi kalau seekor RM2,000 seekor lembu, kita boleh beli 125,000 ekor lembu, lembu muda. Ini kita cakap tentang RM2,000 ekor ini Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kuala Kangsar-lembu muda, yang setahun akan cukup umur setahun lagi untuk korban. Katakan RM2,000 seekor kita boleh beli lembu sebanyak 125,000 ekor. Kalau kita bagi seorang dua ekor, tidak usah bagi pada orang lain, kita bagi kepada 62,500 Wanita UMNO [Ketawa] Dua ekor sahaja, kita hendak bagi dua ekor seorang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau lembu yang diberi itu dapat lembu betina dua-dua, dua-dua dapat lembu betina.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Awat ni ustaz?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Pengerang [Ketawa]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Wanita PAS, Wanita PAS tak nak kah?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Petang-petang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Puteri UMNO boleh juga, Puteri UMNO.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Okey, ini saya cakap serius, Matematik saya pandai juga. 62,500 sebab di sebelah saya ini pakar bahagian nuklear, dia PhD. 62,500 orang Wanita UMNO dapat dua ekor seorang. Kalau pula 222 kawasan Parlimen bagi dengan 125,000 ekor, setiap kawasan Parlimen dapat 563 ekor. Jadi, Arau ini kawasan yang kecil, syoklah dapat. Ada 563 ekor untuk satu kawasan Parlimen. Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita lihat tadi ialah kita harapkan walaupun kita dalam keadaan gurau dan sebagainya, kita kena pandang serius. Soal makanan ini kita mesti anggap sebagai satu *food security*, dengan izin, kerana kita bimbang, takut terjadi sesuatu kepada negara yang kita import, rakyat Malaysia hendak makan apa, hendak makan mikrofon? Hendak makan wayar elektrik? Kita tidak cukup makan ini, kita gelak-gelak juga Yang Berhormat Gerik. Gerik makan pokok getah sahajalah, di belah Gerik itu.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan supaya dalam perkara ini dipandang serius daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam menangani perkara ini. Kita tidak mahu agensi-agensi yang ada ini mereka menjadi pegawai, hanya duduk di dalam bilik yang berhawa dingin. Jadi, sebab itu kita harapkan mereka turun untuk beri tanpa pilih sama ada apa partinya, asalkan mereka ini orang yang boleh

mengusahakan, silakan. Yang pentingnya ialah untuk memberi dan menyumbang kepada pembangunan makanan negara kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:
Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 2014 di Dewan yang mulia ini. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini ialah Yang Berhormat Bukit Gantang sebentar tadi, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Permatang Pauh. Seramai 17 orang dan banyak celahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Antara isu yang terpenting yang ditimbulkan ialah mengenai isu Bank Rakyat, Yang Berhormat Pokok Sena, pinjaman oleh Deepak Jai Kisan. Sebelum apa-apa, ingin saya perbetulkan beberapa persepsi berkenaan isu ini yang timbul, pertamanya dalam kes yang disebut tiada sebarang pinjaman baru yang dibuat kepada mana-mana peniaga atau individu atas arahan menteri ataupun campur tangan Menteri. Tiada sebarang pinjaman baru yang dibuat.

Keduanya, ianya menjadi perkara biasa untuk sesebuah bank menjalankan penstrukturan pinjaman untuk mendapatkan semula bayaran terutama kepada mana-mana pinjaman yang diklasifikasikan sebagai *non-performing loan* (NPL), dengan izin. Kenapa bank melakukan penstrukturan ialah kerana bank bertanggungjawab terhadap pemegang saham dan dalam suatu kes penstrukturan, bank mempunyai tanggungjawab untuk memastikan sebarang pinjaman dan urus niaga yang dibuat mempunyai pulangan laba yang terbaik berdasarkan keadaan.

Sebagai contoh, bank perlu mengambil kira sekiranya tindakan undang-undang diambil dan harta peminjam atau perniagaan dilelong, adakah ia mampu mendapatkan semula jumlah kos pinjaman yang telah diberikan. Adakah dengan membuat peminjam muflis, maka ianya menguntungkan bank secara keseluruhan, malah proses tindakan undang-undang itu sendiri akan mengambil masa bertahun-tahun dan wujud pelbagai kos tambahan.

■1740

Jadi bank kena buat keputusan yang terbaik untuk pemegang saham mereka. Ini adalah amalan industri termasuklah kepada Bank Rakyat. Persepsi yang saya ingin betulkan juga ialah Bank Rakyat tidak sesekali memberi pinjaman kepada mana-mana individu tanpa mengira kadar keuntungan. Tiada individu istimewa. Bank Rakyat tiada istilah individu anugerah Tuhan atau sebagainya. Mana-mana cerita kononnya Bank Rakyat memberi pinjaman tanpa faedah kepada mana-mana individu istimewa tertentu maka pada hari ini saya ingin tegaskan bahawa Bank Rakyat tidak pernah berbuat demikian.

Selaku institusi kewangan, semua pinjaman yang diberi mempunyai kiraan faktor keuntungan. Jadi apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena walaupun beliau tidak ada di sini adalah tidak benar. Tidak timbul soal bayaran semula pinjaman yang sama nilainya dengan apa yang dipinjam. Peminjam akan bayar lebih kerana terdapat faktor untung dan caj-caj lain yang berkaitan. Kalau ada mana-mana individu atau khabar angin yang kononnya mengatakan ada orang istimewa tertentu dapat pinjaman tanpa faedah, orang itu terkeliru dengan penstrukturan pembayaran semula pokok atau baki pinjaman.

Satu lagi isu mengenai dengan izin *post dated cheque*. Saya tidak faham apa isunya di sini cuma sekadar cara bayaran semula. Yang penting peminjam itu bayar. Tidak kisahlah *post dated cheque* atau *cash* atau potong gaji. Apa yang penting dia mesti membayar. Kalau dia gagal bayar atau *post dated cheque* tidak sah, gagal, kena tendang,

Bank Rakyat akan mengambil tindakan undang-undang bukannya peminjam itu lepas lari macam itu sahaja. Kemudian tidak timbul isu kononnya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ...Menteri campur tangan dan sebagainya malah Yang Berhormat Menteri sendiri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang bangun.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ...Telah menyatakan bahawa dia sedia disiasat dan SPRM pun telah mengeluarkan kenyataan mengenai isu ini. Kenyataan rasmi SPRM. Berhubung dengan laporan media berkaitan pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Bank Rakyat kepada seorang ahli perniagaan, penelitian awal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mendapati setakat ini tiada unsur rasuah dalam isu yang dibangkitkan. Ia lebih kepada isu tadbir urus bank.

Walau bagaimanapun, SPRM akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya termasuk memanggil pihak-pihak yang berkaitan jika menerima maklumat baharu. SPRM juga mahu menjelaskan bahawa bukan semua aduan atau dakwaan yang dilaporkan oleh media atau dibangkitkan oleh mana-mana pihak adalah kes rasuah. Akta Suruhanjaya pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 hanya menyediakan peruntukan untuk menyiasat kes-kes berunsur rasuah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Bank Rakyat sendiri pernah mengeluarkan kenyataan kepada pihak media mengenai hal ini dan saya juga difahamkan Tan Sri Sabarudin ada menyatakan bahawa kenyataan beliau diputar belit oleh media-media propembangkang. Bank perlu memegang amanah yang tertakluk di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan atau *Development of Financial Institution Act* (DAFIA). Maka maklumat peribadi semua pelanggan mereka perlu dijaga tetapi seperti yang saya katakan tadi Bank Rakyat bersedia dan pihak kementerian juga terbuka sekiranya pihak berwajib untuk melakukan sebarang siasatan. Itu mengenai Bank Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suku pertama pertumbuhan KDNK Malaysia jika dibanding dengan negara-negara lain Malaysia 6.2%, Amerika Syarikat 2.3%. Malaysia lebih tinggi. Jepun 3.0%, United Kingdom 3.1%, kawasan Euro 0.9%, Korea Selatan 3.9%, Indonesia 5.2%, Singapura 5.1%, Malaysia 6.2% mengatasi semua negara yang saya sebutkan tadi. Negara kita berada dalam keadaan yang kukuh.

Mengenai RM4.612 bilion bajet tambahan yang kita pohon RM1 bilion untuk subsidi bahan api. Ini tidak boleh tidak kita terpaksa keluarkan. Kemudian RM2.082 bilion adalah untuk pembayaran bonus penjawat awam setengah bulan yang kita bayar pada Januari 2014. Itu juga satu perkara yang baik untuk rakyat dan kakitangan penjawat awam. Sudah RM3 bilion daripada RM4.6 bilion. Kemudian satu lagi kumpulan bonus daripada RM4.6 bilion itu ialah bonus Lembaga Hasil Dalam Negeri tahun 2013 berjumlah RM208.9 juta. Mengenai pencen ia berada dalam apa yang disebut sebagai tanggungan dan kita tidak timbulkan sangat dalam bajet ini dan komitmen lain akan saya terangkan selepas ini. Itu adalah mengenai mengapa kita perlu peruntukan tambahan yang kita bentangkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh bertanya adakah RM4.6 bilion ini menjejaskan kadar defisit. Kerajaan komited dalam memastikan kemapanan fiskal jangka panjang negara dengan terus melaksanakan langkah konsolidasi fiskal. Namun konsolidasi fiskal dilaksanakan dengan beransur-ansur bagi terus menyokong pertumbuhan ekonomi serta mengekalkan kesejahteraan rakyat. Bagi tujuan ini kerajaan telah menetapkan sasaran defisit fiskal kepada 3.5% untuk tahun ini. Tahun 2013 kita menasarkankan 4%, kita mencapai 3.9% lebih baik 0.1%.

Peruntukan tambahan berjumlah RM4.6 bilion yang dicadangkan tidak akan menjejaskan sasaran defisit 3% pada tahun ini memandangkan pertambahan tersebut

akan diimbangi dengan langkah perbelanjaan berhemat termasuk 11 langkah penjimatan yang telah diumumkan sebelum ini. Namun kerajaan akan memastikan pelaksanaan langkah penjimatan tersebut tidak menjejaskan tahap penyampaian perkhidmatan awam dan *outcome* yang ingin dicapai. Langkah ini dijangka memberi penjimatan perbelanjaan kerajaan kira-kira RM2 bilion pada tahun ini 11 langkah itu. Di samping itu, hasil kerajaan dijangka bertambah melalui peningkatan kutipan hasil dan dividen syarikat milik kerajaan. Oleh kerana itu Yang Berhormat Jasin juga menimbulkan perkara ini ia tidak menjejaskan kadar defisit 3.5% pada tahun 2014. Kemudian...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan ialah perbelanjaan pembentangan belanjawan baru-baru ini adalah pada 25 Oktober 2013 untuk tahun 2014. Kita nampak di sini macam kita tidak nafikan bonus yang dibayar untuk kakitangan awam untuk tahun 2013 yang dibayar pada Januari 2014. Persoalan ialah yang ini adalah nilai belanjawan yang telah dikenal pasti. Kenapa tidak dimasukkan dalam belanjawan semasa dibentangkan pada 25 Oktober 2013? Ini bayaran adalah pada Januari 2014. Ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh yang akan mengganggu defisit 3.5%. Mengapa ini tidak dimasukkan dalam pembentangan pada 25 Oktober 2013? Padahal ini jelas. Ini adalah bonus kakitangan awam yang kita beri pada tahun 2013 hanya dibayar pada tahun 2014 dan dibayar pada bulan Januari. Hanya satu bulan sahaja. Mengapa ia tidak dimasukkan? Apa rasionalnya?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Rasionalnya ialah pada ketika itu jika kita melepaskan wang yang berkaitan maka sasaran defisit untuk tahun 2013 tidak akan tercapai. Itu antara punca yang utamanya. Kita mensasarkan defisit ialah 4%. Kalau kita lepaskan maka ia tidak akan mencapai sasaran itu.

Yang Berhormat Jasin- mengapa kerajaan masih memerlukan tambahan RM1 bilion padahal semasa kenaikan harga minyak 20 sen seliter. September 2013 dijangka dapat penjimatan lebih RM3 bilion. Jawapan- Walaupun kerajaan telah menurunkan subsidi 20 sen seliter pada September tahun lepas namun harga minyak sentiasa berubah-ubah. Terkini purata harga minyak mentah dari Januari hingga April 2014 adalah pada paras USD115 se tong berbanding unjuran asal harga minyak mentah ketika kita membuat bajet ini ialah USD104 setong. Oleh kerana ada kenaikan USD11 satu tong maka kita memerlukan tambahan. Sekiranya subsidi tidak diturunkan sebanyak 20 sen seliter pada September 2013 kemungkinan jumlah peruntukan tambahan yang diperlukan adalah lebih daripada RM1 bilion.

Mengenai cadangan harga diesel kepada harga pasaran. Kerajaan mengambil maklum berhubung cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, kajian yang teliti dan komprehensif perlu diadakan bagi memastikan ia tidak menjejaskan rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara.

Yang Berhormat Kinabatangan- mengenai pemberian subsidi diesel terutamanya kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan mewujudkan mekanisme pemberian subsidi yang lebih bersasar bagi memastikan perbelanjaan kerajaan yang lebih berhemah dan produktif.

■1750

Namun demikian, dalam mempertimbangkan mekanisme yang bersesuaian, kerajaan perlu menjalankan kajian yang teliti dan komprehensif bagi memastikan ia tidak menjejaskan rakyat dan ekonomi negara.

Kenapa berlaku kejadian penyeludupan subsidi? Punca utamanya ialah kerana harga bahan bakar di Malaysia ini jauh lebih murah daripada negara-negara jiran. Sebagai contoh, satu liter RON95 di Malaysia berharga RM2.10. Singapura berharga RM5.81 seliter. Maka bocor. Indonesia berharga RM3.16 seliter, Thailand berharga RM4.91 seliter, Filipina berharga RM5.40 seliter. Malaysia berharga RM2.10. Betapa beruntungnya kita berada dalam negara Malaysia di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Diesel, RM2 seliter di Malaysia. Kenapa diesel itu diseludup? Ini kerana di Singapura berharga RM4.46 seliter, Indonesia berharga RM3.58 seliter, Thailand berharga RM3.04 seliter. Maka bocor ke Thailand. Filipina berharga RM4.39 seliter.

Kemudian LPG untuk satu kilogram. Di Malaysia berharga RM1.90 sekilogram LPG, gas memasak. Di Singapura berharga RM8.61, di Indonesia berharga RM2.06, di Thailand berharga RM2.75, di Filipina berharga RM2.98 sekilogram LPG. Di Malaysia cuma RM1.90.

Ini yang menyebabkan kebocoran subsidi itu. Selain daripada perkara-perkara yang berlaku, kita mengambil berat tentang penyeludupan dan penyelewengan subsidi yang berlaku sekarang ini. Kaedahnya akan diumumkan. Sekarang ini sedang diteliti. Kemudian apabila tiba masanya, kita akan mengumumkan apakah kaedah yang akan dilaksanakan kelak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasmin bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama, Yang Berhormat Menteri ada sebut tadi tentang *saving* yang sepatutnya kita unjurkan pada tahun lepas sebanyak RM1.1 bilion tidak dapat kita capai kerana harga RON95 semakin meningkat di pasaran. Maknanya daripada USD104 setong dia terus meningkat. Itu sebab kita terpaksa minta bajet tambahan bernilai RM1 bilion lagi. Apa jadi sekarang jika pasaran RON95 akan terus meningkat? Adakah kita akan mengurangkan lagi subsidi kita kepada rakyat? Itu yang pertama.

Kedua, tentang penyelewengan diesel yang berlaku secara berleluasa pada ketika ini yang baru-baru ini ditangkap, barulah kita dapat tahu bahawa banyak penyelewengan yang berlaku. Bukan sahaja banyak penyelewengan berlaku tetapi banyak ketirisan dan banyak wang yang telah mengalir keluar dan banyak wang yang kerajaan telah rugi. Sepatutnya perkara ini tidak boleh berlaku kalau *nanotech* masih lagi kita amalkan. Kenapakah kerajaan tidak mengamalkan lagi *nanotech* ini yang walaupun harganya sebanyak RM100 juta sahaja? Kita berhenti pada tahun 2011 kerana katanya Kementerian Kewangan tidak meluluskan untuk penyambungan kontrak tersebut.

Akibatnya, kita banyak berlaku ketirisan. Keduanya, kerana tirisian ini Yang Berhormat Menteri, ini cadangan daripada pengguna sendiri. Daripada pengguna dan orang ramai. Dia kata kenakan kami harga pasaran tetapi *target group* kita, kita bayar dengan harga lain supaya mereka yang betul-betul *targeted subsidy* diberi kepada orang kumpulan sasar. Bukan semua orang dapat. Jadi sekarang sebenarnya orang yang kaya yang dapat mengecap nikmat subsidi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Jika harga minyak makin meningkat, maka jumlah subsidi yang kita akan berikan dan keluarkan itu makin meningkat. Contoh, pada tahun 2011, subsidi bahan bakar ini, ketiga-tiga iaitu diesel, LPG dan RON95, pada tahun 2011, sebanyak RM20.28 bilion. Pada tahun 2012, sebanyak RM24.73 bilion. Pada tahun 2013, sebanyak RM22.34 bilion. Purata lebih kurang RM2 bilion sebulan. Masa zaman pemerintahan Tun Dr. Mahathir dahulu, sebanyak RM2 bilion setahun. Oleh kerana harga minyak yang meningkat pada zaman pemerintahan Yang Amat Berhormat Pekan sekarang, RM2 bilion sebulan dan ini adalah satu tanggungan yang besar kerana RM2 bilion itu setiap bulan kita boleh melakukan macam-macam pembangunan untuk rakyat dan negara jika subsidi ini ditarik sepenuhnya. Namun, keputusan kerajaan kita tidak akan tarik sepenuhnya. Kita sedang teliti bagaimanakah kaedah.

Pada saat dan ketika ini, satu liter kita membeli RON95, sebanyak RM2.10 kita bayar, 71 sen ditambah oleh kerajaan sebagai subsidi setiap satu liter. Diesel, sebanyak RM2.00 kita bayar seliter, 74 sen kerajaan bayar untuk satu liter. Cukai jualan juga kita keculikan daripada petrol sebanyak 58.62 sen cukai jualan kita keculikan. Daripada diesel, sebanyak 40 sen cukai jualan kita keculikan. Jadi ini bukti bahawa kerajaan memang hendak membantu rakyat.

Walau bagaimanapun, dia tersasar dan subsidi yang bersasar perlu kita laksanakan dan pelbagai kaedah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin

tadi, kita akan teliti. Tidak ada satu lagi keputusan muktamad walaupun ada cerita-cerita dalam media sosial. Namun, itu hanya setakat spekulasi dan kita akan memperincikan apakah kaedah supaya subsidi ini benar-benar membantu rakyat dan kita ada tambahan kepada wang negara yang kita boleh kembalikan semula kepada rakyat dalam pelbagai bentuk pembangunan.

Kemudian mengenai prestasi kutipan hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri, mengapa LHDN yang dapat segala-galanya itu? Kenapa tidak kepada penjawat awam yang lain? Penjawat awam yang lain kita bagi tetapi setengah bulan dan ini jawapannya. Pada tahun 2010, kutipan hasil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, ada 11,000 kakitangannya untuk negara, RM86.5 bilion kutipan LHDN. Pada tahun 2011 sebanyak RM109.6 bilion. Pada tahun 2012 meningkat kepada RM124.9 bilion dan pada tahun 2013 meningkat kepada RM129.0 bilion. Pada tahun ini, unjuran sebanyak RM140 bilion. Oleh kerana meningkat setiap tahun, sebagai contoh dari tahun 2011 ke 2012 meningkat sebanyak RM15 bilion kutipan, tahun 2012 ke 2013 meningkat sebanyak RM4 bilion kutipan, jadi sebagai menghargai usaha mereka itu, seramai 11,000 kakitangan mendapat bonus sebanyak RM208 juta sebagaimana peruntukan yang kita pohon, peruntukan bekalan tambahan pada kali ini.

Seterusnya hutang kerajaan. Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat ada menyebut. Sehingga suku pertama 2014, jumlah hutang adalah sebanyak 52.2% daripada KDNK. Kita sendiri yang menetapkan siling sebanyak 55% itu. Kita boleh tetapkan 60%, kita boleh tetapkan sebanyak 70%, namun kita meletakkan 55% siling daripada KDNK. Jumlah hutang 52.2% KDNK ini nilainya ialah RM560.6 bilion. Cuba kita banding dengan negara-negara lain. Adakah perkara ini memeranjatkan jika 52.2% daripada KDNK ini?

Saya ingin memaklumkan, Singapura sebanyak 105.5% daripada KDNK. India sebanyak 51.5% daripada KDNK sekarang ini. Hutang persekutuan negara-negara ini. Kemudian, Jepun sebanyak 224.6% daripada KDNK. Amerika Syarikat sebanyak 72% daripada KDNK. Kita, sebanyak 52.2% daripada KDNK. Jadi, memang, ya, kita ketahui bahawa hutang ini adalah suatu yang kita *concern*, yang kita ambil berat. Namun, kita boleh membayar hutang-hutang itu mengikut jadual.

■1800

Seterusnya ialah mengenai bayaran pencen. Semua kos pembayaran pencen dan ganjaran telah diambil kira dalam penyediaan Bajet 2014. Walau bagaimanapun, terdapat pertambahan luar jangka terutama yang melibatkan bilangan pesara pilihan sendiri yang naik secara mendadak. Dijangkakan unjuran permohonan persaraan pilihan sendiri akan meningkat melebihi 20% daripada unjuran asal. Itu sebab kita memerlukan peruntukan tambahan sebab ini ia persaraan pilihan sendiri. Ia bukan yang umur 60 tahun. Kalau umur 60 tahun itu kita boleh tahu jumlahnya dengan tepat. Akan tetapi tiba-tiba umur 55 dia terasa dia hendak pencen, dia ambil *optional*. Jadi, itu sukar untuk kita buat kiraan yang tepat. Itu sebab kita perlukan bajet tambahan pada hari ini.

Penambahan persaraan ini telah menyebabkan peruntukan disediakan untuk tahun 2014 sebanyak RM14.1 bilion. Kita bayar pencen Ahli-ahli Yang Berhormat RM14.1 bilion bayaran pencen setahun dan ia tidak mencukupi untuk menampung bayaran faedah persaraan sehingga 31 Disember 2014. Itu sebab kita perlukan peruntukan tambahan.

Kemudian, Yang Berhormat Lembah Pantai, Parit Sulong bertanya apa dia kaedah yang hendak diguna untuk rasionalisasi subsidi ini, apa kaedahnya? Sebagainya yang saya sebut tadi kerajaan masih lagi meneliti dengan terperinci supaya tidak menjejaskan mana-mana pihak dan usaha kita ini tentunya akan sentiasa meletakkan rakyat di hadapan kita. Kemudian, Yang Berhormat Putatan mengenai sekolah di Sabah yang masih menggunakan kayu. Kementerian telah melaksanakan pemeriksaan selesa bangunan di seluruh negara termasuk di negeri Sabah di bawah pelaksanaan program audit fizikal sekolah, sekolah yang memerlukan kerja baik pulih dari struktur, bukan struktur dan pendawaian telah dikenal pasti. Kementerian juga sentiasa memberi tumpuan pada usaha membaik pulih dan menaik taraf bangunan yang mengalami kerosakan teruk termasuk sekolah yang mengalami kebakaran.

Namun, pelaksanaan projek baik pulih naik taraf bergantung kepada keutamaan. Selepas itu, Yang Berhormat Putatan juga bertanya kenapa tidak disalurkan terus ke JPN Sabah. Kementerian Pendidikan telah membuat penurunan kuasa kepada JPN Sabah

untuk melaksanakan sendiri perolehan tender perkhidmatan bermula pada 2 Januari tahun ini. Satu garis panduan telah disediakan bagi membantu pegawai-pegawai di JPN Sabah melaksanakan proses perolehan secara tender yang bernilai RM5 juta dan ke bawah.

Mengenai konsesi UiTM, beberapa Ahli Yang Berhormat menimbulkan kos pembayaran konsesi yang dipohon melalui Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan adalah RM234 juta untuk enam buah kampus baru UiTM. Ia telah disiapkan dan diserahkan pada kerajaan pada bulan Februari. Kos ini bukan kenaikan kos tetapi sudah siap dan komitmen kerajaan untuk bayar. Dia adalah projek PFI, jadi kita kena bayar projek PFI kepada UiTM yang telah siap.

Yang Berhormat Pengerang menyebut apa akan berlaku pada UiTM? Yakinilah bahawa UiTM kita akan teruskan, malahan komitmen Yang Amat Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan menambah 250,000 pelajar dalam masa-masa setahun untuk UiTM. Ini satu komitmen yang amat besar yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pekan dan kita tidak akan berundur daripada itu.

Kemudian, Yang Berhormat Jerlun, Machang mengenai subsidi padi misalnya. Saya ingin menyatakan di sini banyak subsidi padi ini. Subsidi harga padi RM480 juta tahun ini. Subsidi baja padi RM465 juta tahun ini. Subsidi benih padi yang sah RM85 juta tahun ini. Kemudian, insentif pengeluaran padi 563 juta tahun ini dan peningkatan hasil padi 80 juta. Ini insentif peningkatan hasil padi 80 juta tahun ini. Yang Berhormat Pengerang tadi menimbulkan tentang nelayan. Insentif hasil tangkapan nelayan ialah 240.5 juta tahun ini. Jadi, kita tidak akan melupakan penanam padi dan juga nelayan dalam segala tindakan-tindakan dan juga bajet kerajaan.

BR1M, di tanya oleh Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Pengerang. Saya ingin maklumkan bahawa bilangan yang menerima BR1M pada saat dan ketika ini sebelum kita beres menyelesaikan segala rayuan 6,416,154 orang, 6.4 juta rakyat yang menerima BR1M. Yang menerima RM650, campur RM50 i-BR1M, 3.9 juta orang berjumlah RM2.5 bilion. Yang menerima RM450 campur RM50 i-BR1M untuk pendapatan RM3,001 hingga RM4,000 gaji isi rumah, 355,000 orang berjumlah RM159 juta dan bujang yang menerima RM300 2.15 juta orang. Jumlahnya ialah RM645 juta. Jadi, jumlah keseluruhan penerima BR1M tahun 2014 ialah 3,909,898 campur 355,134 campur 2,151,122, jumlahnya ialah 6,416,154 orang dengan nilai RM3.346 bilion. Itu adalah statistik keseluruhan BR1M tahun 2014.

Kemudian, beberapa Ahli Yang Berhormat bertanya tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Contohnya Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Lipis. Apa dia yang 81 juta ini, apakah yang dipohon? Saya ingin menyatakan permohonan oleh MOA sebenarnya 120 juta. Kementerian Kewangan luluskan cuma 81 juta. Apakah tujuannya? Tujuannya adalah untuk peruntukan jaminan bekalan dan pengedaran agro makanan bagi membantu menangani kenaikan harga barang. Itu tujuannya. Jumlah-jumlahnya penyediaan modal pusingan bagi stok jualan RM5 juta. Pelaksanaan program kukuh RM3 juta, pusat pengumpulan peladang RM20 juta, penambahbaikan pusat pengumpulan dan pengedaran RM2 juta, penyediaan kemudahan penyimpanan RM3 juta. Penyediaan kemudahan pengangkutan termasuklah cerita tentang kenderaan-kenderaan yang ditimbulkan tadi RM2 juta. Penyediaan pasar tani borong yang baru dan juga pasar tani kekal yang baru RM34 juta di pohon, RM34 juta lulus.

Naik taraf pasar tani borong dan pasar tani kekal RM3 juta, naik taraf dan peningkatan imej pasar tani sedia ada RM1 juta. Pembinaan pasar raya agro juga untuk kita memastikan tidak wujud atau kurangnya orang tengah. Jumlah pasar raya agro RM3 juta. Program jimat belanja dapur RM2 juta, pelaksanaan pelan komunikasi RM3 juta. Jumlahnya RM81 juta. Ini juga adalah permohonan daripada jawatankuasa Kabinet untuk menangani kos sara hidup. Oleh kerana itu, ia adalah suatu perkara yang mustahak dan perlu diluluskan. Itu sebab kita mohon peruntukan tambahan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah mengenai langkah MOA dan menggalakkan lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian. Kementerian telah menyediakan beberapa program bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian seperti program pembangunan usahawan mengikut subsektor, program latihan dan kursus dari segi teknikal, perniagaan dan keusahawanan.

Ditanyakan juga tentang BERNAS. Perkara ini sedang dalam kajian. Adakah perlu ada satu lembaga baru? Walau bagaimanapun, pada masa ini kerajaan terikat dengan

perjanjian konsesi penswastaan dengan BERNAS, kajian terperinci adalah perlu bagi memastikan tiada isu perundangan dan implikasi kewangan yang berbangkit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Bagan Serai.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menanyakan sedikit tentang pemotongan setelah penentuan padi. Walaupun ada keseragaman harga sebanyak RM1,200 per tan metrik tetapi apabila penentuan dibuat, pemotongan sehingga 20% hingga 28% ini agak tinggi yang menyebabkan petani kerugian dan akan membebankan petani. Jadi, saya kira BERNAS patut fokus tentang perkara ini. Cadangan menurunkan 18% hingga 19% adalah satu angka yang lebih baik untuk petani di masa depan. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih, kita ambil ingatan tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Esok semasa jawatankuasa boleh tanyakan kepada kementerian untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Harga daging segar, potensi masalah. Sebagai makluman MOA tidak mengawal harga daging dan hanya mengawal selia jumlah pengeluaran daging dalam negara. Namun begitu, bagi mengelakkan harga daging naik terutama pada musim perayaan, MOA telah mengambil langkah awal bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam negara dengan membenarkan pengimportan daging dan ternakan hidup dari Kemboja, *Myanmar*, Pakistan dan Brazil sebagai tambahan kepada negara pengeksporth sedia ada. Negara ini mencapai piawai pengeksporth daging yang ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

■1810

Pada masa yang sama, Jabatan Veterinar juga sedang membangunkan 67 ladang satelit untuk tujuan penternakan lembu secara fidlot, memantapkan penternakan secara integrasi dan memperkasakan program pembakaan. Apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang mengenai NFC, kita bukan membiarkan dan kita mengambil tindakan undang-undang di mahkamah.

Kemudian, yang bertanya tentang apa yang berlaku RM20 juta bagi usaha pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB. Saya ingin memaklumkan bahawa saya sempat tadi bersama Yang Berhormat Arau untuk makan tengah hari dengan *His Excellency* Meli Bainimarama Duta Fiji ke Malaysia dan Thailand dan Mr. Pita Tagicakirewa *Counsellor* Fiji ke Malaysia.

Sebenarnya mereka berada ketika isu Fiji disebut oleh Yang Berhormat Gopeng. Kemudian disentuh oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ingin memaklumkan Fiji bukan sebuah negara yang ingin melobi kepada kerusi itu. Jadi mereka terperanjat sebenarnya dan itu adalah kesilapan daripada Yang Berhormat Gopeng dan kemudian disokong pula oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Fiji sebenarnya menyokong Malaysia. Mereka tidak ada hasrat pun untuk duduk di kerusi itu. Kadang-kadang kita sedap sahaja mendengar kenyataan-kenyataan daripada pembangkang. Pembangkang memang macam itu, sedap sahaja menyatakannya tetapi sebenarnya tidak betul...

Seorang Ahli: Bohong.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, bohonglah dengan lain perkataan. Saya ingin menyatakan hasil usaha setakat ini sebagai contoh Perdana Menteri pergi ke negara China. Beliau memaklumkan kepada BNBBC dua malam yang sudah bahawa negara China menyokong usaha pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB. Sebanyak 54 buah negara Rantau Pasifik, semua menyokong dan negara-negara ASEAN semua menyokong. Negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) semua menyokong. Jadi kita perlu hantar pegawai-pegawai kita, Menteri, Timbalan Menteri, KSU Kementerian Luar Negeri kesemua negara itu dan tentunya ia melibatkan kos.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja sebenarnya. Tidak ada apa lagi yang ingin saya nyatakan. Terima kasih kepada semua. Kepada yang *detail*, saya ada catat semua sekali di sini. Yang Berhormat Permatang Pauh saya ada catat, Yang Berhormat Gopeng, kemudian Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Lenggong mencadangkan supaya jawatankuasa mengkaji mengenai subsidi IPP ini. Ia adalah satu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Lenggong. Kemudian Yang Berhormat Pokok Sena, saya sudah

jawab tentang Deepak. Kemudian Yang Berhormat Jasin juga sudah jawab. Kemudian mana lagi? Ahli Yang Berhormat Beruas mengenai perkara menghormati antara agama. Beliau...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, sekejap sahaja. Saya tadi tidak sempat. Hendak tanya Menteri tentang kes Deepak tadi... *[Disampuk]* Sibuklah Menteri. Tadi saya bangun tetapi tadi Menteri tengah menjawab. Saya hendak dapatkan kepastian daripada Menteri, apabila Tan Sri Sabaruddin Chik apabila beliau memberikan maklumat berkaitan dengan kes Bank Rakyat ini dan kita tahu kontraknya tidak diperbaharui. Saya hendak tanya, adakah pendedahan beliau itu ada kaitan dengan penyambungan atau tidak menyambung kontrak beliau itu? Saya minta penjelasan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tanya, bukan saya tuduh. Apa lah.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tidak ada sebenarnya. Yang Berhormat Sepang, tidak ada sebarang kaitan tentang perkara itu. Saya tadi berjumpa dengan Menteri KPDNKK dan beliau mengesahkan bahawa tidak ada kaitan dengan perkara itu.

Okey, Yang Berhormat Beruas juga bertanya tetapi apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Beruas itu, beliau sedikit lagi ingin menyebut membenarkan supaya hak orang Islam untuk memilih agama cuma beliau tidak sebut tetapi saya faham segala yang disebut, itu tujuannya. Perkara itu adalah perkara yang amat sensitif untuk ingatan Yang Berhormat Beruas.

Kemudian Yang Berhormat Lembah Pantai, hutang saya sudah jawab. Tentang GST sudah panjang lebar dan kita pun sudah sedia maklum tentang GST ini. Yang Berhormat Putatan, tanah-tanah terbiar dan sekolah kayu tadi saya sudah jawab. Yang Berhormat Jerlun juga saya sudah jawab. Yang Berhormat Temerloh, apa yang berlaku ini Yang Berhormat Temerloh, perkara yang tidak dapat dielakkan. Itu sebabnya maka kita terpaksa menambah dan melakukan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Yang Berhormat Lipis pertanian, kenderaan juga saya sudah jawab. Yang Berhormat Indera Mahkota, dia menyebut baik Thailand ini. Saya hendak maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang berlaku di Thailand. Sebanyak 6.2% pertumbuhan ekonomi kita pada tiga bulan yang pertama atau suku pertama tahun ini tetapi oleh kerana ketidakstabilan politik di Thailand, pertumbuhan ekonomi di Thailand menguncup -0.5% walaupun mungkin ia baik dari segi pertanian tetapi dari segi itu Malaysia jauh lebih baik ke hadapan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan itu kawasan dia, tujuannya ialah untuk kembalikan pantai kepada rakyat sebenarnya. Itu yang berlaku di kawasan Tanjong Aru. Kemudian Yang Berhormat Parit Sulong, kaedah rasionalisasi subsidi. Tunggulah, kita sedang meneliti dengan teliti. Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Silam industri sawit, POIC, UiTM konsesi, tentang perkara ESSCOM kita ambil ingatan.

Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Pengerang. Segala perkara makanan di MAS itu juga kita ambil ingatan dan tentang *feedlot* tadi sedikit sebanyak saya telah menjawab. Jadi, semua sekali sudah selesai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Jadual -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Minta Menteri Kewangan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi semua kementerian.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM4,112,107,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2014 bagi maksud Bekalan B.7, B.10, B.11, B.13, B.21 dan B.41 untuk kementerian berkenaan dijadikan jadual dan penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22, Tahun 2014 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2014 telah pun dibentangkan. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22A, Tahun 2014. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ya sila Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Pembinaan Bangunan Baru SJKT Gunung Rapat

6.19 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya ingin bangkitkan isu pembinaan bangunan baru untuk SJK(T) Gunung Rapat. Perkara ini bukan perkara baru tetapi memerlukan penyelesaian segera. SJK(T) Gunung Rapat menghadapi masalah bangunan sekolah semenjak dari dahulu lagi. Saya telah membawa isu ini di Dewan Negeri Perak dan juga dalam Dewan Rakyat. Saya masih tidak mendapat penjelasan yang tepat mengenai isu ini. Sebidang tanah telah diluluskan oleh kerajaan Perak setelah kami menekan dan menuntut sejak tahun 2009.

■1820

Tanah seluas 2.4 ekar iaitu terletak di Ampang, Ipoh iaitu lebih kurang dua kilometer daripada bangunan lama SJK(T) Gunung Rapat yang masih beroperasi lagi. Selepas tanah itu diluluskan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang datang mengunjungi Pesta Deepavali pada 28 Oktober 2011 telah menjanjikan peruntukan sebanyak RM2.5 juta untuk pembinaan bangunan baru bagi SJK(T) Gunung Rapat. Pada 24 Mei 2012, Datuk Hamidah Osman, Exco Kanan kerajaan negeri ketika itu telah membuat

pengumuman media bahawa kerja-kerja pembinaan sekolah itu akan dimulakan dalam masa tiga bulan.

Masalahnya sekarang ialah tanah telah diluluskan dan peruntukan Kerajaan Persekutuan pun telah dijanjikan. Akan tetapi masih tidak nampak apa-apa perkembangan dalam projek pembinaan bangunan baru untuk sekolah tersebut. Baru-baru ini saya telah bangkitkan isu ini melalui media masa.

Seorang pemimpin MIC memberitahu saya bahawa projek ini berada di ICU dan akan dimulakan bila-bila masa. Seorang lagi pemimpin MIC pula mengatakan projek ini sudah dikeluarkan tender. Saya tidak dapat mempercayai kata-kata kedua-dua pemimpin itu kerana inilah janji yang telah dibuat dari tahun 2009. Sudah lima tahun saya memperjuangkan isu ini tetapi tidak nampak apa-apa perkembangan yang konkrit. Hanya janji kosong setiap kali isu ini dipaparkan dalam media.

Saya mahu Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kepada beberapa soalan berikut:

- (i) adakah kerajaan benar-benar berhasrat untuk membina bangunan baru untuk SJK(T) Gunung Rapat;
- (ii) berapakah jumlah sebenar yang diluluskan untuk pembinaan bangunan baru SJK(T) Gunung Rapat;
- (iii) di peringkat manakah status projek ini sekarang?;
- (iv) adakah pelan untuk bangunan itu telah dilukis setakat ini. Jika ya, diminta sesalinan pelan itu diberikan untuk rujukan saya;
- (v) berapakah bilik darjah yang dicadangkan di bangunan baru itu;
- (vi) bilakah projek ini akan dimulakan; dan
- (vii) bilakah projek ini dijangka siap.

Saya memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan yang tepat dan tidak mengelirukan seperti yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin MIC negeri Perak.

Saya mahu isu ini diselesaikan dengan segera supaya anak-anak kita di SJK(T) Gunung Rapat dapat menikmati suasana baru yang lebih selesa dalam tempoh terdekat. Saya juga berharap semua pihak yang terlibat dalam sekolah ini memainkan peranan yang serius dan tidak melengah-lengahkan lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Batu Gajah dalam membangkitkan isu pembinaan bangunan baru untuk SJK(T) Gunung Rapat. Kementerian sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sebenarnya telah pun mengambil beberapa tindakan untuk merealisasikan sekolah berkenaan.

Oleh yang demikian, izinkanlah saya menjelaskan satu per satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Adakah kerajaan benar-benar berhasrat untuk membina bangunan baru SJK(T) Gunung Rapat? Ya, Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya berhasrat untuk membina bangunan baru untuk sekolah berkenaan seperti yang dirancang.

Nombor dua, berapakah jumlah sebenar yang diluluskan untuk pembinaan bangunan baru SJK(T) Gunung Rapat? Setelah disemak dan diteliti, jumlah peruntukan RM2.5 juta yang telah dipersetujui adalah tidak mencukupi untuk pembinaan baru. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan semula permohonan peruntukan untuk dipertimbangkan dan diluluskan dalam perancangan Pembangunan Pendidikan *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Soalan ketiga, di peringkat manakah status projek ini sekarang? Kementerian Pendidikan Malaysia telah membentangkan permohonan tersebut kepada EPU pada 26 Mei 2014 untuk dipertimbangkan dan ia masih tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Soalan keempat, adakah pelan bangunan telah dilukis setakat ini? Jika ya, diminta sesalinan pelan itu diberikan untuk rujukan saya. Pada masa yang sama, penyediaan maklumat lengkap seperti pelan pembangunan SJK(T) ini sedang diteliti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa ini bersama-sama dengan pihak yang berkepentingan seperti Lembaga Pengelola Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah dan sebagainya untuk tindakan selanjutnya.

Berapa bilik darjah yang dicadangkan di bangunan baru ini? Yang Berhormat, disebabkan tapak sedia ada tidak dapat menampung sebarang penambahan bangunan baru, satu tapak baru telah dicadangkan di Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta, Ipoh dengan keluasan seluas 2.4 ekar bagi membangunkan enam bilik darjah termasuk kemudahan-kemudahan yang lain.

Bila projek ini akan dimulakan dan bilakah projek ini dijangka siap? Sekiranya semua perancangan dapat dilaksanakan dengan baik, projek ini dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun 2015. Saya ulang Yang Berhormat, sekiranya semua perancangan dapat dilaksanakan dengan baik, projek ini dijangka mula dan dilaksanakan pada tahun 2015 dan projek ini dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh masa 24 bulan setelah ia dimulakan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Batu Gajah, isu pembangunan SJK(T) Gunung Rapat sebenarnya telah mendapat perhatian semua pimpinan kerajaan sejak dahulu lagi, bukan lima tahun. Okey? Sejak dahulu lagi kita telah mengambil perhatian. Hakikatnya, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan kualiti prasarana pendidikan sebaik mungkin dan ini disokong sepenuhnya oleh semua pimpinan parti komponen dalam kerajaan sedia ada. Terutamanya pemimpin MIC yang dari dahulu memperjuangkan hak-hak SJK(T), bukan hanya lima tahun ini tetapi sejak merdeka sehingga hari ini, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan MIC memperjuangkan hak sekolah Tamil.

Apa yang dilaksanakan pada masa ini... [*Dewan riuh*] Kalau hendak cakap, bangunlah. Mejar bersara ini pun tak tahu disiplinlah. Apa yang dilaksanakan pada masa ini adalah semata-mata untuk memenuhi keperluan rakyat dan bukan kerana desakan mana-mana pihak yang hanya mencari kesilapan orang lain atau menagih sokongan politik semata-mata. Saya berharap dengan penjelasan yang saya beri hari ini, Yang Berhormat Batu Gajah tidak akan terkeliru lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

Kedudukan Perkhidmatan KTMB

6.27 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Dewan dan Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada ucapan penungguhan. Di Malaysia, sistem kereta api tidak lagi dimonopoli oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad. Kini, kita telah mempunyai sistem RapidKL, KL Monorel, ERL dan terbaru sedang dalam pembinaan, MRT. Kementerian ini sepatutnya sudah melayakkan kita untuk mewujudkan industri kereta api sendiri. Namun saya ingin membahaskan mengenai perkhidmatan KTMB berbanding negara lain.

Sistem kereta api kita agak ketinggalan. Beberapa masalah lama masih lagi menghantui perkhidmatan KTMB, seolah-olah tiada pembaharuan walaupun negara sedang menuju ke arah menjadi negara maju.

Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung kepakaran dan pengetahuan kakitangan KTMB daripada pelbagai peringkat termasuk pemandu. Adakah kakitangan teknikal dan kejuruteraan KTMB menerima latihan komprehensif daripada kilang-kilang atau syarikat pembuat koc. Adakah KTMB mempunyai tenaga pengajar terlatih dalam bidang

kursus membaik pulih koc EMU dan segala peralatan lain. Adakah penyelenggaraan dilakukan sendiri oleh KTMB ataupun telah diserahkan kepada kontraktor ketiga? Indonesia juga mempunyai sebuah industri pembuat kereta api sendiri untuk menampung keperluan mereka. Kita bagaimana? Satu perkara lagi, saya melihat sekarang ini, KTMB sudah sewajarnya meluaskan jaringan laluan baru ke bandar-bandar lain. Sebagai contoh, KTMB boleh menyejajarkan laluan baru dari Pulau Sebang, Melaka melalui Bandar Raya Melaka, Muar terus ke Johor Bahru dan kemudiannya dipanjangkan lagi melalui Mersing terus ke Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Di bahagian tengah Semenanjung dari Kuala Lumpur melalui Mentakab terus ke Kuantan.

■1830

Laluan-laluan ini akan melalui kawasan-kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi dan seterusnya mampu menjana pelaburan yang menguntungkan di masa hadapan. Adakah KTMB mempunyai pusat kawalan yang memantau perjalanan tren-tren atau peranti-peranti tertentu seperti ATC yang dipasang pada landasan atau berhampiran landasan atau di lokomotif untuk tujuan ini? Adakah kita masih lagi menggunakan *meter gauge* dan kekuatan rel landasan yang sama? KL Sentral dibina dengan objektif menjadi sistem transit utama bagi negara kita, namun kelihatannya kita tidak mampu untuk menjadikan ia lokasi transit bagi semua jenis laluan rel. Perkhidmatan KL Monorel dan juga *Ampang Line* gagal untuk mempunyai akses terus ke KL Sentral. Kini dengan kepesatan bangunan-bangunan di sekeliling KL Sentral, ia boleh menghalang perkembangan sistem kereta api dan juga penambahan platform dan landasan baru.

KTMB juga seharusnya menyediakan ruang khas untuk umat Islam menjalankan tugas dan tanggungjawab bersolat di dalam kereta api di negara kita ini. Ketika ini umat Islam tidak mempunyai pilihan lain selain daripada terpaksa bersolat di tepi-tepi katil ekoran ketiadaan ruangan khas ini. Sistem kereta api jika diurus dengan baik dan teratur, ia akan menjadi satu alternatif pengangkutan awam yang berkesan di negara kita, lantas menjana ekonomi dan pelancongan dalam negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, komitmen kerajaan dalam menambah baik mutu perkhidmatan pengangkutan awam jelas melalui pengumuman Indeks Prestasi Utama (KPI), 6 Teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana salah satunya memberikan tumpuan kepada pengangkutan awam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Julai 2009. Bercanggah dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat Bakri sebentar tadi yang mendakwa tiada pembaharuan dalam perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KMTB) sebenarnya pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KTMB dalam menambah baik perkhidmatannya. Antaranya ialah perolehan 38 set *six car set* (SCS) yang baru bagi menampung permintaan yang meningkat. Penaiktarafan bangunan dan kemudahan di stesen-stesen seperti kemudahan bagi golongan orang kurang upaya atau OKU, pemasangan sistem CCTV, Sistem Pengumuman dan Paparan Informasi Masa (PIS). Penaiktarafan sistem tiket automatik serta penaiktarafan sistem operasi KTMB seperti semboyan dan komunikasi.

Selain itu beberapa projek akan turut dilaksanakan di bawah inisiatif NKRA seperti pembinaan tempat letak kereta bertingkat di stesen Rawang dan Klang. Penyediaan *park way drop zone* di stesen Kampung Datuk Harun, Serdang dan Batu Tiga untuk kemudahan penumpang mendapatkan perkhidmatan bas dan teksi. Di samping itu dua buah stesen baru telah dibina di Stesen Gua Musang dan Wakaf Baru manakala tiga lagi stesen iaitu Stesen Pasir Mas, Tanah Merah dan Krai telah dinaiktarafkan.

Berhubung dengan isu pembangunan sumber manusia, kakitangan KTMB dimaklumkan bahawa setiap kakitangan KTMB sama ada daripada kumpulan eksekutif mahupun teknikal adalah dikehendaki menjalani kursus atau latihan sama ada yang disediakan oleh pihak akademi KTM ataupun pusat latihan luar. Kursus atau latihan yang diberikan adalah bergantung kepada bidang tugas masing-masing. Semua kakitangan akan diberikan kursus atau latihan dari semasa ke semasa mengikut keperluan masing-masing bagi meningkatkan pengetahuan mutu kerja mereka.

Selain daripada kursus yang disediakan, mereka juga boleh memohon untuk menyertai kursus lain yang bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing. Pihak MyRA

akan melantik mana-mana tenaga pengajar ataupun pusat latihan luar yang berkelayakan untuk memberikan kursus khusus *core* subjek tenaga pengajar KTMB tidak mempunyai kepakaran atau kekurangan kemudahan latihan. Badan yang dilantik adalah mempunyai kelayakan serta berdaftar dengan Perbadanan Sumber Manusia Berhad. Selain daripada itu, KTMB juga telah dijemput oleh pihak luar seperti JR-East Japan dan Indian Railway, India bagi menyertai kursus yang ditawarkan di negara masing-masing setiap tahun. Pegawai yang dihantar bagi menyertai kursus tersebut adalah mengikut kesesuaian bidang tugas masing-masing.

Kakitangan teknikal dan jurutera KTMB juga mampu melaksanakan penyelenggaraan dan membaik pulih peralatan dan *coach*. Pihak KTMB akan menggunakan kepakaran atau kontraktor luar atau, dengan izin, *outsource* bagi penyelenggaraan atau membaik pulih proses atas kerosakan tertentu yang lebih *compacts*. Dalam aspek keselamatan operasi, KTMB mempunyai pusat kawalan pemantau berpusat bagi memastikan kelancaran operasi. Selain itu sistem perlindungan kereta api automatik, dengan izin, *automatic train protection* juga digunakan bagi memastikan keselamatan dan kelancaran operasi perkhidmatan kereta api. Penggunaan *meter gauge*, dengan izin turut digunakan manakala kekuatan landasan telah ditingkatkan daripada 16 tan kepada 20 tan untuk landasan baru terutamanya di sektor Gemas–Padang Besar, Perlis.

Untuk kemudahan solat. Pada masa ini penumpang bagi perjalanan jarak jauh dibenarkan untuk menggunakan kabin sedia ada. Walau bagaimanapun cadangan untuk menyediakan ruang khas solat dalam kereta api ini disambut baik dan akan dipertimbangkan oleh KTMB. Berhubung dengan perancangan meluaskan jaringan laluan biru. Seperti Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum terdapat perancangan untuk pembinaan kereta api berkelajuan tinggi atau dengan izin, *high speed rail* yang sedang giat dirundingkan antara Malaysia dengan Singapura. Selain daripada itu terdapat juga cadangan jajaran baru di Pantai Timur yang masih lagi diberi penelitian mendalam.

Dari segi pembangunan industri pembuatan kereta api, terdapat perancangan pada masa terdekat oleh syarikat pembuatan antarabangsa untuk membina sebuah pusat pembuatan bagi mengeluarkan kereta api di Malaysia. Pada masa yang sama Malaysia juga mempunyai syarikat pembuatan tempatan yang mengeluarkan set kereta api atau dengan izin train set untuk sistem monorel yang juga dikategorikan dalam industri kereta api ataupun *rail*. Perkembangan ini sudah pasti akan dapat memajukan lagi industri kereta api di negara kita.

Mengenai saling hubungan perkhidmatan rel di KL Sentral pula adalah dimaklumkan bahawa KL Monorel mempunyai sebuah stesen bersebelahan dengan KL Sentral. Sementara itu perkhidmatan LRT Ampang Line boleh dicapai dengan penggunaan LRT Kelana Jaya dan transit di stesen Masjid Jamek yang terletak hanya hentian dari KL Sentral. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Dewan bersidang semula pada jam 10 pagi, hari Khamis 12 Jun 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.39 petang]